



**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KHAS**

Bil. 3

Rabu

28 Julai 2021

K A N D U N G A N

**PENERANGAN DARIPADA YB. MENTERI SAINS, TEKNOLOGI
DAN INOVASI DI BAWAH P.M. 14(1)(i):**

– Program Vaksinasi

(Halaman 9)

**KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN
28 JULAI 2021**

Ahli-ahli Yang Hadir:

1. YAB. Tan Sri Mahiaddin bin Mohd Yassin (Pagoh)
2. YB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob (Bera)
3. YB. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
4. YB. Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof (Petrajaya)
5. YB. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein (Sembrong)
6. YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)
7. YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili (Kota Marudu)
8. YB. Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man (Kubang Kerian)
9. YB. Datuk Seri M. Saravanan (Tengah)
10. YB. Datuk Seri Rina binti Mohd Harun (Titiwangsa)
11. YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)
12. YB. Datuk Seri Mohd Redzuan bin Yusof (Alor Gajah)
13. YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)
14. YB. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli)
15. YB. Dato' Seri Hamzah bin Zainudin (Larut)
16. YB. Dato' Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota)
17. YB. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing)
18. YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa (Ketereh)
19. YB. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah (Lenggong)
20. YB. Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau)
21. YB. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Kota Tinggi)
22. YB. Datuk Seri Dr. Adham bin Baba (Tenggara)
23. YB. Dato' Sri Alexander Nanta Linggi (Kapit)
24. YB. Dato' Sri Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong)
25. YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan (Kota Bharu)
26. YB. Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali (Kuala Nerus)
27. YB. Dato' Eddin Syazlee bin Shith (Kuala Pilah)
28. YB. Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz (Tanah Merah)
29. YB. Tuan Muslimin bin Yahaya (Sungai Besar)
30. YB. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali (Bagan Serai)
31. YB. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Hj. Samsudin (Masjid Tanah)
32. YB. Dato' Rosol bin Wahid (Hulu Terengganu)
33. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau)
34. YB. Tuan Jonathan bin Yasin (Ranau)
35. YB. Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)
36. YB. Tuan Ali bin Biju (Saratok)
37. YB. Tuan Willie Anak Mongin (Puncak Borneo)
38. YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya (Tasek Gelugor)
39. YB. Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad (Lipis)
40. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib (Maran)
41. YB. Tuan Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)
42. YB. Datin Mastura binti Mohd Yazid (Kuala Kangsar)
43. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah (Jasin)
44. YB. Datuk Zahidi bin Zainul Abidin (Padang Besar)

45. YB. Dato' Henry Sum Agong (Lawas)
46. YB. Datuk Aaron Ago Dagang (Kanowit)
47. YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah (Limbang)
48. YB. Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan (Keningau)
49. YB. Tuan Arthur Joseph Kurup (Pensiangan)
50. YB. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary (Pengkalan Chepa)
51. YB. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi. (Tumpat)
52. YB. Tuan Haji Awang bin Hashim (Pendang)
53. YB. Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu)
54. YB. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)
55. YB. Dato' Mohd Rashid bin Hasnon (Batu Pahat)
56. YB. Dato' Sri Azalina Othman Said. (Pengerang)
57. YB. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Pekan)
58. YB. Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem (Serian)
59. YB. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh (Besut)
60. YB. Tan Sri Noh bin Haji Omar (Tanjong Karang)
61. YB. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman (Pasir Salak)
62. YB. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid (Padang Terap)
63. YB. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim (Arau)
64. YB. Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang)
65. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan (Pontian)
66. YB. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub (Machang)
67. YB. Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh (Pasir Puteh)
68. YB. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Bachok)
69. YB. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli (Dungun)
70. YB. Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya)
71. YB. Dato' Sri Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan)
72. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria (Parit)
73. YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin (Rompin)
74. YB. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz (Padang Rengas)
75. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari (Pasir Mas)
76. YB. Tuan Sabri bin Azit (Jerai)
77. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman (Sik)
78. YB. Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir (Setiu)
79. YB. Tuan Che Alias bin Hamid (Kemaman)
80. YB. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris (Jerantut)
81. YB. Dato' Haji Jalaluddin bin Alias (Jelebu)
82. YB. Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu (Tambun)
83. YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh (Sabak Bernam)
84. YB. Datuk Dr. Shahrudin Bin Md. Salleh (Sri Gading)
85. YB. Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman (Kuala Krai)
86. YB. Dato' Haji Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Jempol)
87. YB. Datuk Zakaria bin Mohd Edris (Libaran)
88. YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa (Sipitang)
89. YB. Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang)
90. YB. Puan Rubiah binti Wang (Kota Samarahan)
91. YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun (Beaufort)
92. YB. Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar)
93. YB. Datuk Robert Lawson Chuat (Betong)

94. YB. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi (Igan)
95. YB. Tuan Yusuf bin Abd Wahab (Tanjong Manis)
96. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni (Sibuti)
97. YB. Tuan Anyi Ngau (Baram)
98. YB. Datuk Mohamad bin Alamin (Kimanis)
99. YB. Tuan Ramli Bin Dato' Mohd Nor (Cameron Highlands)
100. YB. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Port Dickson)
101. YB. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kota Raja)
102. YB. Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
103. YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail (Kulim Bandar Baharu)
104. YB. Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub (Pulai)
105. YB. Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani)
106. YB. Tuan Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
107. YB. Tuan Loke Siew Fook (Seremban)
108. YB. Puan Fuziah binti Salleh (Kuantan)
109. YB. Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Kuala Langat)
110. YB. Datuk Seri Shamsul Iskandar @Yusre bin Mohd Akin (Hang Tuah Jaya)
111. YB. Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru)
112. YB. Tuan R. Sivarasa (Sungai Buloh)
113. YB. Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik (Balik Pulau)
114. YB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Pandan)
115. YB. Tuan Lim Kit Siang (Iskandar Puteri)
116. YB. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
117. YB. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
118. YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor)
119. YB. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Segambut)
120. YB. Puan Teo Nie Ching (Kulai)
121. YB. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin (Sepang)
122. YB. Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
123. YB. Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji (Raub)
124. YB. Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa (Parit Buntar)
125. YB. Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
126. YB. Puan Yeo Bee Yin (Bakri)
127. YB. Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal (Semporna)
128. YB. Tuan Sim Chee Keong (Bukit Mertajam)
129. YB. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kapar)
130. YB. Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
131. YB. Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
132. YB. Tuan Ong Kian Ming (Bangi)
133. YB. Tuan Chong Chieng Jen (Stampin)
134. YB. Puan Kasthuriraani a/p Patto (Batu Kawan)
135. YB. Tuan Wong Chen (Subang)
136. YB. Tuan Lim Lip Eng (Kepong)
137. YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee (Damansara)
138. YB. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
139. YB. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh (Bukit Gelugor)
140. YB. Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
141. YB. Puan Nor Azrina binti Surip (Merbok)
142. YB. Datuk Wira Haji Mohd Anuar Mohd Tahir (Temerloh)

143. YB. Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
144. YB. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Setiawangsa)
145. YB. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh (Ledang)
146. YB. Tuan Su Keong Siong (Kampar)
147. YB. Tuan Wong Kah Woh (Ipoh Timur)
148. YB. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Wangsa Maju)
149. YB. Puan Wong Shu Qi (Kluang)
150. YB. Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu (Batu Gajah)
151. YB. Dr. Azman bin Ismail (Kuala Kedah)
152. YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)
153. YB. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad (Langkawi)
154. YB. Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir (Jerlun)
155. YB. Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman (Muar)
156. YB. Datuk Ignatius Darell Leiking (Penampang)
157. YB. Dr. Maszlee bin Malik (Simpang Renggam)
158. YB. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
159. YB. Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan)
160. YB. Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah (Kubang Pasu)
161. YB. Datuk Mohd Azis bin Jamman (Sepanggar)
162. YB. Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau (Tuaran)
163. YB. Tuan Baru Bian (Selangau)
164. YB. Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Farkharudy (Kota Belud)
165. YB. Tuan Ma'mun bin Sulaiman (Kalabakan)
166. YB. Puan Hajah Natrah Binti Ismail (Sekijang)
167. YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)
168. YB. Tuan Kesavan a/l Subramaniam (Sungai Siput)
169. YB. Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)
170. YB. Tuan Wong Tack (Bentong)
171. YB. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)
172. YB. Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir (Johor Baru)
173. YB. Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)
174. YB. Tuan Noor Amin bin Ahmad (Kangar)
175. YB. Tuan Karupaiya a/l Mutusami (Padang Serai)
176. YB. Tuan Teh Kok Lim (Taiping)
177. YB. Puan Noorita Binti Sual (Tenom)
178. YB. Puan Rusnah Binti Aluai (Tangga Batu)
179. YB. Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)
180. YB. Datuk Christina Liew Chin Jin (Tawau)
181. YB. Puan June Leow Hsiad Hui (Hulu Selangor)
182. YB. Puan Maria Chin binti Abdullah (Petaling Jaya)
183. YB. Tuan Cha Kee Chin (Rasah)
184. YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji (Jelutong)
185. YB. Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)
186. YB. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)
187. YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon (Tebrau)
188. YB. Tuan Awang Husaini bin Sahari (Putatan)
189. YB. Tuan Jugah Ak Muyang @ Tambat (Lubok Antu)
190. YB. Tuan Pang Hok Liong (Labis)
191. YB. Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)

192. YB. Datuk Rozman bin Isli (Labuan)
193. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan (Papar)
194. YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau)
195. YB. Tuan Prabakaran a/l M. Parameswaran (Batu)
196. YB. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)
197. YB. Tuan Mordi anak Bimol (Mas Gading)
198. YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus (Hulu Langat)
199. YB. Datuk Dr. Hasan bin Bahrom (Tampin)
200. YB. Tuan Wong Ling Biu (Sarikei)

Ahli-ahli Yang Tidak Hadir:

1. YB. Puan Zuraida binti Kamaruddin (Ampang)
2. YB. Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican (Kepala Batas)
3. YB. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong)
4. YB. Datuk Abd. Rahim bin Bakri (Kudat)
5. YB. Dato' Kamarudin Jaffar (Bandar Tun Razak)
6. YB. Dato' Mansor Othman (Nibong Tebal)
7. YB. Dato' Hajah Hanifah Hajar Taib (Mukah)
8. YB. Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang)
9. YB. Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang)
10. YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datuk)
11. YB. Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
12. YB. Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu)
13. YB. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim (Baling)
14. YB. Dato' Masir Kujat (Sri Aman)
15. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Lumut)
16. YB. Datuk Mohamaddin bin Ketapi (Lahad Datu)
17. YB. Tuan Hassan bin Abdul Karim (Pasar Gudang)
18. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Permatang Pauh)
19. YB. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
20. YB. Dr. Michael Teo Yu Keng (Miri)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KHAS
Rabu, 28 Julai 2021**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, sebelum...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Belum lagi mula. Sebelum kita memulakan Majlis pada pagi ini, saya ingin membaca beberapa pemakluman.

Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya sentiasa memakai pelitup muka- *face mask* semasa berada di dalam Dewan. Pemakaian *double face mask* adalah sangat digalakkan memandangkan virus COVID-19 ini boleh merebak dan berjangkit melalui udara dengan jangka masa yang singkat terutamanya Varian Delta.

Suka saya ingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk menarik pengadang lut sinar yang dipasang semasa duduk di dalam Dewan bagi memastikan terdapat jarak pemisah antara Ahli-ahli Yang Berhormat, dan tiada kontak rapat antara Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dimaklumkan juga bahawa pegawai penguat kuasa berada di sekitar kompleks Parlimen Malaysia sepanjang Persidangan Mesyuarat Khas. Sehubungan dengan itu, Ahli-ahli Yang Berhormat dinasihatkan sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard atau SOP Pelaksanaan Persidangan Parlimen yang telah diedarkan.

Ada pemakluman yang kedua. Ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan Kertas Maklumat yang telah diedarkan di atas meja Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) akan memberikan penerangan berkenaan Pelaksanaan Darurat pada hari Isnin, 2 Ogos 2021. Sekian, terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan ada dua Usul yang telah pun dimasukkan iaitu daripada Yang Berhormat Puchong dan juga Yang Berhormat Sepang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh rujuk *point of order* nombor berapakah Yang Berhormat?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Point of order* 36(12), dan juga 26(1)(p).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini Usul untuk merujuk Ahli Parlimen Kota Baharu, Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan menurut Peraturan Mesyuarat 36(12). Alasan-alasan diberikan di situ susulan daripada apa yang berlaku dalam Dewan dua hari yang lalu.

Saya minta Tuan Yang di-Pertua supaya satu keputusan dibuat berkenaan dengan usul ini dan sama ada, ada ataupun tidak kita akan dibenarkan untuk membahaskan usul ini. Terima kasih. Sahabat saya Yang Berhormat Sepang juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sebelum itu saya hendak memaklumkan setakat waktu ini, Usul yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Puchong belum diterima lagi setakat ini. Sila teruskan kepada...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada *acknowledgement of receive*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya ada *acknowledgement*. Memang sudah diakui diterima. Jadi, bukan keadaan tidak diterima, ada diterima. Saya sendiri yang pergi failkan tadi dan ada jumpa Tuan Yang di-Pertua semasa itu. Jadi, saya minta satu petua Tuan Yang di-Pertua, bagaimana keputusan akan dibuat dan sekiranya kita akan dibenarkan untuk bahas Usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Puchong.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(12).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kedua, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memfailkan semalam dan telah ada *acknowledgement of receive*. Jadi sekarang ini saya hendak minta petua daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Sepang boleh Peraturan Mesyuarat berapa?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Peraturan Mesyuarat 36(12) juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya telah failkan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puchong tadi. *Basically*, kita punya Usul ini adalah berkaitan dengan permohonan untuk merujuk Yang Berhormat Menteri Undang-undang ataupun Yang Berhormat Kota Bharu ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana telah mengelirukan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ini hendak minta satu penerangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Sepang, adakah sama dengan Yang Berhormat Puchong tadi? Kalau sama, saya sudah ambil maklum.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan, saya punya lain sedikit. Tuan Yang di-Pertua, biasa yang berlaku, rang undang-undang apabila kita failkan satu *motion*, ia akan diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua. Selepas itu kalau sekiranya kita tidak puas hati, kita boleh merayu dalam masa 48 hari. Okey, sekarang persoalannya, semasa perbahasan berkaitan dengan usul yang saya hendak bagi ini, Tuan Yang di-Pertua terlibat juga dalam perbahasan itu.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua telah *actively involved*, dengan izin untuk meminta supaya usul ini dibincangkan ataupun isu kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Undang-undang itu dibincangkan pada hari Isnin. Sedangkan isu ini isu yang patut perlu disegerakan.

Jadi saya sekarang hendak minta petua, adakah wajar Tuan Yang di-Pertua yang akan mendengar usul saya ini? Saya memohon supaya ada satu penggantungan di bawah Aturan Mesyuarat 90 supaya Dewan ini yang menentukan. Buat satu pengundian, kita bahas dan kita tentukan. Dewan ini yang menentukan sama ada usul saya diterima ataupun tidak.

■1010

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Sepang. Baik. Kalau sekiranya ada apa-apa isu, boleh...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua, akan ada isu *bias* dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Sepang. Sila Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 43.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Peraturan Mesyuarat 43.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Pada hari Isnin, saya sudah meminta Tuan Yang di-Pertua untuk memastikan usul saya merayu kepada Majlis Dewan Mesyuarat ini berkenaan dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua menolak empat usul saya berkenaan dengan pengisytiharan darurat dan juga tiga lagi Ordinan-ordinan Darurat. Itu hak saya untuk merayu. Akan tetapi, sudah hari ketiga ini, saya tidak nampak usul-usul saya merayu terhadap keputusan Tuan Yang di-Pertua dibentangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ini kerana ikut peraturan, ia boleh difailkan bila-bila dengan syarat *not more than two days. Maximum two days*. So, ini sudah hari ketiga. Saya mohon rayuan ini kerana Tuan Yang di-Pertua tidak boleh menolak usul saya. Ini hak Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Jadi, saya haraplah dapat penjelasan kenapa tidak di dalam Aturan Mesyuarat hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Beruas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, bagi saya respons dahulu. Rayuan dimaklumkan telah diterima di Pejabat Speaker dan dalam pertimbangan, Yang Berhormat Beruas. Terima kasih, Yang Berhormat Beruas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 26(1)(b).

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua tidak ada hak mempertimbangkan. Bila kah ia akan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya kata tadi telah diterima. Nanti dia akan respons kemudian.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Mesti ada dalam aturan. Bukan hak untuk- tidak ada budi bicara untuk menolak usul saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih, Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Harap itulah satu keputusan yang tepat bahawa tidak ada hak untuk menolak Usul saya. Hanya bila hendak dimasukkan dalam *Aturan Urusan Mesyuarat*? Kalau itu jaminan diberikan, saya berterima kasihlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Beruas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi Yang Berhormat Lembah Pantai dahulu.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi Yang Berhormat Lembah Pantai dahulu.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebentar. Peraturan Mesyuarat 36(12). Ini berkenaan dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tenggara, Menteri Kesihatan semalam sewaktu jawapan pada sebelah petang. Yang Berhormat Tenggara telah menyatakan, "*Tidak akan ada apa-apa tindakan kepada mereka yakni doktor-doktor kontrak yang berharta walaupun mereka keluar semalam. Mereka berhak berbuat demikian.*" Akan tetapi, pada pagi ini jam 9.15 pagi tadi, ada laporan media dalam *Malaysiakini* yang menyatakan, polis telah- sehingga jam 3.45 pagi tadi, merakam percakapan 12 orang doktor di MAEPS, Serdang.

Jadi, saya ingin minta penjelasan, adakah kenyataan Yang Berhormat Menteri Kesihatan semalam itu bagi pihak seluruh kerajaan ataupun hanya Kementerian Kesihatan ataupun sebahagian daripada kerajaan ataupun bagi pihak diri beliau sendiri? Kenapakah masih ada tindakan terhadap doktor-doktor yang telah keluar membuat hartal pada hari Isnin yang lalu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Lembah Pantai. Kita ambil maklum perkara tersebut dan kita minta Yang Berhormat Menteri untuk respons kepada perkara itu.

Sila, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun terlibat dengan Peraturan 26(1)(b) iaitu mengenai *Motion* ini. Sebenarnya oleh

sebab Ahli-ahli Parlimen lain turut merujuk kepada perkara yang sama, saya tidak mengusulkan perkara tersebut. Akan tetapi, yang mustahak adalah ini, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya macam diberi semalam dahulu dan sebagainya. Ia patut disegerakan seberapa segera yang boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kita semua tahu, Tuan Yang di-Pertua, Parlimen hanya bersidang lima hari. *Isn't there an urgency for the matter to be heard immediately?* Beri keutamaan dengan seberapa segera yang boleh. Kenapakah kita hendak lambat-lambatkan perkara ini? Menteri Undang-undang ada di sini. Kalau dia berani, bangun dan jawab sahaja, tidak perlu takut-takut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dia punya Perdana Menteri ada di sini. Maka ini adalah satu antara perkara yang kita perlu ingat. *The Parliament must be relevant.* Kalau *relevancy*-nya hilang, orang ramai pun kluatir bahawa kita tidak menjalankan tugas. Jadi, saya memohonlah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ini perlu disegerakan. Kalau boleh seberapa cepat yang boleh, sekarang sahaja perkara itu didengar dengan diberi keutamaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(12). Saya cuma ingin tambah kepada permohonan Yang Berhormat Puchong. Tuan Yang di-Pertua tahu bahawa ketika Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menitahkan supaya Parlimen bersidang, ia adalah untuk membincangkan Ordinan-ordinan Darurat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Pada hari pertama kita hadir, semua Ordinan Darurat ini telah diletakkan di atas meja semua Ahli-ahli Parlimen. Kalaulah betul apa Yang Berhormat Kota Bharu katakan bahawa Ordinan-ordinan Darurat ini telah pun ditarik balik pada 21 Julai, maka kenapa semua ini diletakkan di atas meja kita? Jadi, betul, benar bahawa Yang Berhormat Kota Bharu telah mengelirukan Dewan.

So, saya minta supaya Usul dari Yang Berhormat Puchong, Usul Yang Berhormat Sepang diberi perhatian, dan dibahaskan di Dewan yang mulia ini sebelum kita meneruskan dengan agenda-agenda lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya hendak meneruskan Aturan Mesyuarat pada hari ini dengan menjemput Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi untuk berikan penerangan mengenai vaksinasi.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Buat keputusanlah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, tolonglah patuhi peraturan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(12).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya menjemput Yang Berhormat Rembau.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, boleh beritahu apa tindakan yang akan diambil? Ipoh Barat di sini. *Are you going to keep it on the table and no action will be taken?*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Ipoh Barat, tadi Yang Berhormat Puchong telah pun memberikan secara bertulis. So, kita akan minta Tuan Yang di-Pertua untuk membuat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *You are the Speaker now, presiding officer.* Buat keputusan serta-merta. Tidak perlu jumpa Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Pejabat kita telah...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, tadi yang saya bangkitkan itu, boleh saya dapatkan satu panduan, bilakah kita boleh dapat satu keputusan berkenaan dengan usul ini? Adakah kita perlu untuk bantangan sekarang? Saya sedia untuk bantangan tetapi saya pohon arahan. Apakah kedudukannya? *You are the Speaker, you must give us the direction.* Kalau tidak, saya terus berhujah kerana usul ada di hadapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak perlu. Saya perlu merujuk kepada...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang di-Pertua? Okey. Baik, baik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Merujuk siapa? Merujuk kepada diri kamu sendiri?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang di-Pertua akan memberi penjelasan kemudian nanti? Bila...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, Yang di-Pertua akan berikan penjelasan kemudian. *About one hour*, dia akan ada di dalam Dewan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *In an one hour time*, okey. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 99.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mula?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak teruskan juga kerana masa sangat berharga untuk Yang Berhormat Menteri membentangkan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Sebab, Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada di sini. Mungkin sejam dari sekarang Menteri Kesihatan sudah tidak ada.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cukuplah itu.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan jawab tentang isu ini? Ataupun adakah doktor-doktor akan masih disiasat? Itu soalnya.

**PENERANGAN DARIPADA YB. MENTERI SAINS, TEKNOLOGI
DAN INOVASI DI BAWAH P.M. 14(1)(i)**

PROGRAM VAKSINASI

10.18 pg.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya memberikan Penerangan Menteri berkaitan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang semua sedia maklum, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) telah bermula pada 24 Februari 2021. Walaupun PICK secara rasminya bermula pada tarikh tersebut, namun pelbagai persediaan serta tindakan telah dilaksanakan lebih awal terutamanya melibatkan

proses rundingan dan perolehan vaksin COVID-19 yang digunakan di bawah PICK.

Secara kronologinya, kerajaan menerusi tiga buah kementerian iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Luar Negeri serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah membentuk satu pendekatan diplomasi sains pada 21 April 2020, iaitu tidak lama selepas Malaysia diserang wabak COVID-19, bagi membolehkan tindakan proaktif dalam mendapatkan kerjasama antarabangsa untuk bekalan PPE, perubatan dan vaksin.

Menerusi pendekatan diplomasi sains ini, kerajaan telah mengadakan pelbagai rundingan sama ada bersama negara luar mahupun dengan syarikat pembuat vaksin di seluruh dunia. Pada ketika pendekatan ini dimulakan, kesemua vaksin COVID-19 masih lagi di peringkat kajian dan kebanyakannya belum lagi memulakan apa-apa ujian klinikal ke atas manusia.

Susulan daripada pelbagai siri rundingan bersama negara dan syarikat pengeluar vaksin, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Oktober 2020 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19 (JKJAV) yang dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi untuk memastikan bekalan vaksin COVID-19 diperolehi dengan segera, selamat dan sempurna dan dipengerusikan bersama oleh Menteri Kesihatan dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

■1020

JKJAV akan memainkan peranan penting sebagai jawatankuasa induk dalam merancang, melaksana dan memantau keseluruhan PICK termasuklah dalam membentuk polisi dan dasar vaksinasi COVID-19, memberikan syor tentang jenis vaksin, keselamatan dan keberkesanan sesuatu vaksin dan pemantauan kesan vaksin yang akan digunakan di bawah PICK, serta implikasi kewangan dan perolehan PICK.

Seterusnya pada 23 Disember, Mesyuarat Jemaah Menteri telah mengambil maklum berkenaan pelan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang telah dibangunkan Kementerian Kesihatan sebagai persediaan awal bagi memastikan pengagihan vaksin COVID-19 kepada rakyat berjalan lancar apabila bekalan vaksin mula sampai pada suku pertama tahun 2021.

Pada 20 Januari 2021 pula, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menguruskan pelaksanaan pelan ini daripada aspek bukan perkhidmatan kesihatan khususnya dalam isu-isu berkaitan logistik, penyelarasan dengan negeri-negeri dan agensi-agensi kerajaan. Manakala Kementerian Kesihatan pula akan terus memberi tumpuan

kepada hal-hal menangani penularan pandemik COVID-19. Keputusan ini adalah selaras dengan Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 2021 perenggan 6(1) di bawah tajuk arahan untuk rawatan imunisasi pengasingan pemerhatian atau pengawasan dan perenggan 11(a) di bawah tajuk kuasa eksekutif dan perundangan bagi tempoh darurat berkuat kuasa.

Mesyuarat Jemaah Menteri juga pada 3 Februari 2021, telah bersetuju supaya sebuah Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 atau, dengan izin, *COVID-19 Immunisation Task Force* (CITF) ditubuhkan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. CITF ini dipengerusikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang bertindak selaku Menteri Penyelaras PICK. Penubuhan CITF ini turut diumumkan dalam perutusan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4 Februari 2021.

Tujuan penubuhan CITF adalah untuk menangani pandemik wabak COVID-19 melalui inisiatif imunisasi seluruh masyarakat di dalam negara yang seterusnya mempercepatkan pemulihan ekonomi negara serta mengkoordinasi Persekutuan dan negeri serta memberikan perkhidmatan sokongan kepada pelan PICK. CITF diketuai secara bersama oleh dua orang pengarah pengurusan projek iaitu Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan dan Timbalan Panglima Tentera Darat.

Tuan Yang di-Pertua, susulan daripada rundingan yang telah dijalankan bersama negara dan syarikat pengeluar vaksin serta selepas dibawa kepada pertimbangan JKJAV dan Mesyuarat Jemaah Menteri, kerajaan mula menandatangani perjanjian perolehan vaksin pada bulan November 2020.

Perjanjian pertama yang telah ditandatangani ialah penyertaan Malaysia ke dalam fasiliti COVAX di bawah kelolaan *Global Alliance for Vaccines and Immunisation* (GAVI), *The Coalition for Epidemic Preparedness Innovations* (CEPI) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Menerusi COVAX, setiap negara peserta mendapat jaminan bekalan vaksin antara 10 hingga 50 peratus populasi negara. Menerusi penyertaan Malaysia ke dalam fasiliti COVAX, kerajaan sehingga kini telah bersetuju untuk memperoleh vaksin *AstraZeneca*, *Janssen* iaitu Johnson & Johnson serta *Novavax* daripada kemudahan COVAX ini. Kerajaan juga telah menandatangani perjanjian perolehan bersama Pfizer-BioNTech bagi vaksin jenama *Comirnaty*.

Bagi perjanjian pertama yang ditandatangani pada 24 November 2020 oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, jumlah dos vaksin yang diperolehi menerusi syarikat *Pfizer* sebanyak 20 peratus populasi negara. Walau bagaimanapun, jumlah ini telah ditambah menerusi dua perjanjian tambahan ataupun *amended agreement* yang ditandatangani pada 22 Mac 2021 dan 19 Mei

2021 menjadikan jumlah terkini bekalan vaksin *Pfizer* yang dibeli adalah bersamaan 70 peratus populasi negara Malaysia.

Seterusnya pada 21 Disember 2020 pula, kerajaan telah menandatangani perjanjian pembelian vaksin COVID-19 keluaran *AstraZeneca* sebanyak 10 peratus populasi negara. Penjelasan tadi *AstraZeneca* melalui fasiliti COVAX lain daripada perolehan ini iaitu perolehan secara langsung daripada syarikat *AstraZeneca*.

Kerajaan juga pada 26 Januari telah memeterai perjanjian pembelian vaksin keluaran *Sinovac* dan juga *Gamaleya* dari negara Rusia serta pada 29 Januari bagi vaksin *CanSino*. Berdasarkan perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani ini, jumlah vaksin yang terdapat dalam portfolio vaksin COVID-19 Malaysia sebanyak lapan jenis daripada enam- pembekal serta mencukupi bagi 130.3 peratus populasi negara Malaysia. Pecahan portfolio vaksin akan saya sentuh kemudian.

Selain daripada jumlah yang dinyatakan ini, kerajaan juga sedang meneruskan rundingan bersama syarikat pembekal vaksin bagi memastikan bekalan vaksin Malaysia mempunyai jumlah penimbal sekiranya terdapat gangguan bekalan ataupun penghantaran dari mana-mana syarikat pembekal vaksin yang terganggu. Ini termasuklah tambahan bekalan vaksin *Sinovac* sebanyak tiga juta- dos yang ketika ini sedang dimuktamadkan.

Lebih pembelian melebihi 100 peratus keseluruhan populasi Malaysia ini adalah sebagai simpanan penimbal ataupun *stockpile* dalam keadaan kecemasan bagi kumpulan masyarakat yang tercicir dari statistik seperti warga negara asing yang tiada dokumen dan juga keperluan pemberian vaksinasi kepada golongan kanak-kanak yang buat masa ini belum dilaksanakan ataupun keperluan *booster shot* yang ketika ini masih di peringkat kajian pelaksanaannya dan keperluannya oleh panel pakar di bawah JKJAV.

Tuan Yang di-Pertua, vaksin COVID-19 merupakan, dengan izin, *highly regulated product* serta tertakluk kepada peruntukan undang-undang untuk dibawa masuk dan digunakan di Malaysia. Bagi maksud ini, setiap vaksin COVID-19 perlulah melepasi penilaian bahagian *National Pharmaceutical Regulatory Agency* (NPRA) serta mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah ataupun dengan izin, *Drug Control Authority* (DCA).

Sebagaimana produk farmaseutikal yang lain, setiap vaksin COVID-19 perlulah didaftarkan oleh sebuah syarikat farmaseutikal tempatan sebagai pemegang pendaftaran produk ataupun *product registration holder*. Kesemua

vaksin COVID-19 yang diluluskan penggunaannya diberikan kelulusan pendaftaran bersyarat- *conditional registration*.

Pendaftaran bersyarat ini memerlukan syarikat pemegang pendaftaran tempatan ataupun *local product registration holder* untuk mengemukakan analisis data-data tambahan dan terkini secara *rolling submission* ataupun berkala untuk dinilai oleh pihak NPRA. Penilaian NPRA akan dibuat berdasarkan piawaian *regulatory* antarabangsa seperti yang digariskan oleh WHO dan *The International Council for Harmonisation of Technical Requirements for Pharmaceuticals for Human Use* (ICH). Aspek-aspek yang dinilai adalah seperti berikut:

- (i) kualiti - aspek pengawalan bahan mentah dan proses pengilangan agar produk mengikut spesifikasi;
- (ii) keselamatan - selain efektif dalam memberi perlindungan, vaksin mungkin memberikan kesan-kesan sampingan lain. NPRA berperanan memastikan kebaikan produk yang diterima adalah melebihi risiko kesihatan sampingan yang diketahui- *the benefits outweigh the risks*; dan
- (iii) keberkesanan ataupun *efficacy* - aspek penghasilan antibodi yang mencukupi bagi melawan jangkitan COVID-19.

■1030

Atas keperluan mendesak bagi membolehkan pendaftaran vaksin COVID-19 dibuat secara segera tanpa mengabaikan aspek kualiti keselamatan dan keberkesanan, NPRA telah mengeluarkan *directive* berkenaan pelaksanaan pendaftaran *fast track* bersyarat untuk produk farmaseutikal semasa bencana yang merangkumi syarat-syarat berikut:

- (i) produk digunakan untuk penyakit serius dan mengancam nyawa serta berpotensi menyebabkan wabak epidemik dan pandemik;
- (ii) produk sedia ada berdaftar belum berjaya membasmi penyakit ataupun mencegah wabak epidemik dan pandemik tersebut;
- (iii) produk mestilah sekurang-kurangnya sedang menjalani kajian klinikal fasa tiga yang mempunyai data awal ataupun interim berkaitan keselamatan dan keberkesanan berdasarkan sekurang-kurangnya satu kajian klinikal fasa tiga yang telah dirancang dengan baik dan menunjukkan keselamatan dan keberkesanan produk farmaseutikal yang jelas; dan

- (iv) produk telah berdaftar ataupun telah diberi *emergency use authorization* oleh badan *regulatory* negara pengeluar atau badan *regulatory* rujukan oleh PBKD (DCA) atau WHO seperti FDA, MHRA UK dan European Medicines Agency.

Selain itu, pendaftaran vaksin COVID-19 yang dibekalkan melalui fasiliti COVAX juga telah dipermudah cara menerusi mekanisme *recognition* berdasarkan *WHO Emergency Use Listing*. Menerusi mekanisme ini, pakej laporan dan *dossier* termasuklah pengemaskinian maklumat sesuatu vaksin akan diterima terus oleh NPRA daripada pihak WHO.

Selain daripada keperluan *product registration holder* ataupun pemegang pendaftaran produk oleh syarikat farmaseutikal tempatan, setiap kilang pengeluaran vaksin juga akan dinilai oleh NPRA sebelum kelulusan bersyarat diberikan. Pematuhan pihak pengilang vaksin terhadap keperluan Amalan Perkilangan Baik ataupun *Good Manufacturing Practice (GMP)* merupakan kriteria utama dalam memastikan produk yang dihasilkan berkualiti mengikut piawaian di samping meminimumkan risiko yang mungkin wujud dalam aktiviti pengeluaran. Sebagai contoh untuk *AstraZeneca*, kita menerima dari pelbagai kilang. Kilang di Jepun, kilang di Korea Selatan, kilang di Thailand. Setiap satu dari kilang itu telah pun mendapat kelulusan dari NPRA selepas analisa kepatuhan kepada GMP dan sebagainya.

Daripada lapan jenis vaksin COVID-19 yang terdapat dalam portfolio PICK, sebanyak enam daripadanya telah melepasi penilaian NPRA dan mendapat kelulusan pendaftaran bersyarat daripada *Drug Control Authority*.

Vaksin tersebut adalah bagi fasiliti COVAX, vaksin *AstraZeneca*, 2 April 2021 tarikh kelulusan.

Bagi vaksin *Johnson & Johnson* melalui COVAX, 15 Jun 2021.

Bagi vaksin *Comirnaty* ataupun *Pfizer*, 8 Januari 2021.

Bagi vaksin *CoronaVac* dari *Sinovac*, 2 Mac 2021.

Bagi vaksin *AstraZeneca*, secara langsung dari *AstraZeneca*, 2 Mac 2021.

Dan bagi vaksin *Convidecia* dari *CanSino*, 15 Jun 2021.

Vaksin *Sputnik V* keluaran *Gamaleya National Research Center of Epidemiology and Microbiology*, Russia ketika ini masih sedang melalui proses penilaian NPRA.

Manakala bagi vaksin *Novavax* yang ditawarkan pembeliannya melalui fasiliti COVAX masih belum mendapat kelulusan *Emergency Use Listing* oleh WHO.

Selain daripada vaksin dalam portfolio PICK, terdapat dua lagi jenis vaksin COVID-19 yang turut telah mendapat kelulusan bersyarat oleh *Drug Control Authority* ataupun DCA.

Vaksin-vaksin tersebut adalah vaksin *Covilo* keluaran *Sinopharm* di mana pemegang pendaftaran tempatan *Duopharma Sdn. Bhd*, tarikh kelulusan 16 Julai.

Dan vaksin *Janssen* daripada *Johnson & Johnson* secara langsung pada 16 Julai tarikh yang sama.

Walaupun vaksin ini tidak berada dalam portfolio PICK, pendaftaran bersyarat ini akan membolehkan vaksin-vaksin ini digunakan di Malaysia sekiranya keadaan memerlukan menerusi Perolehan Kerajaan ataupun dijual bagi pasaran pihak swasta.

Dalam memastikan COVID-19 sentiasa terjamin kualiti, keselamatan dan keberkesannya, NPRA juga telah ataupun turut menjalankan aktiviti *Lot Release* bagi setiap kumpulan atau *batch vaccine* yang dihantar oleh pembekal. Ini langkah *quality assurance*. Menerusi aktiviti *Lot Release*, suatu penilaian *Lot Release Protocol* akan dijalankan di mana pemegang pendaftaran produk tempatan perlu menghantar dokumen serta butiran untuk dinilai oleh NPRA bagi memastikan ia sama seperti maklumat yang terdapat dalam *dossier* ketika permohonan pendaftaran dibuat. Aktiviti *Lot Release* juga berkehendakkan pemeriksaan rangkaian sejuk ataupun *cold chain inspection* dijalankan di gudang produk atau fasiliti kesihatan yang menerima vaksin tersebut untuk memastikan tidak berlaku apa-apa kerosakan dalam perjalanan penghantaran vaksin.

Dalam konteks penilaian dan kelulusan ini, ia bukan sahaja bagi vaksin yang akan dibawa masuk menerusi pembelian atau perolehan kerajaan, malah turut terpakai kepada mana-mana vaksin yang diterima menerusi sumbangan daripada negara lain mahupun mana-mana pihak yang hendak membawa masuk vaksin untuk digunakan di negara ini. Justeru, mana-mana pihak yang sebelum ini telah menyatakan kesediaan untuk memberikan sumbangan vaksin, kita sangat alu-alukan, malah akan cuba memudah cara proses. Akan tetapi mereka perlulah terlebih dahulu mengemukakan dokumen berkaitan kepada NPRA bagi membolehkan vaksin ini digunakan. Kerajaan tidak boleh dan tidak akan mengambil ringan dalam soal keselamatan dan keberkesanan memandangkan vaksin ini akan digunakan ke atas tubuh badan manusia serta melibatkan nyawa seseorang.

Selain kawal selia vaksin, kerajaan dalam usaha meyakinkan orang ramai terhadap keberkesanan dan terutamanya keselamatan vaksin juga telah bersetuju untuk mewujudkan Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin

COVID-19 kepada individu yang mendapat kesan sampingan yang serius setelah mendapat suntikan vaksin COVID-19 di bawah PICK iaitu RM50 ribu jika berlaku kesan sampingan yang serius kepada penerima vaksin COVID-19 yang memerlukan rawatan berpanjangan di hospital dan RM500 ribu jika berlaku hilang upaya kekal atau kematian disebabkan vaksin COVID-19.

Untuk itu kerajaan telah meluluskan dana permulaan sebanyak RM10 juta di bawah Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara yang diuruskan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi tujuan bayaran bantuan khas tersebut. Bantuan khas ini akan diberikan kepada penerima vaksin terkesan setelah dinilai dan ditentukan kesahihan kes oleh KKM yang boleh menunjukkan berlakunya *causality* antara vaksin dan juga kesan sampingan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya untuk memberikan penerangan tentang pelaksanaan PICK yang telah secara rasminya bermula semenjak 24 Februari yang lalu, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi individu pertama menerima suntikan vaksin COVID-19 yang disusuli pula oleh Ketua Pengarah Kesihatan pada hari tersebut.

Pelaksanaan PICK merangkumi rancangan yang komprehensif meliputi pra-pelaksanaan, pelaksanaan dan pasca pelaksanaan yang mengambil kira penyediaan fasiliti, koordinasi tenaga kerja, garis panduan, pemantauan, pelaporan dan infrastruktur sokongan bagi memastikan keseluruhan fasiliti yang selesa dan selamat untuk rakyat. Dengan izin, PICK *is an unprecedented national exercise in scale an important and complexity.*

Sebuah buku panduan bersifat dinamik ataupun *living document* dan dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut perkembangan terbaru juga telah dilancarkan pada 16 Februari yang dijadikan sebagai rujukan awam. Menerusi perancangan awal, sasaran PICK bagi mencapai sasaran 80 peratus penduduk Malaysia menerima vaksin dijangka diselesaikan pada Februari 2022.

■1040

Namun, tempoh masa ini telah disingkatkan ke Disember 2021, apabila mengambil kira keadaan penularan COVID-19 yang sangat membimbangkan untuk tempoh beberapa bulan ini. Garis masa ini diawalkan lagi dalam pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kita berusaha selesai pada bulan Oktober nanti.

Justeru, strategi pelaksanaan PICK meliputi empat fasa utama mengikut keutamaan kumpulan sasaran selepas sasaran 80 peratus populasi akan menerima vaksin. Fasa adalah seperti berikut:

- (i) fasa yang pertama vaksin diberikan untuk melindungi petugas barisan hadapan di bawah Kementerian Kesihatan dan di luar Kementerian Kesihatan melibatkan anggaran seramai 500 ribu orang;
- (ii) fasa kedua, vaksin diberi bagi melindungi kumpulan berisiko tinggi seperti warga emas, individu yang mempunyai *comorbidity* dan juga OKU;
- (iii) fasa tiga, vaksin diberi kepada warganegara dan bukan warganegara berumur 18 tahun ke atas bagi mencapai sasaran populasi berjaya divaksinasi melibatkan anggaran seramai 14 juta orang; dan,
- (iv) fasa empat yang sedang beroperasi, sentiasa merupakan fasa kawalan wabak dan berlangsung sepanjang masa mengikut penilaian semasa yang akan saya sentuh nanti.

Selain daripada sasaran jumlah penerima vaksin, prestasi PICK juga turut menjadi salah satu daripada nilai ambang yang ditetapkan bagi peralihan fasa-fasa Pelan Pemulihan Negara. Nilai ambang yang ditetapkan adalah berdasarkan peratusan populasi dewasa berumur 18 tahun ke atas yang telah menerima dos vaksin yang lengkap di setiap negeri. Nilai ambang yang ditetapkan bagi PICK adalah seperti berikut:

- (i) untuk beralih daripada fasa satu ke dua iaitu sebanyak 10 peratus penduduk dewasa menerima dos lengkap;
- (ii) untuk beralih daripada fasa dua ke fasa tiga, sebanyak 40 peratus populasi dewasa menerima dos lengkap dan kita sasarkan ke akhir bulan Ogos, hampir semua negeri akan dapat sejumlah 40 peratus populasi dewasa menerima dos yang lengkap; dan,
- (iii) fasa ketiga kepada fasa keempat, sejumlah 60 peratus daripada penduduk dewasa negeri telah menerima dos yang lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana vaksin bagi penyakit lain di Malaysia, vaksin COVID-19 ketika ini juga adalah secara sukarela- *voluntary* dan tidak diwajibkan. Setiap individu perlu terlebih dahulu memberikan *consent* ataupun kebenaran sebelum suntikan vaksin COVID-19 diberikan kepada mereka.

Bagi tujuan ini, pendaftaran vaksin COVID-19 kepada populasi awam telah dibuka secara rasminya pada 24 Februari yang lalu. Individu berumur 18 tahun ke bawah juga kini telah boleh mendaftar walaupun keputusan pemberian vaksin

kepada golongan remaja ini secara massa masih sedang diperhalusi, mengambil kira faktor kebaikan dan risiko.

Terdapat beberapa kaedah yang telah dilaksanakan bagi memudahkan orang ramai membuat pendaftaran. Ini adalah termasuk menerusi *MySejahtera*, laman web, talian *hotline*, pendaftaran manual dan juga secara *community outreach* ataupun kaedah jangkau luar *community outreach*. Dalam hal ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah membantu dalam proses pendaftaran penduduk di kawasan masing-masing, mengambil kira permohonan saya semasa taklimat pelaksanaan PICK kepada semua Ahli Parlimen pada 22 Mac yang lepas.

Selain daripada membantu pendaftaran, ramai daripada kalangan Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil inisiatif menyediakan pengangkutan kepada penerima vaksin untuk ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV). Ia juga membuktikan komitmen semua Ahli Yang Berhormat dan solidariti secara bersama tanpa mengira fahaman politik... [*Tepuk*]

Sehingga hari Isnin, 26 Julai 2021, seramai 20,134,971 orang telah mendaftar bagi tujuan PICK atau bersamaan sejumlah 61.7 peratus keseluruhan populasi Malaysia berjumlah 32.7 juta orang. Daripada jumlah ini, 18.8 juta orang merupakan individu dewasa berumur 18 tahun ke atas dan 1.28 juta merupakan individu di bawah umur 18 tahun. Jumlah populasi dewasa yang telah mendaftar adalah bersamaan sebanyak 80.5 peratus daripada keseluruhan populasi dewasa di Malaysia. Manakala bagi golongan warga emas berumur 60 tahun ke atas yang berjumlah keseluruhan 3.5 juta orang, sebanyak 89 peratus telah mendaftar bagi mendapatkan vaksin COVID-19 mereka.

Berdasarkan statistik yang saya sebutkan, jelas sekali, jumlah pendaftaran pada ketika ini adalah masih rendah berbanding sasaran PICK iaitu sebanyak 80 peratus daripada keseluruhan populasi yang perlu divaksin. Malah jika dilihat statistik pendaftaran untuk beberapa buah negeri, peratusan pendaftaran adalah rendah berbanding nilai ambang yang ditetapkan di bawah Program Pemulihan Negara untuk sesebuah negeri beralih daripada satu fasa ke fasa yang lain.

Walau bagaimanapun, saya menyedari terdapat beberapa buah negeri yang mungkin menghadapi kekangan pendaftaran disebabkan keadaan geografi dan demografi yang berbeza-beza di kawasan-kawasan pedalaman, di kawasan-kawasan luar bandar, di kawasan-kawasan yang mungkin susah untuk kita akses. Untuk itu, beberapa strategi dan kaedah telah pun kita rancang dan dilaksanakan, yang mana saya akan jelaskan sebentar nanti. Ini dibuat bagi memastikan tiada sesiapa yang tertinggal daripada mendapatkan vaksinasi mereka yang

seterusnya akan membantu untuk memperluas capaian vaksin COVID-19 kepada penduduk Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai program imunisasi terbesar yang pernah dilaksanakan di negara kita, kejayaan PICK bergantung sepenuhnya terhadap keterlibatan oleh pelbagai pihak, baik daripada kementerian dan agensi kerajaan persekutuan negeri, pihak swasta, badan bukan kerajaan serta ahli masyarakat menerusi pendekatan *whole of government* dan *whole of society* dan ini termasuklah bagi pengoperasian PPV yang melibatkan petugas kesihatan dan bukan kesihatan.

Sehingga 22 Julai yang lepas, terdapat sebanyak 2,313 PPV daripada pelbagai jenis dan saiz kapasiti sedang beroperasi di seluruh negara, antaranya:

- (i) PPV Mega Tier Satu, 5,000 ke atas kapasiti harian sebanyak 17 buah;
- (ii) PPV Mega Tier Dua, 3,000 ke 5,000 kapasiti harian sebanyak 16 buah;
- (iii) PPV awam sebanyak 300 buah;
- (iv) PPV institut pengajian tinggi sebanyak 16 buah;
- (v) PPV pandu lalu sebanyak empat buah;
- (vi) PPV klinik kesihatan sebanyak 193 buah;
- (vii) *Special PPV* di hospital-hospital kerajaan sebanyak 124 buah;
- (viii) PPV di klinik swasta, GP dan pakar swasta sebanyak 1,443 buah;
- (ix) PPV hospital swasta sebanyak 121 buah;
- (x) PPV *ambulatory care* sebanyak 19 buah; dan,
- (xi) PPV industri termasuk *on site* PPV sebanyak 60 buah.

Jumlah PPV yang disebutkan ini adalah tidak termasuk PPV yang dibuka secara sementara melalui program jangkau luar atau menerusi unit bergerak yang telah dilaksanakan di banyak tempat dan di seluruh negara.

Ada sesetengah tempat pedalaman Ahli-ahli Yang Berhormat seperti pulau-pulau, kawasan pedalaman Orang Asli, kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, kita buat PPV sementara sahaja, *one or two days* untuk kita selesaikan dos yang pertama dan ini tidak termasuk dalam PPV yang agak bersifat jangka masa panjang yang saya telah umumkan tadi.

Selain petugas kesihatan daripada Kementerian Kesihatan, pelaksanaan PICK juga turut melibatkan petugas kesihatan daripada pihak swasta dan juga NGO.

■1050

Ramai yang tanya berkenaan dengan penglibatan pengamal perubatan swasta. Saya ingin jelaskan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia telah melantik ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. (ProtectHealth) iaitu sebuah syarikat bukan berasaskan keuntungan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai pelaksana dan penyelaras bagi penyertaan pengamal perubatan swasta dan NGO penjagaan kesihatan dalam PICK.

Daripada keseluruhan 2,313 buah PPV di seluruh negara, penglibatan petugas kesihatan yang diselaraskan di bawah ProtechHealth iaitu *private healthcare providers as well as from the NGOs* sebanyak 1,954 buah PPV yang melibatkan pemberian vaksinasi sehingga 340 ribu dos sehari. Kerajaan telah buat keputusan tersebut untuk melibatkan pengamal perubatan swasta untuk mengurangkan tekanan terhadap KKM dan juga petugas kesihatan awam supaya mereka dapat memberi tumpuan kepada kawalan wabak COVID-19.

Bagi petugas bukan kesihatan pula, PICK juga telah melaksanakan program mobilisasi sumber manusia merangkumi penjawat awam dalam sektor perkhidmatan kesihatan dan bukan perkhidmatan kesihatan, sukarelawan dan badan bukan kerajaan menerusi MyVac serta anggota pasukan keselamatan.

Sehingga kini, seramai 16,133 orang sukarelawan bukan kesihatan yang juga terdiri daripada pelbagai pasukan keselamatan telah menyumbang bakti dalam pengoperasian PPV di seluruh negara dengan pecahan seperti berikut:

- (i) penjawat awam yang telah di-*redeploy* kepada PPV seramai 1,373 orang;
- (ii) sukarelawan bukan kesihatan yang dikendalikan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan dibantu oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia seramai 7,724 orang;
- (iii) Angkatan Pertahanan Awam (APM) seramai 3,275 orang;
- (iv) RELA sebanyak 2,902 orang; dan,
- (v) pasukan keselamatan ATM dan PDRM seramai 859 orang.

Selain daripada kumpulan sukarelawan yang saya sebutkan, pelbagai entiti dan organisasi juga turut menyalurkan bantuan tenaga sukarelawan bukan kesihatan seperti entiti korporat, pihak swasta dan juga parti-parti politik. Berdasarkan angka yang telah disebutkan tadi, kita sememangnya tidak mempunyai masalah daripada segi kapasiti suntikan mahupun ketersediaan petugas kesihatan dan bukan kesihatan. Namun, penghantaran bekalan vaksin

serta jumlah dos yang diterima daripada syarikat pembekal vaksin, tetap menjadi petunjuk utama dalam menentukan kadar vaksin di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan tadi, kerajaan telah mengamalkan *multi-pronged approach* untuk mendapat portfolio vaksin kita. Dengan izin, *we did not put all our eggs in one basket*. Vaksin-vaksin kita datang daripada pelbagai negara dan menggunakan pelbagai platform. Ada yang datang dari negara-negara Barat, ada yang datang dari negara China, ada juga perjanjian dengan negara Rusia. Ini memandangkan sudah berlaku masalah geopolitik vaksin dan kita telah mengambil langkah untuk memastikan bahawa pendekatan Malaysia adalah *multi-pronged*.

Selain daripada itu, kita juga telah memperoleh vaksin yang dibangunkan menggunakan platform yang pelbagai. Antaranya platform tradisional seperti *inactivated vaccine* yang kita dapat daripada *Sinovac*, vaksin *viral vector* yang kita dapat daripada *AstraZeneca* dan platform yang terbaharu iaitu vaksin *mRNA* yang telah pun kita peroleh daripada Pfizer-BioNTech.

Seperti mana yang saya sebutkan tadi, bagi *COVAX facility*, kita telah peroleh sebanyak 10 peratus untuk penduduk kita. Pfizer-BioNTech sebanyak 70 peratus, *AstraZeneca* sebanyak 10 peratus dan *Sinovac* sebanyak 20 peratus. Mungkin dengan tambahan tiga juta dos lagi. *CanSino* sebanyak 10.9 peratus dan *Gamaleya* ataupun *Sputnik V* belum lagi diluluskan oleh NPRA sebanyak 10 peratus populasi kita.

Sehingga 26 Julai yang lepas, jumlah vaksin yang telah diterima daripada syarikat pembekal menerusi perolehan kerajaan adalah sebanyak 23.88 juta dos. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,085,790 dos telah diterima pada suku pertama. Sebanyak 8,906,530 dos telah dihantar pada suku kedua manakala bakinya ialah jumlah vaksin yang diterima pada bulan Julai ini.

Selain daripada bekalan vaksin yang diterima daripada perolehan kerajaan, Malaysia juga telah menerima sumbangan vaksin daripada tiga buah negara. Tiga buah negara tersebut ialah:

- (i) Jepun yang telah menyumbang 998,400 dos vaksin *AstraZeneca* yang diterima pada 1 Julai;
- (ii) Amerika Syarikat yang telah menyumbang 1,000,350 dos vaksin *Pfizer* yang diterima pada 5 Julai; serta
- (iii) negara China yang menyumbang vaksin *Sinovac* sebanyak 500 ribu dos yang telah diterima pada 16 Julai.

Ini bermakna vaksin yang telah diterima oleh Malaysia menerusi perolehan kerajaan dan jumlah sumbangan daripada negara luar sehingga kini adalah berjumlah 26.38 juta dos.

Selain tiga buah negara yang saya sebutkan tadi, kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri juga sedang dalam perbincangan dengan beberapa buah negara lain yang telah menyatakan kesediaan untuk turut menyumbang bekalan vaksin ke Malaysia seperti United Kingdom dan Arab Saudi. Penerimaan sumbangan vaksin dari negara-negara ini, akan dapat membantu Malaysia untuk mempercepatkan lagi pemberian vaksin, di samping bekalan vaksin yang telah dibeli oleh kerajaan.

Bagi pihak Kerajaan Malaysia di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada negara-negara yang telah menyumbang vaksin ke Malaysia... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan jumlah vaksin yang telah diterima ini, pengagihan kepada negeri-negeri telah dan sedang dibuat. Pecahan pengagihan jumlah dos vaksin kepada negeri-negeri, sejak PICK bermula sehingga 31 Julai adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH DOS
Lembah Klang (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya)	9.09 juta
Sarawak	3.65 juta
Johor	2.06 juta
Sabah	1.86 juta
Perak	1.44 juta
Pulau Pinang	1.26 juta
Kedah	1.11 juta
Negeri Sembilan	1.02 juta
Pahang	948,000
Kelantan	914,000
Terengganu	795,000
Melaka	623,000
Labuan	236,000
Perlis	218,000

Dalam banyak keadaan, CITF akan cuba memastikan keseimbangan agihan vaksin kepada negeri-negeri. Keseimbangan ini adalah dengan mengambil kira jumlah vaksin yang telah dihantar pihak pembekal, jumlah populasi setiap negeri dan sudah pastinya nilai ambang yang ditetapkan di bawah Pelan Pemulihan Negara, agar setiap negeri dapat beralih daripada satu fasa

kepada satu fasa berikut dalam tempoh masa yang tidak jauh berbeza antara satu buah negeri dengan negeri yang lain.

Ada negeri yang minta supaya dipercepatkan dan saya telah menyatakan pada bulan Ogos ini, kita akan membenarkan negeri-negeri yang mungkin terlewat untuk *catch-up* kepada negeri-negeri yang berada di hadapan untuk pemberian vaksin.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan-keadaan tertentu seperti contohnya, jika fasa kawalan wabak perlu diaktifkan di satu-satu kawasan, CITF perlu membuat perubahan jumlah pengagihan vaksin yang telah dijadualkan, bagi membolehkan kawasan kawalan wabak dapat melaksanakan vaksinasi kepada populasi di kawasan tersebut pada kadar yang segera yang saya akan jelaskan nanti.

■1100

Tuan Yang di-Pertua, kadar dan capaian vaksinasi COVID-19 di negara kita sangat bergantung kepada jumlah bekalan vaksin yang diterima daripada syarikat pembekal seperti mana yang saya sebutkan tadi. Kita mula menerima jumlah dos vaksin yang lebih banyak pada bulan Jun dan jumlah ini akan terus bertambah pada suku ketiga iaitu bulan Julai, Ogos dan September. Sehingga 27 Julai 2021, seramai 12.49 juta orang penduduk Malaysia atau bersamaan dengan 38.2 peratus keseluruhan populasi telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19.

Daripada jumlah ini, 5.9 juta orang ataupun 18.1 peratus populasi telah mendapat dos lengkap vaksin. Ini menjadikan jumlah vaksin COVID-19 yang telah diberikan adalah sebanyak 18.4 juta- dos. Berdasarkan populasi dewasa pula, sebanyak 53.3 peratus telah menerima sekurang-kurangnya satu- dos dan 25.2 peratus populasi dewasa Malaysia telah menerima dos lengkap vaksin COVID-19. Bagi petugas barisan hadapan yang termasuk dalam kumpulan penerimaan vaksin fasa pertama, sejumlah 695 ribu telah selesai menerima dos lengkap masing-masing. Jumlah ini ialah 95 ribu lebih tinggi berbanding sasaran awal yang ditetapkan iaitu sebanyak 500 ribu orang.

Bagi kumpulan fasa dua, sehingga 25 Julai 2021, seramai 2.89 juta orang warga emas iaitu 93 peratus daripada jumlah keseluruhan populasi umur 60 tahun ke atas yang telah mendaftar sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin. Bagi golongan OKU dan komorbid pula, masing-masing sebanyak 289,238 dan 6.32 juta orang telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin atau diberikan janji temu dalam masa yang terdekat.

Seperti mana yang saya telah nyatakan sebelum ini, kadar vaksinasi harian di seluruh negara akan mencapai purata sebanyak 150 ribu suntikan dos sehari menjelang Jun dan jumlah ini akan terus meningkat pada suku ketiga. Pada bulan Jun yang lalu, purata suntikan yang telah dicapai adalah sebanyak 169 ribu-dos. Manakala bagi bulan Julai, purata sasaran yang telah ditetapkan adalah sebanyak 300,000 suntikan dos sehari. Sehingga semalam, purata yang telah dicapai pada bulan Julai sebanyak 378 ribu- dos sehari... [Tepuk]

Ini bermakna telah berlaku peningkatan sebanyak 124 peratus apabila dibandingkan kadar purata antara bulan Jun dan purata bulan Julai sehingga hari semalam. Sebagai perbandingan, peningkatan kadar vaksinasi pemberian vaksin semenjak mulanya PICK pada bulan Februari hingga bulan Jun sekitar lapan juta-dos. Akan tetapi untuk bulan Julai ini sahaja sehingga hari ini, pemberian vaksin telah melebihi 10 juta- dos.

Selain itu, kadar vaksinasi harian juga telah mencatatkan jumlah tertinggi pada hari semalam apabila 553,871 dos... [Tepuk] Berjaya diberikan di seluruh Malaysia yang mana semalam seramai 356,112 orang adalah penerima dos pertama, manakala 197,759 orang penerima dos kedua. Catatan semalam juga menyaksikan pemberian vaksin harian mencapai angka melebihi 500 ribu suntikan bagi dua hari berturut-turut. Pada hari Isnin yang lalu, 521 ribu- dos vaksin telah diberikan. Ini menjadikan jumlah bagi pemberian vaksin untuk dua hari ini sebanyak 1.07 juta dengan penambahan penerima dos pertama sebanyak dua peratus populasi Malaysia atau bersamaan dengan 692 ribu orang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik yang dikeluarkan menerusi laman web *Our World in Data* yang dikendalikan oleh *University of Oxford*, sekarang ini kadar vaksinasi harian per kapita di Malaysia adalah antara yang terpanjang di seluruh dunia... [Tepuk] Peratusan penduduk Malaysia yang telah menerima vaksin bagi sekurang-kurangnya satu dos juga pada semalam telah mengatasi beberapa negara maju seperti Jepun, Australia, Korea Selatan dan juga New Zealand... [Tepuk]

Selain daripada tiga fasa utama di bawah PICK yang sedang giat dilaksanakan di seluruh negara, fasa empat atau fasa kawalan wabak juga akan sentiasa diaktifkan mengikut keperluan semasa. Menerusi fasa kawalan wabak ini, CITF akan membuat keputusan apabila terdapat satu keperluan yang

mengambil kira kepentingan kesihatan awam untuk mempercepatkan vaksinasi di satu-satu kawasan yang sedang menunjukkan peningkatan mendadak kes jangkitan COVID-19.

Sehingga kini, CITF telah mengaktifkan tiga fasa kawalan wabak. Pertama, bagi pekerja sektor penting dan perlu yang harus bekerja sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Kedua, operasi kawalan wabak di Labuan disebabkan penularan varian Delta. Pada ketika itu, jumlah jangkitan yang direkodkan adalah setinggi 1,344 kes dalam masa seminggu di Wilayah Persekutuan Labuan. Menerusi operasi kawalan wabak di Labuan ini, sehingga kini sebanyak 90 peratus populasi dewasa telah menerima sekurang-kurangnya satu dos. Hasilnya, kes COVID-19 di Labuan telah menurun dan pada 26 Julai yang lepas, hanya lapan kes baharu dicatatkan. Kadar kemasukan di hospital dan unit rawatan rapi disebabkan COVID-19 di Labuan juga sudah sangat berkurangan. Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah membantu usaha untuk mengawal keadaan wabak di Labuan dengan operasi vaksinasi.

Ketiga, Operasi Lonjakan Kapasiti- *Operation Surge Capacity* di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya untuk memberikan keseluruhan populasi dewasa yang telah mendaftar di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya supaya mereka menerima sekurang-kurangnya satu dos pada 1 Ogos 2021. Bagi operasi ini, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Bangi kerana turut bersama-sama CITF menjayakan operasi ini sebagai koordinator antara Persekutuan dan negeri. Selain fasa kawalan wabak yang diaktifkan oleh CITF Persekutuan, CITF negeri juga dibenarkan untuk melaksanakan fasa kawalan wabak mengikut keperluan bagi negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan capaian vaksinasi adalah menyeluruh serta sampai kepada setiap sasaran, PICK turut melaksanakan beberapa strategi. Sebagai contohnya, selain daripada pemberian vaksin di PPV, PICK juga dilaksanakan menerusi program jangkau luar dan unit bergerak. Menerusi kaedah ini, petugas kesihatan akan melaksanakan vaksinasi di kawasan-kawasan yang terpencil dan mempunyai kesukaran perhubungan seperti perkampungan Orang Asli, rumah panjang di Sarawak dan kawasan pedalaman di Sabah. Program jangkau luar ini turut diperluas ke kawasan-kawasan kampung yang mana seperti yang kita ketahui mempunyai populasi warga emas yang ramai dan mungkin tercicir daripada pendaftaran vaksinasi.

Dengan pelaksanaan kaedah ini, pendaftaran dan vaksinasi kepada penerima terus dilaksanakan pada ketika itu. Tak perlu daftar di bawah

MySejahtera dan sebagainya. Selain itu, unit bergerak juga telah menjalankan vaksinasi rumah ke rumah kepada golongan warga emas, individu terlantar serta OKU. PICK juga telah mengaktifkan pemberian vaksin kepada golongan pekerja di pelbagai sektor dan industri yang diselaraskan oleh pelbagai kementerian.

Menerusi kerjasama awam-swasta yang mana pihak majikan akan membiayai kos PPV, manakala pihak kerajaan akan menyediakan vaksin secara percuma. Usaha ini akan memudahkan usaha kerajaan untuk meningkatkan kadar vaksinasi di kalangan tenaga kerja di Malaysia dan mengurangkan bilangan kluster dalam kelompok tempat kerja. Antara kementerian-kementerian yang terlibat ialah MITI di bawah program PIKAS untuk sektor perkilangan, sektor pembinaan yang diselaraskan oleh Kementerian Kerja Raya, sektor pertanian yang diselaraskan oleh MAFI. Sektor perladangan yang diselaraskan oleh MPIC dan sektor peruncitan yang diselaraskan oleh KPDNHEP.

■1110

Pada 27 Julai 2021, sebanyak 683 ribu dos vaksin telah diberikan melalui program kerjasama awam-swasta yang saya sebutkan tadi.

Selain itu, pemberian vaksin kepada golongan penjaja dan peniaga kecil tanpa sebarang kos yang perlu ditanggung oleh golongan penjaja dan peniaga kecil sedang giat diusahakan antara lain oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Perpaduan Malaysia. Pelaksanaan program seumpama ini akan membolehkan sektor dan industri serta perniagaan kecil dan sederhana untuk terus beroperasi selain dapat memastikan para pekerja tidak kehilangan sumber pendapatan para pekerja dan kita dapat mengimbangi antara *lives and livelihoods*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, wanita mengandung merupakan antara golongan berisiko tinggi mengalami gejala serius sekiranya dijangkiti COVID-19. Bagi memastikan golongan ini terlindung, JKJAV telah memutuskan agar wanita mengandung dengan usia kandungan antara 14 hingga 33 minggu diberikan keutamaan untuk diberikan vaksin COVID-19. Keputusan ini dibuat berdasarkan data serta maklumat terkini meyakinkan yang menunjukkan vaksin COVID-19 adalah selamat kepada golongan tersebut. Sehingga kini, daripada 129 ribu orang wanita mengandung yang telah berdaftar, 68 ribu daripadanya telah pun menerima vaksin ataupun janji temu mereka.

PICK juga turut memberikan keutamaan kepada para pelajar yang akan melanjutkan pelajaran di luar negara. Satu ciri di aplikasi *MySejahtera* telah diwujudkan di mana para pelajar ini boleh memohon untuk mendapatkan janji temu vaksinasi sebelum mereka berlepas untuk pengajian tinggi di luar negara.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa satu kerjasama sedang dijalankan oleh CITF dengan Kementerian Pelancongan (MOTAC) iaitu untuk mewujudkan *travel bubble destination*. Beberapa buah destinasi pelancongan seperti Pulau Langkawi dipercepatkan untuk mewujudkan gelembung perjalanan- *travel bubble* untuk memulihkan sektor pelancongan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada persidangan yang lalu iaitu pada bulan Disember yang lepas, saya telah memaklumkan kepada Dewan ini bahawa kerajaan memperuntukkan sejumlah RM3 bilion bagi tujuan perolehan vaksin sahaja iaitu untuk hanya 70 peratus penduduk Malaysia. Pada masa tersebut, anggaran RM3 bilion ini diperolehi menerusi simulasi yang telah dijalankan dengan mengambil kira jangkaan harga purata vaksin COVID-19 yang sedang dibangunkan ketika itu. Selain itu juga, anggaran RM3 bilion ini juga adalah tidak termasuk kos-kos lain yang perlu ditanggung bagi pelaksanaan PICK.

Seterusnya pada 18 Januari yang lepas, di bawah Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan tambahan sehingga RM5 bilion bagi pelaksanaan PICK yang ketika itu dijangka bermula pada bulan Mac dengan penambahan jumlah dos vaksin yang mencukupi bagi 120 peratus populasi negara.

Manakala pada 28 Jun yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) sekali lagi mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM800 juta dengan jumlah dos vaksin ditingkatkan kepada 130 peratus populasi Malaysia bagi tujuan stok penimbal serta mempercepatkan pelaksanaan PICK. Peruntukan RM800 juta ini juga adalah termasuk tambahan bayaran elaun kepada sukarelawan kesihatan yang turut diperluas kepada mereka yang bertugas di lapangan selain PPV, selain kadar pembayaran elaun khas kepada petugas barisan hadapan kesihatan yang terlibat dalam PICK daripada RM200 hingga RM600.

Daripada beberapa pengumuman yang telah dibuat ini, peruntukan keseluruhan yang disediakan bagi pelaksanaan PICK adalah sebanyak RM5.8 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM4.8 bilion disalurkan kepada Kementerian Kesihatan, manakala RM1 bilion disalurkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan PICK memperuntukkan suatu perbelanjaan yang besar kepada negara. Sudah pastinya jumlah peruntukan sebanyak RM5.8 bilion ini menimbulkan persoalan tentang bagaimana wang ini telah dan akan dibelanjakan.

Berkenaan dengan perkara ini, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) telah mengadakan prosiding sebanyak dua kali yang mana kali pertama pada 5 Januari yang lalu Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan saya telah memberi keterangan. Sekali lagi, pada hari semalam, saya sekali lagi telah pun memberikan keterangan di hadapan ahli-ahli PAC.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di dalam prosiding PAC ini, dokumen perjanjian perolehan vaksin, butiran perbelanjaan bagi PICK termasuk harga pembelian setiap jenis vaksin telah pun saya dedahkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).

Selain daripada PAC, pada hari Jumaat yang lepas, Timbalan Ketua Setiausaha MOSTI juga telah memberikan keterangan kepada prosiding Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi.

Bagi memastikan ketelusan dan keterbukaan PICK, taklimat telah pun diberikan kepada Ahli Parlimen dan saya memberi jaminan bahawa segala perbelanjaan dan segala perjanjian yang dilaksanakan dalam perolehan vaksin dan pelaksanaan PICK akan saya terus bentangkan kepada PAC tanpa apa-apa gangguan... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan merupakan satu ikhtiar serta usaha kita keluar daripada keadaan wabak COVID-19 yang telah mengubah kehidupan kita semua semenjak hampir dua tahun yang lepas. Bagi pihak kerajaan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli masyarakat yang telah bersama-sama tampil ke hadapan untuk memastikan sasaran yang ditetapkan di bawah PICK dapat mencapai kejayaan.

Saya juga, Tuan Yang di-Pertua, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada petugas barisan hadapan, sama ada petugas kesihatan ataupun bukan kesihatan yang telah membanting keringat tanpa mengenal penat dan lelah... *[Tepuk]* Untuk membantu memastikan vaksin sampai ke lengan penduduk Malaysia. Kepada barisan hadapan yang terlibat dalam PICK, saya sanjung sangat usaha anda semua sehingga Malaysia hari ini mempunyai kadar vaksinasi yang terpantas, yang terbaik di dunia... *[Tepuk]* *Insya-Allah*, dengan kerjasama dan solidariti berterusan daripada kita semua, usaha yang sedang kita jalankan ini mampu mencapai kejayaan, memberi perlindungan vaksin kepada seramai mungkin penduduk Malaysia dalam masa yang terpantas dan seterusnya membolehkan kita keluar daripada masa sukar ketika ini.

Terima kasih. *Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...* *[Tepuk]*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri akan menjawab jam 4.30 petang.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, boleh mohon Yang Berhormat Menteri hantar PDF? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekejap. Saya menjemput pembahas semua tujuh minit, kecuali kepada pembangkang, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu iaitu sama masa Yang Berhormat Menteri, satu jam. Silakan.

Sebelum itu, saya ingin sebut pembahas selepas Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu iaitu Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Tanjung Karang dan Yang Berhormat Bangi, setakat ini. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

11.19 pagi.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong doa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam membicarakan tajuk yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri dari Rembau.

■1120

Penjelasan yang panjang lebar tetapi saya mampu menangkap empat perkara penting yang akan menjadi kerangka kepada ucapan saya. Pertama ialah kerajaan yang bertanggungjawab soal polisi dan *procurement*, kawal selia dan aspek kewangan.

Kedua ialah *manufacturers and distributors* yang berkait tentang rantaian bekalan dan logistik. Ketiga, soal vaksin *administration*, soal hospital dan unit-unit kesihatan awam, PPV dan sebagainya. Komponen yang keempat yang akan saya sentuh ialah penerima- *recipient*. Kumpulan *vulnerable*, kumpul yang diberi keutamaan, *general population* yang umur lebih 18 tahun dan kurang 18 tahun.

Saya juga dapat menangkap daripada maksud ucapan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kesemua perencanaan yang dibuat adalah bergantung kepada *global vaccine supply chain conditions* dengan izin. Di mana bekalan vaksin daripada syarikat-syarikat pembuat vaksin pada waktu ini masih meruncing

dengan izin, *acute global supply shortage*. Permasalahannya adalah *two fold*, dengan izin, kekurangan bekalan dan kelewatan bekalan.

Oleh sebab itu disebut semalam, Yang Berhormat Menteri Kesihatan sebut kita sudah tempah sebanyak 79 juta- dos dan tadi Yang Berhormat Menteri MOSTI sebut kita sudah terima sekitar 24 juta. Jadi ada *gap* antara *supply and demand*. Ketika saya mengambil bahagian ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangat berasa gembira kerana Yang Berhormat Menteri mengambil pendekatan *the whole nation* atau *whole society approach*.

Maknanya zaman kerajaan tahu segala-galanya sudah berakhir. Menghadapi kemelut ini *engagement* dengan semua *stakeholders* adalah penting. Bertolak dengan semangat inilah ucapan-ucapan saya datang daripada semangat ini. Semangat bahawa *we are all vulnerable, let's work together*. Semangat bahawa *insanity is doing the same thing over and over and expecting different result*.

Tuan Yang di-Pertua, setahun yang lepas ketika tarikh ini kes positif di negara kita 27 Julai 2020 ialah 39 kes, purata mingguan 18 kes, kematian 124 kes. Jumlah terkumpul 8,943, katil ICU satu sahaja pesakit, setahun yang lepas 27 Julai 2020. Hari ini sedang kita berbahas angka semalam kes positif 16 ribu. Dari 39 kes jadi 16 ribu kes sehari. Purata mingguan sekarang ialah 15 ribu, kematian lebih 8 ribu, jumlah kes tercatat lebih 1 juta, kes aktif 170 ribu.

Ketika kita mengenakan darurat Tuan Yang di-Pertua, 12 Januari 2021 kes tercatat 2,232, jumlah kes 138 ribu, kes aktif 29,000, kematian 500 dan ICU 187. Saya bantah itu untuk kita memahami perspektif ketika kita bincang tajuk COVID-19 dan tajuk vaksin sebab dalam Pelan Strategik Kementerian Kesihatan di bawah tajuk *Menangani Pandemik COVID-19 Semasa Tempoh Darurat Melalui Sains Data dan Kesihatan Awam* ia ada lima *pillars*. *Pillars* yang keempat ialah mencapai imuniti kelompok iaitu program vaksinasi.

Tuan Yang di-Pertua, maka kita pun umumkan Proklamasi Darurat, 12 Januari 2021. Ini namanya darurat kesihatan dan kita tidak ada niat lain katanya. Betul-betul hendak atasi ujian COVID-19.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat, boleh mencelah sebelum masuk hal Darurat? Pontian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terpulang kepada Yang Berhormat, hendak beri kebenaran atau tidak.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Ya, sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh? Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyebut bahawa yang mendaftar untuk Program Imunisasi ataupun vaksinasi ini ialah 61.7 peratus daripada penduduk dan adakah mereka yang tidak mendaftar ini atas sebab mereka anti vaksin? Bagaimanakah caranya untuk mengatasi kumpulan-kumpulan anti vaksin dan bagaimana caranya untuk meningkatkan pendaftaran? Adakah perlu pendaftaran automatik kepada baki yang belum daftar ataupun mereka tidak perlu daftar hanya *walk-in* ke pusat-pusat PPV? Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih sahabat saya dari Pontian. Saya baru sekejap tadi bercakap dengan pegawai perubatan Kulim dan Bandar Baharu. Pendaftaran sekarang dibuat secara panggilan telefon atau masuk dalam laman web atau dalam *MySejahtera*.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu di sana ada segmen masyarakat yang mengalami perkara yang kita sebut sebagai *lack of technology savvy* itu ada, itu tetap ada. Saya ingat sahabat saya dari Kota Raja beritahu kakak dia yang tinggal di Gerik. Kalau dia balik rumah kakak dia, dia hendak kena lapan kilometer bergerak ke bandar Gerik baru dapat siaran. Dekat situ kalau hendak diharapkan mereka daftar *MySejahtera* memang tidak dapat.

Alhamdulillah ketika Yang Berhormat Kota Raja sempat membuat pertemuan dengan Ke Bawah Duli Tuanku pada 9 Jun 2021 disampaikan perkara itu dan tidak lama selepas itu satu kampung itu dapat vaksin, *alhamdulillah*. Itu pun satu cara jugalah tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat Pontian, selesai daripada sasaran pendaftaran akan ada segmen kerana *skepticism*, kerana tidak kuasai teknologi, tidak dapat akses kepada infra, terutama dalam rekod ini Yang Berhormat Menteri saya dapati Kelantan dan Sabah itu agak ketara dalam konteks ini. Data menunjukkan begitu.

Yang Berhormat Menteri, saya sebut tadi bahawa sebelum daripada pandemik COVID-19, negara kita diiktiraf oleh WHO dalam *Global Health Security Index* nombor tiga di Asia daripada segi keupayaan memberikan khidmat kesihatan kepada rakyat, nombor tiga. Di peringkat dunia nombor 18 daripada 165 buah negara. Tidak terbayang oleh kita kira-kira lebih setahun yang lepas bila kita didatangi oleh COVID-19 ini *stress test* terhadap sistem kesihatan negara begitu teruji sekali. Hampir *collapse* satu ketika.

Ketika ini kerajaan mengambil sikap bahawa kita laksanakan darurat. Proklamasi diperoleh melalui 150(1) Perlembagaan Persekutuan, mesti perkenan Yang di-Pertuan Agong, 150(2) lahirlah Ordinan, 150(3) pula penarikan Darurat, 150(7) pula Ordinan, kalau tidak terbatal enam bulan berikutnya masih diguna

pakai. Jawatankuasa khas dilantik untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong, Fasal 2 Ordinan Darurat ini.

Saya, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Seremban ikut menganggotai. Tugasnya satu, menasihati Yang di-Pertuan Agong, meneruskan atau menamatkan Darurat. Tujuh kali kami membuat mesyuarat

■1130

Dua laporan telah disampaikan Ke Bawah Duli Tuanku, dan kami tidak terbayang pada 26 hari bulan, Menteri dari Kota Bharu secara unilateral membuat pengumuman tentang pembatalan.

Lebih keliru bila sahabat saya dari Ketereh semalam menyebut itu baru proses. Keliru sebab apa? Dua Menteri hadir dalam Mesyuarat Jemaah Menteri yang sama pada 21 Julai. Satu, secara *affirmative* sebut dalam Dewan, *listen to me*, katanya, *listen to me*.

Disebut dengan jelas tentang status Proklamasi Darurat dan semua Ordinan Darurat dibatalkan. Sementara sahabat saya Yang Berhormat Ketereh, yang saya cenderung bersetuju dengannya- bahawa proses sedang berlaku. Oleh sebab itu, saya tidak fikir keadaan ini harus dibiarkan. Satu *clarity* mesti dicapai dalam perkara ini. Kalau Isnin, Isnin lah sebab perkara ini sangat mudah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sempat meneliti bahawa Darurat bukan ubatnya untuk mengatasi masalah pandemik. Sepanjang Darurat ini, iaitu sepanjang pandemik COVID-19 ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, semua kajian data analitik dan *literature survey* mendapati terdapat lebih 65000 COVID-19 *related publication*, Sebanyak 65000. Sejak COVID-19 melanda, penerbitan, kajian dan tulisan yang *credible* jumlahnya ialah 65000. Tidak ada satu pun yang merujuk bahawa darurat ubat kepada mengatasi pandemik COVID-19. Tiada satu pun tulis, tiada.

Kita sudah salah *prescribe* ubat rupanya. Di negara kita, para penyelidik telah menulis sebanyak 750- kertas penulisan tentang COVID-19. Tidak ada satu pun tulis tentang kebaikan ataupun darurat dan kaitannya dengan pandemik COVID-19, tidak ada. Jadi persoalannya adakah darurat ini berkesan?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Semua data mengatakan tidak, *zero*.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan Yang Berhormat

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:

Yang Berhormat Tuaran, silakan.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau[Tuaran]: Yang Berhormat jika darurat itu ubat, sebahagian daripada ubat, kenapa Pemulihan Nasional itu tidak dibuat sebelum diisytiharkan Darurat pada 13 Januari. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pengisytiharan Darurat di Malaysia yang telah disiarkan itu adalah untuk tujuan lain-lain dan bukan untuk menangani COVID-19?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:

Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Dia, 'sekilas ikan di air , sudah ku tahu jantan betina. Yang tersurat dan tersirat.' Tetapi saya tidak mahu masuk *territory* itu, saya lebih hendak melihat bahawa dalam konteks ini empat buah kerangka yang saya sebut. Yang Berhormat Menteri saya berpendapat bahawa bahagian yang pertama, Kerajaan, Polisi Perolehan, Kawal Selia dan Aspek Kewangan. Kewangan tiada masalah. Tahun 2020 kita lulus RM 7.13 bilion kepada Kementerian Kesihatan. Tahun 2021 Kementerian Kesihatan mendapat lagi RM6.13 bilion. Semalam, Menteri daripada Tenggara sahkan. Kemudian kita sudah tempah 79.9 juta dos bersamaan RM3.9 bilion. So, kewangan tiada masalah.

Perkara berikutnya soal perolehan atau *procurement* seperti yang disebut Yang Berhormat Menteri tadi. Satu ketika, kita di persimpangan, ujian klinikal keberkesanan vaksin belum lagi dihasilkan. Pada masa yang sama, kita perlu segerakan proses vaksinasi. Waktu itu kita ambil sikap tunggu, kita ambil sikap, tunggu. Soal pendekatan kerajaan untuk melaksanakan *diversified portfolio of COVID-19*, itu saya setuju. Kita tidak boleh *stick* kepada satu sahaja pilihan. Yang itu *perfect*, saya setuju.

Akan tetapi ketika persaingan global yang sengit untuk mendapatkan bekalan vaksin, fokus kita seharusnya kepada akses selain daripada harga dan *efficacy*. Saya bagi contoh, misalnya, ada negara-negara lain yang cepat program vaksinasi mereka Tuan Yang di-Pertua adalah kerana mereka buat dahulu *procrument commitment*. Ujian klinikal ini satu bab tetapi mereka buat dahulu komitmen *procrument*. *Cop dulu, orang Kedah kata Cop. Cap- aku nak yang ini.* Ujian klinikal ini satu bab, *cop dulu*.

Pertimbangan mereka adalah *the earliest for civil delivery*. Mereka hendak dapat seawal mungkin, ujian klinikal tunggu dahulu, awal lagi. Oleh sebab apa, sebab persaingan yang sengit. Kita ini negara pengguna, kita bukan negara pengeluar. Kita ini negara *mushtahlik* bukan *mntich*. *Muntich* maknanya *the*

producer society. *Mushtahlik* maknanya pengguna, persaingan global sengit. Penyakit sedang melanda. Negara-negara lain buat *procurement commitment*, hendak dapat awal. Sementara itu mereka tetap mengambil kira soal ujian klinikal, itu penting. Soal itu nyawa, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Rembau . Kita terlepas yang itu, kita tidak cop dahulu.

Kemudian kita ada lagi satu badan *regulator*, NPRA yang nak luluskan vaksin ini boleh masuk. Ketika kita ada NPRA sebagai badan *regulator*, *United Kindom, US, Kanada, Switzerland*, Singapura, mereka sudah *approve* vaksin *Pfizer* seawal Disember tahun lepas. *Approve* dahulu. Kita pula, saya baca lawatan awal NPRA kata, kita kena ambil antara 90 hingga 120 hari.

Dunia ini sudah *approve* awal-awal lagi. Kita kata tunggu, NPRA kata ambil masa sebab itu dia bagi *yes*. Dia bagi *condition approval* seperti Menteri sebut tadi, betul pada Januari 2021. pada Februari dia *approve*. tetapi ketika kita baru masuk perjanjian, iaitu pada November tahun 2020 untuk beli, *Singapore* pada Disember 2020 menjadi negara Asia pertama mendapat bekalan vaksin. Kita lambat. Ya lambat, okey.

Tuan Yang di-Pertua seorang kawan saya, dia peminat bola tegar. Dia bagi tahu *rules* atau undang-undang bola sepak ini, FIFA lah. Di peringkat Asia, undang-undang FIFA juga dipakai. Turun ke FAM, undang-undang FIFA juga dipakai, turun ke Persatuan Bola sepak Negeri, undang-undang FIFA juga dipakai.

Tiba-tiba ada satu Kelab Kampung- *Pokok Sena United*, dia kata, kami tidak mahu pakai undang-undang FIFA. Bicara orang Kedah, hendak bagi faham. Itu sahaja. NPRA wujud sebagai badan *regulator*, tugas hakiki, silakan. Tetapi ketika persaingan sengit untuk mendapatkan bekalan, dan kita tidak ada kuasa tawar menawar yang kuat, ketika negara lain membuat *procurement commitment* awal dengan pertimbangan bahawa *the earliest possible delivery* itu penting bagi menjaga nyawa, kita pula kata tunggu. Itu *bottleneck* nya, dekat situ *bottleneck* nya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut susunan ini Kuala Selangor dengan itu sudah kena masuk sudah. Di mana, Kuala Selangor? Dia tidak masuk, dia bagi tahu

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat sikit sahaja

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:

Okey, saya bagi sahabat saya dahulu, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih saudara Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Sebenarnya saya rasa berat sangat hendak berdiri sebab saya rasa antara Menteri bertanggungjawab terhadap program PICK ini merupakan satu-satunya Menteri yang boleh dikatakan berfungsi lah kalau dibandingkan dengan Menteri-Menteri lain. Tetapi saya rasa Menteri telah-kena jujur juga, Menteri kena jujur juga. Tadi kata kadar vaksinasi ini cepat, saya rasa ini merupakan satu jasa *frontliner* bukan Menteri yang pergi cucuk, bukan Kerajaan pergi cucuk tetapi *frontliner* kita yang telah memberikan usaha yang begitu baik. Satu nya

■1140

Kemudian, bekalan vaksin yang lambat itu, itu tugas Menteri. Itu tugas Menteri dan kita lihat sekarang walaupun *frontliners* bertungkus-lumus untuk meningkatkan kadar vaksinasi suntikan tetapi bekalan vaksin tidak sampai. Maka, keseluruhan program ini lambat. Saya hendak bagi satu. Adakah Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu bersetuju bahawa satu perkara penting yang tidak disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi adalah tentang kebenaran untuk menjual vaksin menjelang bulan Ogos ini. Kalau penjual swasta dibenarkan menjual vaksin pada bulan Ogos dan ini tidak disebut. *Correct me if I'm wrong* tetapi saya tengok ucapan itu memang tidak disebut. Kalau penjual vaksin swasta dibenarkan menjual vaksin maksudnya bekalan vaksin sudah mencukupi. Maksudnya kerajaan sudah yakin perjalanan dan jadual bekalannya.

Maka, dengan itu saya harap kerajaan akan memberikan sekurang-kurangnya tarikh temu janji vaksin yang munasabah. Jangan pula bagi tarikh yang terlalu panjang. Tarikh temu janji yang munasabah kepada semua yang telah daftar dan belum dapat tarikh sebab kalau vaksin tidak cukup mengapa pula dibenarkan dijual. Kalau sudah cukup sekurang-kurangnya berikan tarikh. Jangan bagi orang tertunggu-tunggu. Sebab saya takut apabila dibenarkan untuk dijual dan rakyat yang masih belum menerima apa-apa maklumat tentang temu janji vaksin mereka, mereka akan dipaksa ataupun terpaksa membeli vaksin sebab tiada maklumat. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, Sungai Buloh sini.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Gopeng, Gopeng.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:

Saya akan bagi Yang Berhormat Sungai Buloh. Kemudian saya akan ambil *floor* balik dan saya nampak Yang Berhormat Gopeng dan Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Terima kasih Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, saya ada beberapa soalan yang saya harap Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu boleh terima masuk dalam ucapan supaya Yang Berhormat Menteri boleh menjawab semasa menggulung. Baik, boleh saya mula dengan- saya setuju dengan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu apabila Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu berhujah bahawa pesanan vaksin kita memang terlambat dan itulah satu punca walaupun *roll out* sekarang. Saya rasa kita kena ucap tahniah kepada Menteri *roll out* vaksin ini pada bulan Julai memang pada kadar yang perlu dipuji. *It is an achievement. That's not quarrel about that, is well done.* Isunya bukan itu.

Isunya ialah jawatankuasa JAB ini ditubuhkan tahun lepas. Jawatankuasa CITEF ini ditubuhkan Januari. Lantikan Menteri pada masa itu sebagai *joint-Chair* dengan kementerian Menteri Kesihatan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerima vaksin pertama pada 24 Februari tahun ini. Isunya ialah apa telah jadi dengan *roll out* vaksin untuk Mac, April dan Mei-tiga bulan. Kalau kita teliti kadar sehari masa itu, tiga bulan itu tidak sampai sebanyak 20 ribu satu hari. Sebanyak 20 ribu sahaja.

Sepatutnya seingat saya lah dijanjikan oleh Menteri Kesihatan masa itu sebanyak 150 ribu sehari akan dibuat. Yang Berhormat Menteri mahu realistik kata sebanyak 75 ribu sehari kita akan buat- dari masa itu. Tidak sampai sebanyak 20 ribu pun sehari. *The statistics are there.* Bulan Mac, April dan Mei kita hilang tiga bulan.

Kita banding dengan negara-negara UK dan US sebagai contoh. Biden masuk ke jawatan dia pada 20 Januari. Dia janji dalam 100 hari saya akan buat sebanyak 100 juta. Akhirnya dalam 100 hari dia buat sebanyak 200 juta- dos, kenapa? Mereka gunakan *the whole of government* dan *whole of society*, pendekatan. Mereka gunakan semua klinik swasta, semua farmasi, *supermarket* pun boleh masuk dapat vaksin. Dengan itu *roll out* dia memang cukup pantas. Di sini, kita kata kita hendak *whole society, whole of government approach, whole of society* tetapi kita tidak pakai apa yang mereka pakai di negara-negara lain. Itu semua klinik swasta, semua farmasi, semua digemblengkan tenaga dan digunakan untuk satu *roll out* yang cukup pantas.

Jadi, saya hendak ulang fakta dahulu lah. Satu, *your roll out in* Mac, April dan Mei sampai Jun pun *was really bad, but I give credit*. Kita kena bagi kredit lah. Julai you sudah naik kadar itu kepada satu taraf yang memang bagus dan kalau itu di *maintain* dan saya yakin akan di *maintain*. Kita akan sampai mungkin target kita pada Oktober.

Okey, itu kita setuju dan ucap tahniah. *The question is* pada bulan Januari, jawatankuasa dia semua sedia. Kita ada sistem yang sedia ada di hadapan kita. Klinik swasta ada sebanyak 8,000 di negara kita. Mereka ada doktor terlatih, mereka ada jururawat terlatih, mereka ada peralatan yang cukup yang mereka biasa. Itu kerja harian mereka. Mereka mahir dalam pengurusan vaksin. Doktor ini doktor. Setiap hari orang datang ke klinik untuk terima vaksin. Mereka ada *fridge*, mereka ada semua peralatan. Kenapa kita bila ada satu sistem sedia ada, hadapan kita *at low cost because it's already setup in front of us in the whole country*. Bertabur di seluruh tempat di negara ada klinik. Kenapa kita tidak masa itu gunakan mereka untuk buat *roll out* yang jauh boleh pantas yang dicapai untuk bulan-bulan itu. Maksud saya bulan Mac, April dan Mei sampai sekarang. Ini tidak dibuat.

Jadi, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, ini ialah persoalan saya. Saya harap boleh dimasukkan dalam ucapan dan soalan ini dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Kenapa tidak gunakan mekanisme yang sedia ada di hadapan kita dan kalau boleh ini ialah cadangan saya kalau mekanisme ini digunakan sepenuhnya mungkin *roll out* kita sudah sampai ke tahap sejumlah 500 ribu ini tiga bulan dahulu. Bukan sekarang tetapi tiga bulan sudah sampai ke tahap itu dan ramai nyawa telah diselamatkan yang sekarang mungkin tidak dapat diselamatkan. Itu lah soalan saya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, sedikit sahaja.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Saya minta Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Gopeng, Gopeng.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat,

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Saya ambil *floor* dahulu Yang Berhormat Jelutong. Saya ambil *floor* dahulu. Nanti saya serah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak dia orang kebenaran, dia ikut Yang

Berhormat cakap tadi fasal kelab bola sepak Yang Berhormat Pokok Sena kan. Jadi, FIFA *rule* ini kena lah *standing order*. Betul tidak?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: [Ketawa] Okey. Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Jangan lah bagi mereka bagi ceramah. Kalau tidak, bagi lah dia bahas. Kalau tidak, tidak boleh tambah masa, Yang Berhormat. Walaupun kelab bola sepak, Yang Berhormat.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Baik, saya terima dan akur... [Berucap dalam bahasa Arab]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Insya-Allah.*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kena bagi dekat Pokok Sena nanti.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Gopeng, Gopeng.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju ucapan Yang Berhormat Sungai Buloh untuk dimasukkan sebagai ucapan dan mengharap Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Rembau dapat mengulas. Kita sebenarnya Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Boleh?... NPRA.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: ...Ukuran yang kita hendak laksanakan ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang kita hendak capai ini kayu ukur dia kita hendak turunkan kes positif harian. Kita hendak kurangkan angka kematian dan kita hendak tingkatkan kes yang berjaya dipulihkan. Tiga perkara itu jelas dalam fikiran kita. Hendak lawan COVID-19 ini yang kita hendak capainya apa. Usaha vaksin itu satu bab. Akan tetapi, akhirnya apa? Akhirnya hendak kurangkan kes positif.

Jadi, kalau program vaksinasi itu perlahan, kecuali yang kebelakangan ini laju dan pantas. Dia punya *acceleration* itu laju bagus tetapi kerana masa yang sebelum ini menyebabkan terdedahnya rakyat kepada COVID-19 itu tinggi. Ini saya sebut. Di kawasan saya di Bandar Baharu. Dia pusat PPV buka pada 3 Mei.

Pada hari saya pergi beberapa minggu lepas itu kadar vaksinasinya cuma lima peratus sahaja waktu itu. Saya ingat saya bercakap dengan Dr. Rozaimah, Pegawai Kesihatan. Saya bercakap dengan Dr. Alias, Pegawai Kesihatan. Saya hendak ambil peluang ini seperti juga Yang Berhormat Rembau saya ucapkan syabas dan tahniah kepada dua Pegawai Perubatan ini yang sangat dedikasi dalam menggerakkan program PPV.

Akan tetapi, mereka juga ada kekangan dia. Walaupun kecil, tetapi mengganggu. Apakah dia? Seorang yang masuk ke PPV untuk ambil suntikan di lengan, dia kena isi lima helai borang. Lima helai borang. Berbaris satu-satu stesen- lima helai borang. Kalau di Kulim yang telah daftar sekarang ini sebanyak 180 ribu. *Target*-nya sebanyak 225 ribu. Sekarang sudah sebanyak 180 ribu. Agak tinggi. Akan tetapi, kalau dah satu helai borang, satu orang lima. Itu sudah juta- benda ini... [*Menunjukkan sehelai dokumen*] Akan tetapi, tidak termasuk dalam *checklist* bajet sebab kecil sangat dia rasa tetapi itu merimaskan. Akibatnya, petugas kesihatan sebelum pergi ke PPV terpaksa fotokopi dahulu borang. Jadi, satu kerja pada dia. Contoh.

■1150

Kadang-kadang logistik seperti komputer tidak cukup. *Coolant* penting itu, tidak cukup. Jadi saya percaya sebahagian daripada Ahli-ahli Parlimen yang sempat melawat ke PPV, antara perkara awal yang pasukan perubatan minta boleh tidak beri sumbangan perkara-perkara ini? Mesin fotokopi, *laptop*, komputer, *stationeries*.

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Jadi Yang Berhormat Menteri, bajetnya kan besar RM300 juta. Jadi, tolong fasilitet supaya biar mereka tumpu kepada memberi khidmat terbaik. Jangan sulitkan mereka dengan perkara-perkara yang kecil ini ya. Ini, saya mohon sangat-sangat sebab ini dianggap *low-hanging fruit*-lah. Benda mudah. Maknanya selepas ini Yang Berhormat Menteri, sebelum jawab ini pun, telefon sahaja KSU MOSTI kah, KSU KKM selesaikan benda itu. Itu perkara yang mudah dan perlu.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: NPRA, boleh saya mencelah sikit?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Ya, silakan Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan NPRA. Sebenarnya kalau kita lihat NPRA merupakan sekretariat kepada DCA dan DCA yang membuat keputusan berkenaan dengan kelulusan vaksin dan ubat.

Jadi DCA ditubuhkan mengikut *Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984* dan di bawah *Sale of Drugs Act*. Mereka perlu melakukan tanggungjawab mereka mengikut peraturan yang sedia ada, prosedur yang sedia ada. Jadi, mereka tidak boleh membelakangkan kepentingan daripada segi keselamatan.

Akan tetapi, kuasa Yang Berhormat Menteri ada. Boleh mengatasi dengan mempertimbangkan kepentingan rakyat dan kepentingan semasa. Jadi, penangguhan kelulusan vaksin-vaksin ini menunjukkan satu kegagalan *political leadership* dalam kelulusan vaksin ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu?

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih Yang Berhormat Gopeng. Saya hendak, saya hendak...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Tentang PPV.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sedikit sahaja Yang Berhormat. Okey Yang Berhormat Jelutong ya.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Okey, Yang Berhormat Jelutong. Satu minit Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ambil kesempatan ini, saya ambil kesempatan ini...

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Puncak Borneo minta sedikit sahaja, Puncak Borneo...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebentar, apakah ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Puncak Borneo...

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Saya minta sedikit penjelasan atas kesempatan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Puncak Borneo...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Duduklah Yang Berhormat Puncak Borneo.

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Puncak Borneo.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak boleh. Yang Berhormat Puncak Borneo, Yang Berhormat Puncak Borneo...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Puncak Borneo, tidak boleh, kecuali kalau...

Seorang Ahli: Bilakah jadi BEBAS?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak boleh Yang Berhormat Puncak Borneo. Tidak boleh. Dipersilakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan.

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Sebagai kapasiti sebagai Ahli Parlimen. Saya cuma... *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: ...*Are you stupid? Dato, are you stupid?*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekejap, sekejap.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Letak jawatan sekaranglah.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Lupa kah?

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Duduklah, tukar tempat duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat Jelutong.

Seorang Ahli: ...Letak jawatan dulu, letak jawatan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu tentang ulasan perkara berkenaan guru-guru di luar. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan keresahan mereka kerana ada pengumuman bahawa sekolah akan dibuka balik pada bulan September.

Akan tetapi, ramai daripada guru-guru di luar sana belum lagi mendapat suntikan vaksin. Kenapakah kelewatan ini berlaku? Saya minta pandangan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dan berharap Yang Berhormat Menteri akan memberi ulasan kerana ramai mereka takut akan balik ke sekolah dan ramai lagi yang belum mendapat suntikan vaksin. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: *[Bangun]*

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, sedikit boleh?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, tentang PPV.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:

Untuk rakan saya Yang Berhormat Bandar Kuching dan Yang Berhormat Kota Melaka, saya ambil *floor* dulu.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching sedikit sahaja.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Saya akan sambung dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat-Kulim Bandar Baharu, *this is your floor*.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Jelutong. Kebetulan, saya datang daripada keluarga yang besar, 12 orang adik-beradik dan lapan orang daripadanya cikgu. Saya tahu daripada lapan orang itu masih ada yang belum mendapat suntikan vaksin. Sekolah sudah hendak dibuka. Jadi, saya boleh bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Jelutong yang selalunya garang tetapi dalam bab itu, dia lunak sangat tadi. Saya bersetuju. Jadi, mohon ihsan kepada Yang Berhormat Menteri dan autoriti untuk melihat perkara ini.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Boleh saya tambah sedikit?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: ...Isu saya ialah, saya hendak sebut bahawa soal *procurement* tadi yang lambat-lambatlah ya, kita tengok ke depan. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, saya sekarang terbaca ada beberapa buah negara yang sudah mula bercakap tentang *long-term COVID-19 vaccinations*. Bermaksud, sekali dia *procure*, ia *cure*, dia beli, dia kata kami akan beli lagi jika ada keperluan untuk *third dose*. Ia ada, ia cop awal lagi. Negara macam Amerika Syarikat, Kanada, New Zealand dan Australia. Sebab apa? Sebab ada varian baru.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita bermesyuarat, Tan Sri DG beritahu varian baru, Delta ini lima *second* sahaja kena dan sudah pun sampai ke negara kita. Jadi, isunya ialah soal *procurement* yang telah kita buat itu kita tunggu sampai. Akan tetapi, kita harus menjangkakan apa yang disebut sebagai *long-term COVID-19 vaccinations*.

Sekali kita *engage* dengan *producer* vaksin, kita kena ada klausa bahawa jika berlaku keadaan ancaman varian baharu dan pengeluar vaksin melakukan *innovative upgrade* dengan izin, maka kita yang pernah mengambil dengan itu, didahulukan. Saya difahamkan untuk kita. Kita ada klausa itu dengan Pfizer sahaja tetapi lima yang lain tidak ada. Barangkali kita tidak boleh terlepas pandang yang itu.

Perkara kedua yang saya hendak sebut juga daripada segi logistik, cabaran logistiknya Tuan Yang di-Pertua. Soal *storage, infra, transportation* dan *deployment*. Saya terbaca laporan 10 Mac, kita pernah menghantar balik vaksin *Pfizer* kepada syarikat sebab ia tidak *comply* dengan panduan *transportation* dan *temperature*.

Suhu penyimpanan *-75 degree Celsius*. Kita hantar balik. Ini mengingatkan saya bahawa cabaran logistik ini terutama untuk kawasan-kawasan pedalaman, apakah keupayaan logistik mereka membolehkan mereka untuk menguruskan keperluan daripada segi *storage* dengan suhu dan segala macam? Barangkali juga Yang Berhormat Menteri, mohon penjelasan, adakah kerana itu, Sabah dikaitkan sebagai negeri yang paling rendah...

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]:
Mohon laluan.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: ...20 peratus baru kadar vaksinasinya.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]:
Mohon laluan.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:
..Barang kali, ini kerana masalah infrastruktur, masalah logistik. Adakah itu sebabnya...

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]:
Mohon laluan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:
Berbanding dengan beberapa buah negeri yang lain.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]:
Mohon laluan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Ya, sila Yang Berhormat Kota Belud.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]:
Bolehkah saya mencadangkan juga untuk dimasukkan dalam ucapan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu agar setiap hospital ataupun pejabat kesihatan

daerah terutamanya di luar bandar untuk diberikan satu- dana khas yang terus kepada mereka supaya mereka dapat mengurus terutamanya daripada segi logistik yang seperti Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu cakap tadi?

Bukan sahaja daripada segi logistik, kadang-kadang khemah, kerusi untuk *setup* PPV untuk *outreach* program untuk diberikan vaksin. Kadang-kadang bukan sahaja kerusi roda, alat untuk *check* tekanan darah pun kadang-kadang diminta daripada kita semua. Jadi, saya mencadangkan sebuah dana khas terus diberikan kepada hospital-hospital ataupun pejabat kesihatan daerah, terus kepada mereka. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, Kuala Selangor.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Saya nampak jiran saya...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, Bandar Kuching.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat Pulai pun bangun, Yang Berhormat Kuala Selangor pun bangun. Saya utamakan jiran yang dekat lebih afdal... *[Ketawa]*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching dekat juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Duduk dulu. Silakan.

Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu tentang pusat pemberian vaksin (PPV). Sebagai wakil rakyat, apabila PPV ini diwujudkan untuk membantu hospital tidak cukup, saya faham. PPV ini diwujudkan tetapi peralatannya tidak cukup Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Kita memang diminta. DO, saya hendak sebutlah antara DO Muar, Tuan Haji Mustapha seorang DO yang sangat bagus, pegawai kerajaan yang seharusnya kita puji. Dia meminta datang berjumpa saya. Saya juga seorang ADUN dan menggunakan peruntukan ADUN itu untuk kita membelikan komputer, kipas, *aircond*.

Jadi tadi Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu menyebut, manakah pergi peruntukan berbilion ini? Apa yang isu di sini Tuan Yang di-Pertua adalah bekas Ketua Pengarah MKN, Datuk Haji Mohd Rabin bin Haji Basir yang bermesyuarat

sekali dalam MKN. Dia telah melaporkan, dia turun padang. Pegawai yang bagus yang saya memang dapat *feedback*, pegawai yang gigih, Ketua Pengarah MKN pada waktu itu, beliau melaporkan tentang kekurangan-kekurangan ini.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Akan tetapi, beliau tidak disenangi oleh seorang Yang Berhormat Menteri lah yang dalam MKN itu lalu beliau sekarang disejukkan. Ini isu besar ya dan ini *real* Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

■1200

Real on the ground memang tidak cukup. Terpaksa minta peruntukan Parlimen dan peruntukan ADUN. Jadi, di sini Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dapat memasukkan ucapan saya. Saya harap tidak- dalam kita hendak menerangi COVID ini, jangan ada pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang dimangsakan oleh politik. Terima kasih.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, boleh tambah sikit tentang PPV? Kota Melaka.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya beri izin ruang juga kepada rakan saya dari...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Bandar Kuching ya?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching ya. Terima kasih...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Selepas itu Kimanis, boleh sekejap ya? Boleh?

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Nanti Ledang ya?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih, saya tertarik pada perbincangan tadi berkenaan dengan PPV. Sebenarnya, saya hendak tanya kementerian- saya harap Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu akan masukan ucapan tersebut. Apakah fokus kepada *mega PPV's*? Sebenarnya kalau kita gunakan *emergency powers* atau kita kerahkan *GP's*- kita ada 3,500 hingga 5,000 *GP's*, kalau seorang diberikan 100 suntikan sehari, *we can look at 500,000, even a day*.

So, apakah ada usaha untuk memperbanyakkan *GP's* dan *shift the focus away from the mega PPV's*? Itu satu.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: *[Bangun]*

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tadi, saya mendengar mengenai *vaccination* untuk cikgu. Satu lagi komuniti *age group* yang sangat penting adalah untuk kanak-kanak di bawah 18 tahun. Saya tahu pada mulanya dibenarkan untuk *Pfizer*, selepas itu keputusan itu dipertimbangkan semula. Saya hendak tanya satu *timeline*, bilakah kita boleh mendapat keputusan *for young children*? Ketiga, ini soalan terakhir saya, bagi saya ini satu *policy direction*. Saya tahu MOSTI duduk bersama dalam JKJAV dan KKM.

Saya sebenarnya mencadangkan satu kriteria atau satu *advisory* yang jelas berkenaan *antibody testing*. Apa yang kita lihat sekarang, banyak GP banyak *laboratory* mereka *promote antibody testing* ini. Kalau semakin ramai rakyat pergi buat *testing*, memang ada sejumlah akan datang dengan keputusan negatif, *because there will be some, there will be vaccine resistant*.

Jadi *what is the advisory*, apakah *advisory* yang akan diberikan kepada mereka terutamanya apakah hala tuju polisi untuk *booster shot* ini? Saya mencadangkan set *a clear SOP because, if not, there will be anxiety and concerns*. Thank you.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, Kuala Selangor.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Saya hendak teruskan sikit sebelum saya buka ruang balik ya, Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju isi ucapan Yang Berhormat Bandar Kuching, dimasukkan sebahagian, terutama yang membabitkan Pusat PPV Mega, Yang Berhormat Menteri. Macam PWTC, tidak jauh dari tempat kita sepelaung sahaja. Itu saya difahamkan kos yang perlu kerajaan biaya itu agak tinggi juga. Khabarnya, hampir RM30 *per head*. Itu kiralah sewaan, *utilities*, servis-servis lain. Itu tidak termasuk syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan yang lain. Barangkali, saya yakin Yang Berhormat Rembau tidak keberatan untuk ikut berkongsi keperluan ataupun komitmen kewangan yang begitu besar.

Kita faham ketika darurat, kita perlu buat dengan cepat, *fast-track*. Akan tetapi, itu tidak bermaksud pusat mega seperti PWTC ataupun *The Mines* dan yang lain itu- ini kerana, saya diberi maklum, itu melibatkan ongkos biaya yang cukup besar. Ini akan ikut memberikan bebanan kewangan walaupun semasa kita- tempoh darurat tempoh hari, soal kerajaan hendak dapat duit, tidak payah bawa Parlimen, ambil sahaja. Darurat membenarkan.

Akan tetapi, itu bukan bermaksud kaedah perbelanjaannya itu sehingga angka yang kita anggap sebagai tinggi dan membebankan kewangan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, sikit sahaja mahu tanya- sebab PPV...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat Port Dickson ya, sila. Oh, ini saya kena benarkan kalau tidak, tidak dapat watikah... *[Ketawa]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Oleh sebab dibangkitkan soal PVV dan PWTC. Saya dengar Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu sebut RM30 *per head*. Ini tidak termasuk sewa PWTC. Kontrak kepada siapa? Mengapakah kos begitu tinggi? Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu sebut pula, ada lagi sub-kontrak kepada yang lain.

Ini kalau kita bandingkan vaksin untuk doktor swasta, kosnya tentu dan pasti jauh lebih rendah. Akan tetapi, ini, ada keengganan sehingga akhir-akhir ini. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, kalau boleh bertanya kepada Menteri untuk memperincikan. Sebagai contoh beberapa PPV besar, berapakah kos sewa, mengapakah kos *per head* begitu tinggi, apa lagi sub-kontrak dan siapa yang peroleh supaya kita dapat tahu wang ini tidak diselewengkan dengan apa cara pun. Ini persoalan yang saya hendak bangkitkan.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, boleh?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat Rembau, konteks pertanyaan itu, Yang Berhormat Rembau mohon penjelasan. Ini kerana menjadi lumrah kita orang politik mendapatkan pelbagai maklumat, di sinilah tempatnya untuk kita diberitahu daripada sumber yang paling *authoritative*. Tidak ada orang lain melainkan Menteri yang menguruskan soal ini.

Sambil itu...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, boleh saya tambah tentang PPV?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: *Sorry*, saya tidak nampak.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: PPV, Kota Melaka.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Yang Berhormat...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Ya, Kota Melaka, PPV.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Selepas ini Muar.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Sila Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak sentuh tentang PPV awam. Ini di mana kita lihat, hari ini mereka memberikan kelengkapan kepada setiap PPV bilangannya adalah tetap. Tidak kira ia PPV kecil atau PPV besar, kelengkapan yang mereka dapat semua jumlahnya sama. Contohnya, kerusi kalau PPV yang memuatkan 400 dos- sehari, dia akan dapat 200 buah kerusi, bagi PPV yang besar yang perlu ambil suntikan 1,000 orang, ia juga dapat 200 buah kerusi.

Ini sudah pasti akan- PPV yang besar akan menghadapi masalah yang besar. Tidak cukup kerusi dan kerusi roda, semua tidak cukup. Begitu juga dengan sukarelawan. Tidak cukup di PPV yang besar. Jadi pihak kita cuba hendak bantu, di negeri Melaka kita hendak bantu akan tetapi dihalang oleh MKN peringkat negeri Melaka. Itu yang pertama.

Kedua, ialah PPV di Melaka hari ini hanya satu sahaja yang beroperasi pada hari Ahad, yang lain semua rehat pada hari Ahad. Jadi, di sini bolehkah kerajaan tinjau semula supaya kita mempercepatkan vaksin ini, kita adakan pada hari Ahad juga? Terima kasih.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, tinggal 12 minit sahaja ya.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Ya, saya faham. Saya jaga masa saya...

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu? Minta laluan.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Saya berikan ruang yang diminta rakan-rakan saya. Sementara Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang Berhormat Ledang mungkin boleh tunggu sekejap sebelum saya ambil *floor* balik, saya hendak buka juga ruang kepada Yang Berhormat Muar.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri dalam satu wawancara ada akui, bahawa kegagalan beberapa Menteri untuk patuh kepada SOP telah pun melemahkan kepercayaan rakyat dan pengurusan kerajaan dalam menangani COVID-19. Ini benda baik, kejujuran seperti ini kita terima.

Untuk rujukan masa hadapan, apa lagi penambahbaikan yang boleh kerajaan lakukan *in hindsight* – yang boleh kerajaan lakukan supaya kesilapan dan pengurusan dapat ditambah baik? Saya katakan ini, kerana Yang Berhormat Menteri hanya dilantik sebagai Menteri Penyelaras dalam bulan satu atau bulan dua, agak lewat. Akan tetapi, kita lihat negara jiran, seperti Indonesia bermula *mass vaccination* bermula bulan Januari dan *Singapore* pada bulan Disember.

Malaysia mula agak lewat dan kita tidak boleh salahkan hanya seorang Menteri. *In hindsight*, apakah lagi yang boleh kita lakukan penambahbaikan supaya kesilapan seperti ini oleh kerajaan dapat ditangani dengan lebih baik oleh mana-mana kerajaan yang akan mentadbir pada masa akan datang? Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya kembali mengambil ruang. Saya setuju dengan rakan saya dari Muar dan itu jadikan sebahagian daripada ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya baru menerima satu kenyataan daripada seorang peguam, walaupun *floor* ini bercakap tentang vaksin, tetapi saya rasa tersentuh bila mendengar bagaimana seorang peguam malam tadi, terpaksa bergegas ke PKRC MAEPS, sebab Pengarah PKRC MAEPS membuat aduan. Semasa hartal oleh *doctors*, dia buat *report police*. Polis datang soal siasat doktor itu. Pukul berapa mereka datang? Pukul 12 malam, berapa lama dia soal siasat, empat jam, sehingga empat pagi. 12 malam hingga 4 pagi doktor itu sedang menjalankan tugas mereka untuk menguruskan pesakit.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: [Bangun]

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Jadi, saya fikir ini satu perkataan sahaja 'intimidasi'... [Dewan tepuk]

Ketika Menteri Kesihatan semalam sebut...

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Minta laluan...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Bahawa dia bagi jaminan tidak ada tindakan. Kita semua dengar. Akan tetapi, di satu sisi lain, tangan kanan kata tidak, tangan kiri kata apa?

■1210

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak ada *power* lah.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, boleh saya?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Sorry, saya tidak nampak. Yang Berhormat Bukit Gelugor, silakan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih. Berkenaan dengan soal siasat doktor-doktor tersebut pada waktu malam, saya difahamkan bahawa mereka, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu tadi, mereka telah pun disoal siasat sehingga pukul 2 pagi, 3 pagi. Ini adalah jelas satu perkara yang amat serius yang boleh memberi tekanan mental kepada mereka yang disiasat. Malah ia juga adalah bertentangan dengan beberapa undang-undang seperti *Lockup Rules* yang di-*design* untuk mengelakkan masalah seperti tekanan mental dan sebagainya yang boleh diakibatkan dengan siasatan seperti ini.

Apakah pandangan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu? Adakah ini satu perkara yang perlu kita kondem dan meminta kerajaan agar untuk memberi satu penjelasan kenapa praktis ataupun amalan semacam ini masih digunakan pada zaman ini? Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi, satu penjelasan yang tuntas harus diberikan. Dalam lingkungan hak mereka, mereka membuat penuntutan, mereka uar-uarkan, tidak ada kekecohan, mereka tidak abaikan kepentingan pesakit. Yang Berhormat Menteri bagi jaminan tidak akan diambil tindakan. Alih-alih pukul 12.30 tengah malam sampai pukul 4 pagi dilakukan soal siasat dan siasatan dibuat dalam Pusat MAEPS, peguam tidak dibenarkan masuk sebab tidak ada autoriti.

Saya fikir perkara ini harus dihentikan. Jaminan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri- jangan lagi rosakkan semangat dan moral pasukan doktor ini. Cukuplah... *[Tepuk]* Cukuplah ya.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Kena minta maaf. Kena minta maaf. Menteri Dalam Negeri kena minta maaf.

Beberapa Ahli: Ya!

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ada *WhatsApp group* tak?

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *the doctors are already mentally and physically exhausted... [Tepuk] Please stop treating them like a criminal. The healthcare system is already collapsing. Don't break them further,* dengan izin. Harus ada jaminan ini.

Ini pun saya rasa keputusan politik yang boleh dibuat segera melalui Menteri Dalam Negeri terus kepada IGP beritahu dalam perkara hartal ini, jaminan telah diberi dalam Parlimen oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Boleh *WhatsApp* sekarang. *WhatsApp* sekarang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: [Bangun]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim Bandar Baharu]: Bagi Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Selepas itu Ledang ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada dua tiga hal untuk dirujuk kepada Yang Berhormat Menteri. Satu saya sangat risau dengan apa yang dikatakan dengan *herd immunity* di negara ini kerana kita memberi keutamaan kepada rakyat Malaysia, itu bagus, tetapi kita juga tahu bahawa pada masa sekarang ada lebih kurang di antara tiga ke-empat *million* pekerja asing tanpa izin dan *stateless people* dan juga orang-orang *undocumented people* dari Sabah, Sarawak ke sini.

Herd immunity ini tidak ada makna langsung, Yang Berhormat- apabila menggunakan perkataan itu, kita perlu faham, *if you are not going to vaccinate these other people* yang kita semua *pretend this not the issue*. Setiap tempat, setiap bandar mereka ada tetapi sekarang anehnya, *Immigration Department* semua agresif untuk tangkap mereka. Berdekad-dekad mereka ada di sini tidak diambil tindakan yang penuh untuk mengatasi masalah ini. Maka saya tanya, bilakah suntikan ini akan dibenarkan kepada *stateless people, undocumented workers* dan sebagainya?

Kedua adalah apakah kesusahan untuk memberi suntikan dibuat oleh pejabat kesihatan kecil? Ramai di antara mereka tidak faham kenapa ia tidak diberi. Walaupun Yang Berhormat Menteri seorang menteri yang saya percaya yang baik tetapi ada *allegations* yang *wrongdoing* di mana harga yang dikatakan untuk suntikan ini adalah melampau. Saya harap Yang Berhormat boleh memberi penerangan yang penuh sebelum satu skandal yang besar jadi di negara ini.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat, warga asing, Yang Berhormat. Kepong, Kepong.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: [Bangun]

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bagi satu atau dua lagi, saya hendak teruskan sedikit sahaja *point* asal saya.

Yang Berhormat Menteri, perkara yang jauh lebih penting daripada vaksin ini, Yang Berhormat Menteri, dunia sekarang mula bercakap soal *exit strategies*.

Dunia bercakap soal *normalization*. Singapura, misalnya, sudah buat keputusan bahawa tidak mengapalah, kita *just live with it*.

Akan tetapi, baru-baru ini, *Bloomberg* meletakkan satu lagi elemen baharu yang dipanggil *COVID resilience ranking*. Ada 12 ukurannya. Salah satu ukurannya kadar vaksinasi sesebuah negara selain daripada kematian dan sebagainya. Ini penting sebab ia akan memberikan permulaan kepada, yang disebut istilahnya, *reopening progress*. Jadi mereka sudah bergerak ke depan, jauh beberapa langkah. Mereka bukan terfikir sekarang.

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan]: [*Bangun*]

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: [*Bangun*]

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:

Perkara kedua yang saya hendak ungkap juga kekuatan Malaysia selama ini, Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, ialah kekuatan dengan *niche* kita halal. Halal, halal. Kita sudah ada *domestic players*, pemain tempatan-Pharmaniaga, Duopharma dan sebagainya. Potensi Malaysia sebagai *halal vaccine hub* ini untuk pasaran Asia Tenggara dan pasaran negara-negara Muslim. Sejauh mana potensi ini telah pun diikhtiarkan, diusahakan oleh kerajaan? Barangkali sampai masanya aspek pelaburan dalam pembuatan vaksin yang akan bagi satu lonjakan kepada bidang farmaseutikal dan *biotech* negara kita. Ini peluang. Ketika krisis, datang *opportunity*, datang peluang. Saya percaya bahawa ini suatu yang mampu kita buat.

Saya hendak minta Yang Berhormat Teluk Intan. Saya bagi ruang sedikit. Terima kasih.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: [*Bangun*]

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: [*Bangun*]

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Kejayaan PICK bergantung kepada jumlah bilangan rakyat yang menerima vaksinasi.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sejak MySejahtera dan PICK dilancarkan, sudah enam bulan, kini masih ada lagi lebih kurang 12 juta rakyat Malaysia masih belum mendaftar lagi untuk mengambil vaksin. Setakat ini, jumlah yang menerima dua dos vaksin hanya lebih kurang 17 peratus. Bagaimana kita hendak capai *80 percent herd immunity* menjelang Oktober ini mengikut janji oleh Yang Berhormat Menteri? Adakah kerajaan akan mengikut contoh Indonesia dan Itali supaya vaksinasi menjadi *compulsory* ataupun mengikut modul Perancis yang mana ada had-had akses kepada mereka yang gagal atau enggan terima vaksinasi?

Ini kerana semalam kita telah difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, RM7.15 bilion telah dibelanjakan untuk Program Vaksinasi dan juga rawatan COVID-19 ini. Mohon jawapan nanti. Terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: [*Bangun*]

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: [*Bangun*]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Saya bersetuju. Itu menjadi sebahagian daripada ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, ada sedikit...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah mohon.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Sebelum saya akhiri, saya juga ada berjanji dengan sahabat saya Yang Berhormat Rasah. Silakan Yang Berhormat Rasah.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, Padang Serai sedikit.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Kepong, Kepong.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Saya dua perkara yang ringkas sahaja yang saya hendak sebutkan di sini. Pertama, saya ingin sebutkan...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Seterusnya saya ingin menjemput...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Padang Serai.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu minit. Saya beri kepada Yang Berhormat Rasah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rasah? Okey.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Dua perkara ringkas saya hendak sebutkan di sini.

Perkara pertama adalah berkenaan dengan *walk in*. Apakah pendirian Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan *walk in*? Sebab saya nampak di Lembah Klang, dikatakan bahawa warga yang berusia 18 tahun ke atas yang masih belum mendapat temu janji boleh *walk in*. Di Melaka, saya dimaklumkan warga emas, OKU boleh *walk in* pada- malam kah apa? Jadi, apakah pendirian? Sebab, *walk in* ini mungkin ada implikasinya menyebabkan ramai berkumpul. Itu yang pertama iaitu pendirian daripada pihak kerajaan.

Perkara kedua adalah berkenaan warga emas yang berusia 60 tahun ke atas. Saya rasa umum di Negeri Sembilan- sebab Yang Berhormat Menteri dari Rembau, saya Rasah, sebelah-sebelah. Umum di Negeri Sembilan mengatakan bahawa vaksinasi di Negeri Sembilan lambat. Akan tetapi, saya tidak salahkan Yang Berhormat Menteri walaupun ada rakan komponen daripada Barisan Nasional sendiri yang menuduh kerajaan negeri. Saya rasa tuduh menuduh bukan cara untuk penyelesaian sekarang ini. *Approach* daripada Yang Berhormat Menteri sama-sama kita menggembelng tenaga.

Cuma, masih ada mereka yang berusia 60 tahun ke atas yang masih belum dapat. Jadi, macam manakah caranya pihak CITF boleh membantu untuk mereka ini diberikan vaksinasi khususnya dos pertama dalam kadar yang segera? Ataupun mungkin kita boleh anjak sedikit. Jangan kata 60 tahun, mungkin 40 tahun ke atas ataupun 50 tahun ke atas dan juga golongan OKU sebab merekalah yang patut diberikan keutamaan.

■1220

Oleh sebab kalau di negeri lain dikatakan umur 18 tahun ke atas boleh, terasa mereka yang berumur 40 tahun ke atas di Negeri Sembilan. Jadi saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Satu minit, Kepong.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mengakhiri ucapan saya.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, saya, Padang Serai, Padang Serai.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Saya ingin mengakhiri ucapan saya, saya minta maaf kepada sahabat saya Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Padang Serai atas tidak dapat memberikan ruang. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam,* terima kasih Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Kinabatangan, tujuh minit.

Datuk Seri Haji Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Datuk Seri Haji Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat, Hang Tuah Jaya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Hanya hendak dapat maklum balas berkenaan dengan usul pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sedang meneliti Usul itu, saya telah menerima daripada Yang Berhormat dan saya akan minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri dan hendak *check Hansard*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Boleh, *so you come back to me*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *I will*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Thank you*. Terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Lagi?

Datuk Seri Haji Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, Hang Tuah Jaya, peraturan mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 12(1) dibaca bersama-sama dengan Peraturan Mesyuarat 90(2).

Tuan Yang di-Pertua: Berapa? Peraturan Mesyuarat 12(1)?

Datuk Seri Haji Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Peraturan Mesyuarat 12(1) dibaca bersama-sama dengan Peraturan Mesyuarat 90(2). Ini tentang tempoh persidangan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membawa hasrat rakan-rakan di sebelah sini sepanjang beberapa hari ini kami tidak berpeluang untuk berbahas secukupnya kerana kita pun sudah tidak bersidang selama 221 hari. Kali ini peluang yang ada jadi tentunya ada banyak perkara yang perlu dibangkitkan.

Apatah lagi hari ini kita bahas tentang vaksin dan saya tahu kalau ikut peraturan ini setiap persidangan itu hendaklah tamat 5.30 petang ataupun boleh 15 minit kemudiannya kecuali ada usul daripada Menteri.

Namun di sana terdapat peluang untuk Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan berdasarkan Peraturan Mesyuarat 90(2) iaitu menghentikan pelaksanaan peraturan ini dengan persetujuan. Sama ada kita membuat pemberitahuan ataupun dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua yang hendaklah dikemukakan untuk diputuskan tanpa ada perbahasan.

Jadi saya hendak *appeal* kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa ini peluang yang ada, kalau boleh panjang dan saya percaya kalau *concern* nya adalah kesihatan dan sebagainya, kita boleh *self-discipline* sejam kita akan keluar, yang ini masuk balik. Saya ingat itu perkara yang boleh kita sama-sama putuskan di kalangan Ahli Parlimen di sebelah sini tetapi yang pentingnya ada peluang untuk

berbahas kalau boleh minta dipanjangkan, sesuai dengan ruang yang ada dalam peraturan mesyuarat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya punya Peraturan Mesyuarat 36(12). Saya hendak minta fatwa daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, saya hendak jawab Yang Berhormat Hang Tuah Jaya sekejap. Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, terima kasih.

Sebenarnya macam Yang Berhormat Hang Tuah Jaya katalah kuasa yang diberikan ialah kuasa Menteri untuk mengusulkan bahawa kita *extend* atau tidak *extend* itu. Sekiranya ada kuasa *express* tersurat diberi maka saya tidak ada kuasa untuk mengatasi kuasa tersebut. Itu melalui *precedent* yang ada, telah ada dalam *decided case* pun.

Sebenarnya saya hendak terang sedikit fasal masa ini. Sebenarnya kita pun telah tidak menuruti nasihat dan rekomendasi Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Pengarah Kesihatan yang telah bersusah-payah datang ke Parlimen ini untuk memberi penekanan. Kalau hendak ikutkan nasihat beliau, rekomendasi beliau, kita bersidang hingga pukul 2 sahaja sebenarnya sebab beliau amat gusarlah dan bimbang dengan keadaan COVID-19 di Parlimen. Semalam dan hari ini sahaja pun kita sudah ada lagi tiga kes atau empat kes, empat kes semalam dengan hari ini.

So, risikonya itu agak tinggillah. Oleh sebab itulah saya tetapkan pukul 5.30 petang itu untuk memberi peluang kepada semua berbahas. Maafлах tetapi kalau pihak Yang Berhormat Menteri hendak *consider* saya serahkan kepada beliaulah, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya seperti Yang Berhormat Puchong sebenarnya telah memfailkan *motion* 36(12). Saya hendak kata begini Tuan Yang di-Pertua, ada lain sedikit. Saya agak minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah cara Tuan Yang di-Pertua untuk *handle motion* ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya selalunya...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Bukan, tidak, *let me finish first*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, memang kebiasaannya Tuan Yang di-Pertua akan dengar dan akan putuskan, itu yang berlaku. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua saya rasa Tuan Yang di-Pertua sebagai seorang peguam menyedari bahawa cara itu adalah cara yang memang tidak adil

sekali kerana apa, dalam isu yang melibatkan Yang Berhormat Menteri Undang-undang...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Manakah ada keadilan dalam dunia ini?... [*Dewan ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Cepatlah Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya terperanjat sebab ada suara daripada...

Tuan Yang di-Pertua: Kita hendak bincang fasal Menteri punya penerangan ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tiba-tiba ada suara dari gua mana...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cepat sedikit. Yang Berhormat, cepat sedikit, seminit-seminit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey. [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan yang lepas memang begitulah tetapi sekarang Tuan Yang di-Pertua, masa perbahasan itu Tuan Yang di-Pertua tahu Tuan Yang di-Pertua juga terlibat dalam perbahasan itu secara tidak langsunglah. Jadi saya khuatir akan adanya unsur *likely for bias*. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya mencadangkan kalau boleh...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okeylah Yang Berhormat, faham sudah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Daripada gua ini boleh minta diam tidak? Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Hendak saya *recuse*?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, bukan, *recuse* ataupun kita minta Dewan ini yang putuskan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kena *recuse* lah kalau begitu, okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya, *if you want to recuse that is not a problem*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

12.26 tgh.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, tujuh minit.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hah?

Tuan Yang di-Pertua: Tujuh minit.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Saya baru cakap di sana dapat 60 minit.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Mana ada keadilan dalam dunia ini... *[Dewan ketawa]*

Datuk Seri Haji Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Sebab itu aku minta tambah waktu.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Mana ada keadilan dalam dunia ini.

Datuk Seri Haji Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Kinabatangan, sebab itu aku minta tambah waktu.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat Shah Alam. Okey, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Padan muka awak.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Bagi 10 minitlah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, 10 minit, okey 10 minit.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Masa 10 minit, sana 60 minit.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita datang dari jauh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Faham, faham, faham.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Ini ada keadilan, ini ada keadilan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, 10 minit.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, melihat bagaimana yang kita bincang ini iaitu kerajaan bertanggungjawab untuk melindungi dan memelihara rakyat Malaysia di mana sahaja berada dan juga mana-mana masyarakat yang duduk dalam negara kita ini.

Dalam soal ini sudah tentu strategi penting untuk dilaksanakan bagaimana melindungi rakyat. Cara yang ada yang disyorkan oleh WHO dan sebagainya melalui pemberian suntikan vaksin. Dalam konteks Sabah Yang Berhormat Menteri, cuma bulan Julai ini ada tambahan vaksin suntikan diberikan dan kalau sebelum ini Sabah hanya mampu memberi suntikan vaksin 10 ribu hingga 12 ribu satu hari. Bayangkan dan rekod menunjukkan Sabah negeri yang terlalu sedikit dibekalkan dengan vaksin.

Saya telah bersuara berkali-kali. *Alhamdulillah* bulan Julai telah dipertingkatkan. Apa yang penting saya minta kepada Yang Berhormat Menteri

dan kerajaan pastikan bulan-bulan seterusnya bekalan vaksin itu jangan diberhentikan tambahkan. Oleh sebab Sabah ini ada unik sedikit. Kita ada rakyat tempatan, kita ada pekerja asing, kita ada pendatang tanpa izin, ada macam-macam.

Sasaran utama kita memberi vaksin rakyat Malaysia tetapi bagaimana orang lain yang duduk di sana. Kalau kita di vaksin dia tidak, sama sahaja, tidak ada maknanya. Saya juga, kita betul lihat, disebut varian baru, *variant* delta kah, apakah hantu dari mana.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kinabatangan, boleh-boleh?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap. Ini saya ada 10 minit, tidak tahan ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak apa, mana ada keadilan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri, cuba kita lihat adakah vaksin seperti *Pfizer*, *Sinovac* dan lain-lain ini boleh mempertahankan daripada serangan varian baru ini? Kalau tidak, apakah lagi vaksin yang dikeluarkan oleh pengeluar vaksin di serata dunia? Oleh sebab setiap hari kita lihat vaksin ini sudah menjadi *cartel*, sudah menjadi perniagaan global untuk mengadu domba meraih keuntungan di merata tempat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh ya. Terima kasih. Terima kasih kepada sahabat saya...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Sepang ini tidak henti-henti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, saya tanya sahaja. Saya tanya sahaja.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak bagi Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak faham-faham.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit sahaja. Bolehlah, Yang Berhormat Kinabatangan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan tidak bagi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Relaks lah *brother*. Kita ini, saya sudah lama tidak berucap ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak boleh, tidak boleh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sikit, 20 saat, 20 saat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak ada, tidak ada.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Wujudkanlah keadilan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri, saya juga ingin mencadangkan di Sabah kita mengadakan program *outreach* ke pendalaman-pendalaman yang tidak ada daftar *MySejahtera* lah, apalah sebab *offline*, tidak ada *line* langsung. Malangnya *outreach* ini tidak berapa berkesan sebab kita hendak balik lagi kedua kali untuk vaksin yang kedua.

Jadi orang kampung ini maklumlah apabila tidak dapat jumpa, vaksin pertama dia ada, kedua dia tidak ada. Jadi, saya syorkan bagi kami vaksin yang untuk *single jab* punya.

■1230

Janganlah untuk kampung-kampung sesuai untuk kita bagi vaksin untuk satu kali sahaja

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hendak sokong, hendak sokong boleh? Boleh hendak sokong.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua ini mahu dikasi keluar sahaja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua ini mahu disokong ini, boleh?

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Sepang sudah lah Yang Berhormat Sepang, jangan kacau Yang Berhormat Sepang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang sudah tidak ada masa ini tolong, *mike, mike*.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Yang Berhormat Sepang punya kerja ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh ya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tak boleh. Saya tidak ada masa.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ala *common* lah, kita kawan lama ini takkan tak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Tak bagi, duduklah.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya juga ingin mengesyorkan kepada kerajaan kalau boleh wajibkan..

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ada Ahli Parlimen tak ambil vaksin ini. Alasan agama ini, macam mana ini?

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Sepang sudahlah.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Wajibkan vaksin ini untuk semua masyarakat iaitu mandatori. Tidak boleh ada yang mahu, ada yang tidak mahu, sebab ini tidak baik, bahaya kita. Saya yakin apabila semuanya di vaksin, kita boleh hidup dalam satu komuniti yang semua sudah ada vaksin. Kalau di US, di Rusia, mereka pergi rumah ke rumah naik, *jab* siapa pun dia di rumah.

Kita di sini bayar pula. Patutnya di kampung-kampung tidak perlu panggil-panggil. Kita pergi rumah ke rumah, asal dia belum vaksin, bagi dia suntikan. Habis itu baharu kita masukkan, baharu kita selamat, sebab kita harus melihat bahawa penyakit gejala ini memusnahkan ekonomi kita.

Orang yang ada perniagaan sudah tidak ada, orang yang kaya sudah miskin, orang yang miskin sudah bunuh diri, merempat macam-macam. Jadi sebab itu kita perlu pantas mengambil tindakan Yang Berhormat yang menjaga vaksin ini, gunakanlah kepintaran yang ada. Belilah seberapa banyak. Macam di *Singapore*, penghuni dia sebanyak empat juta tetapi dia sudah *order* sebanyak 20 juta dos. Kenapa kita tidak boleh? Apa masalah kita?

Oleh sebab itu saya kata, semua ini kena *timing*. *Timing* betul, kita dapat tetapi *timing* tidak betul, tidak dapat apa-apalah. Jadi kita harus melihat perkara ini sebagai satu perkara yang menjadi keperluan semasa. Yang Berhormat, saya juga ingin bertanya, apakah Yang Berhormat tidak menggalakkan klinik-klinik swasta dan sebagainya untuk dibekalkan vaksin supaya mereka juga boleh menyuntik mana-mana daripada syarikat-syarikat swasta yang memerlukan vaksin untuk pekerja-pekerja mereka.

Jadi kerajaan berjalan, swasta berjalan secara *concurrent*. Oleh sebab matlamat kita untuk memvaksin semua masyarakat Malaysia kita dengan cepat. Oleh sebab apabila semua divaksin, kita boleh buka ekonomi kita, boleh buka sukan kita dan sebagainya. Saya juga ingin tahu bila program kerajaan untuk memberi vaksin kepada umur tiga tahun hingga 12 tahun? Oleh sebab ini pun penting untuk...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Kinabatangan. Boleh saya mencelah sedikit, Batu Kawan di sini.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sedikit boleh.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kinabatangan saya tak boleh tadi, tak adil ini, memang tak adil ini.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Dr Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai]: Mana ada keadilan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Adakah Yang Berhormat Kinabatangan mengalami satu situasi di mana penduduk di kawasan-kawasan Yang Berhormat yang mendaftar melalui *MySejahtera* diberikan tempat vaksinasi di negeri lain?

Untuk saya, penduduk Batu Kawan diberikan tempat salah satu tempat dia Jeli, Kelantan. Rakan saya Yang Berhormat Ledang kata dapat di Labuan walaupun daftar di Ledang.

Pada masa yang sama, adakah Yang Berhormat Kinabatangan mengalami satu situasi di mana penduduk-penduduk di kawasan Kinabatangan mendaftar bulan Mac tetapi sampai sekarang- bulan Julai masih belum mendapat temu janji walhal orang yang daftar dalam tempoh dua minggu sudah dapat temu janji. Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan, sama isu.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu Yang Berhormat Menteri, memang betul-betul di mana-mana berlaku, sebab itu saya kata sistem yang kita ada ini mungkin kita semua tidak ada...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Mahal sangat, sebanyak RM70 juta.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Maka, sistem itu pun tidak tepat. Ia seharusnya didaftar di kawasan ini tetapi akan di vaksin di negeri lain, di kawasan lain dan ini pun menjadi masalah.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Kinabatangan sedikit sahaja.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau boleh kita menggalakkan negeri-negeri menggunakan web masing-masing. Jadi senang, habis itu diselaraskan di peringkat Persekutuan. Kalau ini dapat kita lakukan, jangan terlalu *rigid*, jangan terlalu memikirkan ini tidak boleh, itu tidak boleh. Kalau semua tidak boleh, semua tidak jadi lah.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Kinabatangan, Kepong.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sedikit ya.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Terima kasih. Saya minta cadangan termasuk dalam cadangan Yang Berhormat Kinabatangan. Cadangan adalah untuk pihak kerajaan mempertimbangkan vaksin Johnson & Johnson sebab vaksin Johnson & Johnson dia satu *shot* sahaja- satu dos dah cukup.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]: Saya tak tanya, saya hendak tengok Yang Berhormat Gua Musang.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ya, satu dos tak cukup.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, betul. Saya memang, seharusnya...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, bagilah saya sedikit sahaja, mengelatlah.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Yang Berhormat Sepang bukan saya tidak mahu bagi tetapi dia *overrule* orang. Kita bagi laluan, dia yang berucap bukan kita. Itu yang saya tidak bagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya janji, dua tangan ini, sumpah, tapis mulut saya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Pontian lah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tadi Yang Berhormat Kinabatangan saya mesyuarat tindakan daerah secara *online* daripada Dewan Rakyat di luar dan DO dan Pusat Kesihatan Daerah memaklumkan termasuklah Yang Berhormat Tanjong Piai bahawa ada beberapa buah pusat PPV di Pontian ditutup. Sebabnya hanya satu Yang Berhormat Rembau iaitu vaksin tak cukup. Apakah komen?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita jadikan sebagai sebahagian daripada ucapan saya dan Yang Berhormat Menteri boleh menjawab. Yang Berhormat Menteri akhirnya saya mahu mintalah lihat lah Negeri Sabah sebagai sebuah negeri ataupun wilayah yang keluasannya lebih besar daripada negeri-negeri yang lain.

Kami betul-betul memerlukan perhatian. Bagi kami cukup vaksin, bagi kami vaksin yang untuk *single dose* untuk kami bawa ke kampung-kampung. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, seterusnya Yang Berhormat Sepang, tujuh minit selepas Yang Berhormat Sepang Yang Berhormat Tanjong Karang diikuti dengan Yang Berhormat Bangi.

12.36 tgh.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Yang Berhormat kalau boleh minta sepuluh minit jugalah sebab dari Sabah tidak berbaloi tambang kapal terbang. Boleh minta sepuluh minit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Sepanggar untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai isu melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, khususnya mengenai isu spesifik iaitu program vaksinasi.

Yang Berhormat Menteri, sebagai rakyat Malaysia, saya perlu menzahirkan kekecewaan dan kekesalan kami khususnya rakyat negeri Sabah yang mana umum mengetahui hari ini ramai di kalangan rakyat Sabah yang kehilangan keluarga tercinta, sahabat handai, tidak kurang juga jiran-jiran terdekat, anak-anak kecil yang menjadi yatim piatu secara tiba-tiba, ibu bapa yang hanya mempunyai seorang anak dan kehilangan anak ini disebabkan oleh serangan COVID-19, suami kehilangan isteri walaupun ada suami yang masih ada isteri tetapi kahwin yang lain.

Isteri kehilangan suami disebabkan oleh kelemahan dan kelewatan pengurusan vaksin yang dikelolakan oleh kementerian Yang Berhormat Menteri dan tidak dikoordinasi dengan baik dan teratur dengan Kementerian Kesihatan menyebabkan nyawa mereka tidak dapat diselamatkan.

Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan di atas kertas rancangan kerajaan nampak seperti perancangan yang terbaik di dunia namun realitinya di luar sana selain SOP yang memeningkan, malah pengumuman sering berubah, malah kami di Sabah diminta untuk membuat tafsiran sendiri bila pengumuman Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bercanggah.

Tuan Yang di-Pertua, daripada awal lagi apabila kerajaan tebuk atap ini mengambil alih kerajaan yang diakui sendiri oleh Yang Amat Berhormat Pagoh bahawa ini bukanlah kerajaan yang dimandatkan oleh rakyat dan disebabkan oleh *scheme of things* Yang Amat Berhormat Pagoh, mengamanahkan pengurusan COVID-19 ini diletakkan di bawah kelolaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pun sudah menampakkan akan kegagalan merancang dalam mengurus dan mengelola pandemik COVID-19.

Berpuluh-puluh tahun Kementerian Kesihatan bertanggungjawab dalam mengelola pemberian ubat-ubatan dan vaksin dan peralatan perubatan di negara kita. Namun peranan mereka diserahkan kepada kementerian yang langsung tidak mempunyai kemahiran khusus terutama bila melibatkan urusan ubat-ubatan dan pandemik.

Apakah sebenarnya motif kerajaan menjadikan pengurusan vaksin dan ubat-ubatan ini? Musim pandemik COVID-19 ini bukanlah musim untuk pihak kerajaan melakukan *trial and error*. *Putting the right man to the right position*, dengan izin, *is very important* dalam usaha kita untuk memerangi COVID-19.

Maximizing the use of all available tools and facilities di negara kita agar kewangan yang ada dapat dijimatkan dan digunakan pada keperluan yang jauh lebih penting untuk menyelamatkan nyawa rakyat yang ada.

■1240

Jangan gunakan pandemik ini untuk mewujudkan peluang untuk mengaut keuntungan dan mengayakan rakan dan kroni. Apakah yang kerajaan lakukan? Mewujudkan PPV mega di merata tempat, berbelanja berjuta tetapi vaksin tidak bersesuaian dengan kapasiti mengakibatkan pusat PPV *under utilize*. Bukankah di setiap kawasan Parlimen di negara ini pasti ada sekurang-kurangnya hospital.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Yang Berhormat Sepanggar, Ledang.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Kalau tidak pun di peringkat kampung ada klinik-klinik desa.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Boleh Yang Berhormat Ledang mencelah, Yang Berhormat Sepanggar?

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Sekejap. Kenapakah tidak digunakan semua *facility* ini untuk program vaksinasi? *After all nurse* atau pembantu perubatan pun boleh memberikan suntikan, bukannya susah sangat. Tidak perlu pun peralatan canggih, hanya picagari tetapi pastikan jangan kosong. Apa yang perlu bantu klinik-klinik ini dengan sukarelawan tambahan seperti *nurse* tambahan, RELA dan NGO yang sudi berkhidmat dengan kita untuk membantu menjayakan program vaksinasi selain membantu mengawal jumlah rakyat yang datang setiap hari. Ya, sila. Siapakah tadi?

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Sepanggar. Saya tertarik tadi berkenaan dengan PPV. Sebenarnya perkara ini banyak telah ditimbulkan di peringkat kami Ahli-ahli Parlimen di kawasan masing-masing berkenaan dengan ciri-ciri pemilihan PPV. Setakat yang saya maklum sebenarnya ciri-cirinya. Akan tetapi apabila menentukan PPV *outreach* itu, contohnya jangkauan luar dan kemudian PPV bergerak.

Maka agak kurang jelas, terutamanya pada awal pemilihan PPV ini di kawasan saya contohnya di daerah Tangkak, tiba-tiba kita dengar di mukim tertentu di kawasan dalam Parlimen Pagoh turun IJN, segala klinik kesihatan, sumber-sumber tenaga dikerah untuk mengadakan PPV bergerak. Apakah

kerana kadar kes yang tinggi di kawasan tersebut? Tidak. Ada kawasan kes yang lebih tinggi, tetapi PPV bergerak telah digunakan, dimanfaatkan untuk itu. Apakah sebenarnya ciri-ciri pemilihan PPV Yang Berhormat Sepanggar. Boleh ditanyakan kepada Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Okey, masukkan dalam soalan saya.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Sedikit Yang Berhormat Sepanggar, boleh Yang Berhormat Sepanggar?

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Nanti dahulu. Saya tinggal empat minit sahaja, sekejap. Ada banyak lagi.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Sepanggar, sedikit Yang Berhormat Sepanggar.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Sekejap, sekejap.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Kimanis, Kimanis.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Menyentuh mengenai kemajuan proses vaksinasi. Tadi Yang Berhormat Kinabatangan ada sentuh, di negeri Sabah. Data *speak louder than dose*. Dos pertama baharu 618 ribu. Dos kedua baharu 378 ribu lebih. Maknanya peratusan berbanding dengan populasi baharu 9.7. Dewasa yang *complete* baharu 13.7. Dilaporkan fasa pertama vaksin sampai pada 26 Februari 2021.

Ini bermakna setelah lima bulan vaksin sampai ke negeri Sabah, baharu sejumlah 300 ribu orang yang *complete*. Jadi, inilah yang mengakibatkan kita rakyat Sabah rasa dianaktirikan. Ketua Menteri Sabah ada mensasarkan bahawa kononnya dalam tempoh bermula bulan Oktober ini dianggarkan sasaran 2.7 juta akan mendapat vaksin. Akan tetapi, hanya berbaki dua bulan daripada sekarang. Bermakna kalau dalam tempoh lima bulan baharu sejumlah 300 ribu orang yang berbaki dua bulan macam mana hendak mencapai sebanyak 2.7 juta?

Inilah yang mengakibatkan kita sebagai rakyat Sabah ini merasa sentiasa dianaktirikan. Dua hari lepas Menteri kewangan ada menyebut tentang tiga juta-dos yang akan dihantar ke negeri Sabah. Persoalan yang kami ingin tanya, bilakah? Sebab, kami di Sabah sering dijanjikan. Jangan ceritalah soal dos, *Malaysia Agreement* 63 selama 63 tahun kita tunggu.

Dimaklumkan juga *CanSino* dan Johnson & Johnson akan diberi. Kalau melihat kepada data yang saya peroleh daripada WHO, Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada vaksin *CanSino* ini dimaklumkan di dalam sini bahawasanya *doses excepted review* masih belum dapat akan bermula pada bulan Ogos. Status of *assessment* masih belum diperolehi. Jadi persoalan dia, kalau vaksin ini

diberikan kepada negeri Sabah, sedangkan *efficiency rate* dia baharu 65 peratus. Itu yang kita hendak tanya. Mungkin Yang Berhormat Menteri bolehlah memberikan penerangan kepada kita tentang *efficiency dose* ini sama ada ia sesuai untuk diberikan kepada rakyat negeri Sabah.

Selain daripada itu, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, berkenaan dengan ada satu buah syarikat yang difahamkan telah membuat satu perjanjian dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk membekalkan vaksin iaitu *Sinopharm*. Nama syarikat dia syarikat Kanger International, saya telah sebut semalam, Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita melihat kepada latar belakang syarikat ini, syarikat ini merupakan syarikat *specialize on bamboo product*. Jadi, kita hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah syarikat ini telah dilantik dan jika dilantik kenapakah syarikat yang mahir dalam bidang produk *bamboo* ini dilantik menjadi syarikat pembekal vaksin di Negeri Sabah.

Again kita menyentuh tentang *putting the right man into the right position*. Meletakkan syarikat yang betul untuk *supply* produk yang betul. Ini yang kita bimbangkan. Jangan nanti syarikat yang dilantik ini tidak mempunyai kepakaran dalam isu vaksin. Menyentuh tentang...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh mencelah?

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Menyentuh tentang *MySejahtera*. Saya ingin menyentuh tentang *MySejahtera* ini. Yang Berhormat Menteri, kita pun tahu Yang Berhormat Menteri telah mengesahkan bahawa di Labuan apabila proses vaksinasi dilakukan tanpa menggunakan panggilan *MySejahtera*. Ia berjaya mengakibatkan ramai rakyat di Labuan telah mendapat vaksinasi.

Jadi, kenapa sistem seumpama itu tidak dibuka seluasnya ke seluruh negara dengan cara mengambil pendekatan vaksin dahulu daftar kemudian ataupun setidak-tidaknya pada ketika mereka selesai mendapat vaksin, barulah nama mereka didaftarkan di antara orang yang telah mendapat vaksin. Itu saya yakin dan percaya akan mempercepatkan proses vaksinasi yang berlaku di negara kita. Jadi, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh?

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: ...Saya tidak cukup masa. Okey.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Yang Berhormat Sepanggar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Beruas cepat ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bolehkah kerana Yang Berhormat Sepanggar pernah menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri, tadi dikatakan *right person at the right place*. Saya mohon kepada kerajaan supaya melalui Yang Berhormat Sepanggar, minta polis berhenti menyiasat doktor-doktor yang terlibat dalam protes hartal doktor kontrak kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Tadi telah disentuh Yang Berhormat...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bukan, bukan. Sekarang ini isu saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak ada masa. Tadi telah disentuh.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Bukan, saya hendak nyatakan polis tiada kuasa untuk menyiasat kerana doktor tidak melakukan apa-apa jenis jenayah. Jadi, minta *back off*, kalau tidak polis dikatakan telah menyalahgunakan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Telah disentuh Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepanggar.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kalau ada apa-apa yang *breech of rule* itu *internal*. Jadi, harap mesej ini mesti disampaikan kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bukan mencelah. Sila Yang Berhormat Sepanggar, tamatkan.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Sebagai penutupnya kalau sebelum ini Yang Berhormat Menteri Kewangan sebut disebabkan oleh kurangnya pendaftaran di dalam MySejahtera itu mengakibatkan proses vaksinasi di negeri Sabah itu menjadi begitu rendah. Akan tetapi sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi, kami di Sabah ini menghadapi masalah bukan sahaja daripada segi berstruktur yang ada di negeri Sabah daripada segi telekomunikasi, jalan dan sebagainya ini juga merupakan di antara penyumbang disebabkan oleh ramai rakyat Sabah yang tidak mendaftar di *MySejahtera*.

Akan tetapi persoalan dia Yang Berhormat Menteri, bagaimana mereka yang telah mendaftar dalam MySejahtera yang sehingga ke hari ini masih belum mendapat walaupun satu dos, atau *single dose* masih belum dapat sehingga ke hari ini.

Jadi, itulah antara perkara yang saya ingin sebutkan dalam perbahasan kali ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tanjong Karang. Oleh sebab Tanjong Karang dekat dengan Kuala Lumpur, saya bagi tujuh minit sahaja.

12.49 tgh.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Sampai pukul 1, okey ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tujuh minit. Selepas ini Yang Berhormat Bangi.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Saya pertama sekali hendak ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan terutamanya MOSTI yang telah membuat perancangan yang cukup baik, teratur dan hari ini kita lihat bahawa negara kita telah pun diberi pengiktirafan seperti yang disebut tadi antara kadar vaksinasi per kapita di Malaysia kini adalah antara yang terpentas di seluruh dunia.

Dalam masa yang sama, kalau kita lihat di dalam 10 buah negara ASEAN, Malaysia merupakan negara yang ketiga yang telah pun memberikan dua dos. Pertama Singapura, kedua Kemboja dan kita yang ketiga. Walau bagaimanapun, usaha ini tidak boleh dinafikan. Ini kenyataan. Walau bagaimanapun, kita kena balik kepada negara kita sendiri. Saya kena balik ke negeri Selangor, negeri yang terkenal. Memang inilah negeri yang banyak yang terlibat dalam program COVID-19 ini.

■1250

Kalau saya tengok data penerima-penerima dos mengikut negeri-negeri ya. Dos pertama, Selangor hanya baru dapat sebanyak 40.8 peratus. Tadi Tuan Yang di-Pertua kata saya daripada Lembah Klang. Betul, tapi hendak *compare* dengan Putrajaya sebanyak 78.8 peratus dan hendak *compare* dengan Kuala Lumpur sebanyak 117.2 peratus.

Persoalannya mengapa negeri Selangor ini rendah daripada dos yang diterima. Jadi saya hendak tanya, bagaimanakah perkara ini boleh berlaku? Daripada penerangan Yang Berhormat Menteri tadi, mereka telah ada dasar. Ada PICK, ada dasarnya, ada *target* empat kumpulan. Persoalan yang saya hendak tanya, adakah agihan vaksin ini akan mengikut, adakah mengikut jumlah penduduk ataupun mengikut macam Selangor yang paling ramai, 50 peratus terlibat dalam COVID-19 ini? Sepatutnya vaksin ini kena lebih kepada negeri Selangor.

Saya juga tadi, kita juga faham selain daripada MOSTI, mereka, kerajaan juga dia ada satu program yang dipanggil program PIKAS namanya yang melibatkan agensi-agensi kerajaan. Akan tetapi, satu perkara yang saya tunggu-tunggu Yang Berhormat Menteri berucap tadi, ada satu lagi sebenarnya. Tadi banyak yang bangkit mengenai urusan kerajaan negeri. Saya hadir di sini bahawa sebenarnya kerajaan telah pun ada satu SOP ya.

Permohonan pembelian vaksin COVID-19 oleh kerajaan negeri dan pihak swasta. Ini telah pun dikeluarkan pada 15 Jun 2021. Persoalannya, mengapakah SOP ini tidak dipatuhi dan mengapakah tidak diberi peluang kepada negeri-negeri dan juga pihak swasta membeli sendiri vaksin ini? Dengan ini boleh membantu Kerajaan *Federal*.

Saya tahu jawapannya adalah kerana mungkin tidak cukup. Tadi ramai yang kata vaksin tidak cukup tetapi saya hendak jelaskan di sini bahawa daripada lapan vaksin yang diumumkan tadi, satu vaksin iaitu Sinovac. Sinovac ini telah ada di dalam negara kita sejak tahun 2018 sebelum ada COVID-19. Siapakah yang menguruskan Sinovac ini?

Inilah, syarikat Pharmaniaga. Pharmaniaga ini ialah syarikat GLIC di bawah LTAT. Saya sendiri turun, dengar taklimat daripada Pharmaniaga, pergi lewat, tengok ia punya stor. Malam tadi saya telefon CEOnya. Pagi tadi saya telefon lagi Timbalan CEO hendak dapat fakta yang betul. Daripada fakta yang saya dapat jelas bahawa Pharmaniaga, mereka ada program sendiri, dia ada *fill and finish* yang mana mereka boleh mengeluarkan sendiri selain mereka boleh import *direct* daripada luar negara.

Bulan lepas mereka terpaksa tolak 2 juta. China hendak hantar, ia kata Malaysia tolak 2 juta. Sebab apa? Sebab simpanan yang ada di Pharmaniaga setelah mereka beri kepada kerajaan sebanyak 14.4 juta, masih lagi hari ini ada 3.2 juta di dalam simpanan Pharmaniaga.

Persoalannya mengapa tidak boleh dijual vaksin yang ada pada Pharmaniaga? Di dalam prosedur ini lebih jelas menyatakan bahawa, kalau kita tengok di sini bahawa kos perolehan vaksin COVID-19 adalah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan negeri dan pihak swasta dan tidak boleh menggunakan sebarang peruntukan atau dana daripada Kerajaan Persekutuan. Mereka hendak beli sendiri. Betul dan juga ia letak syarat. Dengan syarat bahawa pihak swasta tidak akan mengganggu perancangan dan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Jadi dengan adanya lebihan ini, saya hendak tanya mengapa tidak boleh dijual? Biarlah kerajaan negeri beli, biarlah pihak-pihak swasta beli. Di negeri Selangor, kita tengok kerajaan negeri patut beli dan dia boleh bagi kepada rakyat negeri Selangor dan juga kilang-kilang banyak di negeri Selangor. Mengapa tidak dijual terus kepada kilang-kilang ini?

Jadi, hari ini memang ada dijual. Baru jual sebanyak 800 dos kepada negeri Selangor. Akan tetapi jual pada anak Kerajaan Negeri Selangor, SelCare tidak silap saya namanya. SelCare pula dia pergi jual pula kepada syarikat

sebanyak RM350 untuk dua dos. Mengapa perkara ini berlaku? Mengapa mengambil kesempatan? Mengapa melalui orang ketiga? Mengapa mesti bagi pada SelCare? Mengapa tidak jual terus kepada syarikat-syarikat ini?

Jadi apa masalahnya Kerajaan *Federal* dengan Kerajaan Negeri Selangor ini? Adakah kerana Kerajaan Negeri Selangor ini kerajaan pembangkang, PH? Saya hendak minta soal COVID-19 ini jangan fikir parti. Tepikan fahaman politik kerana dia tidak kenal orang UMNO kah, orang PH kah, orang PKR, dia tidak akan kenal. Semua akan kena.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Nanti, nanti, saya hendak bagi habis, nanti. Jadi sebab itu, saya hendak minta kerjasama. Walau bagaimanapun, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana Yang Berhormat Menteri sendiri telah turun ke negeri Selangor, mengadakan mesyuarat dengan Menteri Besar dan berbagai-bagai. Terima kasih juga kerana turun dekat Tanjong Karang tolong kita.

Akan tetapi, saya tidak tahu sebab apa di Selangor ini menimbulkan masalah? Adakah kerana Kerajaan Negeri Selangor ada perancangan sendiri? Kita ini sendiri di peringkat *federal*, kita ada PICK, P.I.C.K tadi ada disebut. Di Selangor pula dia ada sendiri, dia ada SelVAX. Di *federal* kita ada MySejahtera. Di negeri Selangor pula ada SELangkah. Jadi, saya tidak tahu, adakah Kerajaan Negeri Selangor di bawah PH hendak memandai-mandai, cuba hendak tunjuk dia lebih hebat dari Kerajaan *Federal*?

Akhirnya, kita lihat yang menjadi mangsa ialah rakyat. Jadi, saya hendak merayu Kerajaan *Federal*, kerajaan negeri tolong ketepikan fahaman politik. Marilah kita kerjasama, kita kena benarkan, bagi kerajaan negeri beli, bagi swasta beli dan selepas itu, okey, kita bagi agihan kerja-kerja ini.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Tanjong Karang...

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya tengah tengok kalau kita boleh buat perkara ini di Selangor, tidak apa, *federal* teruskan. Dia ada program dia sendiri, PICK kah, *whatever* program yang dia ada, kita teruskan. Akan tetapi, negeri Selangor boleh tolong rakyat. Negeri Selangor beli bagi pada rakyat. Kilang-kilang, mereka uruskanlah industri mereka sendiri. Tidak perlu melalui orang ketiga dan kita tahu ramai pendatang asing kerja, pekerja-pekerja asing di kilang-kilang dan di sektor pembinaan. Sebab apa kita tidak bagi syarikat ini yang mungkin ada untung? Saya dengar ada syarikat yang besar.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: Adakah...

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Top Glove apa saya dengar. Hendak beli pun tidak dapat. Sebab apa?

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan Yang Berhormat. Tamatkan Yang Berhormat. Ya.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jadi, sebab itu mesti disusun kembali. Saya percaya ramai Ahli Parlimen cakap fasal pusat PPV. Saya di Tanjong Karang *alhamdulillah*. Saya berjaya, sebulan saya buat, hari ini lebih 30 ribu orang Tanjong Karang saya telah dapat laksanakan. Kerana apa? Kerjasama yang baik di antara Kerajaan *Federal* dan juga kerajaan negeri untuk melaksanakan program ini yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Dan...

Tuan Yang di-Pertua: Masa tamat, masa tamat Yang Berhormat.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh. Boleh bagi jalan?

Tuan Yang di-Pertua: Ini lepas ini. *[Tidak jelas]*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Satu minit tunggu. Tuan Yang di-Pertua, satu minit Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bagi– Okey, di Selangor, Selangor.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Selangor, ya, isu Selangor. Terima kasih...

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Pendek ya. Terus ucapan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah tamat Yang Berhormat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terus. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah tamat sebenarnya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tujukan isu ini kepada, terus kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan. Di Klang sebenarnya sekarang kita ada 1.5...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Klang, mencelahkah apa?

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Celah, celah.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab Yang Berhormat Bangi tunggu.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau celah, *you* tanya pada saya, apa pula tanya Yang Berhormat Menteri pula.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Bukanlah sebab saya....

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua ada tiga minit, boleh teruskanlah.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Bukan, bukan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Ada tiga minit boleh teruskanlah.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Celah, celah. Minta pandangan, minta pandanganlah. Minta pandangan Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Okey, okey.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Okey. Di Klang...

Tuan Yang di-Pertua: Banyak yang salah gunakan ini. Masalah ini.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Fasal saya masa sudah habis.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Kita ada *population* sebanyak 1.5 juta orang tetapi hingga hari ini hanya 11 peratus yang ada dua dos. Sebanyak 11 peratus daripada 1.5 juta orang. So, saya minta pandangan Yang Berhormat, sebab di Klang itu kita mesti tingkatkan PPV dan untuk mendapat penglibatan orang ramailah.

So, saya berfikir adakah sekarang kerajaan mesti memberikan lebih PPV kepada Klang memandangkan Klang merupakan satu kawasan di mana tekanan COVID-19 terlalu teruk? Sudah banyak, ramai orang sakit.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya faham, saya faham.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Saya minta pandangan dan juga satu lagi. Yang Berhormat Menteri pun telah mengatakan bahawa penuntut-penuntut SPM akan diberikan suntikan. Saya minta Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Tanjong Karang, minta Yang Berhormat Menteri bila SPM itu, bila penuntut SPM akan diberi suntikan, bila prosesnya akan bermula? Terima kasih.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, kita faham. Saya katakan tadi kerajaan ini dia sudah ada macam-macam program. Mereka sudah atur, mereka sudah ada PICKnya, lagi tadi yang kerjasama dengan pihak swasta, kementerian-kementerian pun ada program. Saya bukan saja sekolah, IPT pun sama.

Saya dengar IPT tadi disebut tapi tidak cukup sebenarnya, ramai lagi yang menunggu. Jadi saya setuju. Sebab itu saya kata tadi, memang Sabah semua perlu, saya tidak nafikan. Akan tetapi, kena bagi Selangor yang lebih 50 peratus di Selangor. Dalam Selangor pula kena tengok pula. Mungkin Tanjong Karang

dapat sikit tidak apalah. Tapi Klang kena bagi lebih sebab Klang itu yang ramai, puncanya. Jadi, perkara ini mesti dilihat bukan saja dasar tetapi dari segi agihan dan juga pelaksanaannya. Inilah harapannya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya satu pada Tuan Yang di-Pertua sendiri. Tadi disebut bahawa ramai penguat kuasa ada di sekeliling di dalam Parlimen ini. Saya hendak tanyalah, saya mungkin saya silap, saya minta maaf.

Yang saya faham, di dalam kawasan Parlimen ini, ini kawasan imuniti. Pihak penguat kuasa sepatutnya tidak boleh masuk. Hendak hantar waran saman pun tidak boleh melainkan dengan arahan Tuan Yang di-Pertua, baru boleh masuk. Tapi kalau sudah pihak-pihak berkuasa boleh masuk dalam kawasan Parlimen, mana ada imuniti kita. Jadi, kalau saya salah, saya minta maaf.

Yang saya faham setelah 25 tahun saya jadi Ahli Parlimen, saya rasa daripada dulu memang tidak boleh. Tidak tahulah kalau Ketua Pembangkang, dia dulu Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Apa yang saya tahu ini kawasan imuniti. Mengapa penguat kuasa masuk? Tahun lepas kah dua tahun lepas, apabila pegawai kesihatan ada saman orang yang hisap rokok dalam kawasan ini, maka kita kata tidak boleh. Mengapa hari ini boleh? Dia boleh ambil gambar. Macam kita dan saya tengok Yang Berhormat Pasir Salak pula kena, ambil gambar, polis masuk semua. Saya, hendak boleh tetapi kena tunggu luar pagarlah. Bukan di dalam kawasan Parlimen, ini kawasan imuniti. Saya hendak minta komen daripada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sebenarnya kita sebagai Ahli-ahli Parlimen ini perlu memberi contohlah kepada rakyat di luar sana. Sekarang ini sudah ada orang kategorikan apa komuniti kayangan dan komuniti bukan kayangan. Jadi, sebenarnya saya rasa adalah amat penting bagi kita semua memenuhi dan mematuhi semua SOP yang dikenakan secara ketat.

Sebenarnya kita sekarang ini dalam kawasan ini pun masih dalam fasa 1 di mana mesyuarat secara fizikal pun tidak boleh sebenarnya. Jadi, walaupun Parlimen ini sebenarnya *independent*, bebas tetapi kita juga perlu memberikan gambaran yang baik kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa peraturan itu juga perlu dipatuhi oleh kita.

Kita cuma *immune* dalam Dewan ini apa yang kita cakap saja. Itu yang diperuntukkan oleh Akta Yang Berhormat Tan Sri. Ya lah, jadi oleh sebab itu saya ingin syorkan lah kepada semua, kita *follow* SOP ya dan biarlah pihak KKM menjalankan tugas-tugas mereka ya.

Sekarang sudah pukul 1.00 tengah hari, kita tangguhkan sehingga pukul 2.30 petang. Pukul 2.30 petang tepat. Yang Berhormat Bangi, maaf kerana masa sudah tamat. Selepas Yang Berhormat Bangi nanti, saya menjemput Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Johor Bahru, diikuti Yang Berhormat Sibuti dan Yang Berhormat Bakri dan seterusnya ya. Terima kasih semua.

[Mesyuarat dtempohkan ada pukul 1.02 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, kita sambung perbahasan pada petang ini dengan menjemput Yang Berhormat Bangi, lima minit.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: Lima minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: Tujuhlah, tujuh, tujuh. Tuan Yang di-Pertua, biasanya untuk perbahasan seperti ini, saya selalu ada ucapan yang lengkap dengan fakta-fakta dan butiran. Jadi untuk ini, beri sedikit keizinan. Tadi saya dah bincang dengan Tuan Yang di-Pertua, beri sedikit kelonggaranlah, tujuh minit boleh? Tujuh minit, *please* ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan dulu lima minit. Teruskan.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: Oleh kerana saya sebagai seorang wakil dari pembangkang yang juga menyertai Operasi Lanjakan Kapasiti...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Bangi adalah— Menteri cakap, Menteri. Dia adalah penyelaras bagi program imunisasi. Saya rasa boleh bagi masa tambahan. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, tujuh minit.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: Okey, terima kasih.

2.33 ptg.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya tak nak memberi fakta-fakta dan butiran seperti biasa, tetapi saya hendak guna masa ini untuk membuat rayuan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini, mungkin yang tidak ada dalam Dewan ini nanti boleh lihat perbahasan ini dalam *Youtube* kerana saya rasa kita di saat yang memang genting dalam negara kita. Apa yang kita perlu sekarang ialah untuk adakan satu *spirit bipartisanship*. Spirit bekerjasama di antara pihak sebelah sana [*Merujuk kepada blok kerajaan*] di antara *backbencher*, di antara pihak sebelah sini di kalangan pembangkang.

Saya rasa ini bukan maksudnya kami tidak memainkan peranan sebagai pembangkang untuk menjadi *check and balance* kepada kerajaan yang sedia ada. Akan tetapi, kita perlu ada juga penyelesaian kepada wabak COVID-19 ini yang telah melanda seluruh dunia dan Malaysia. Kalau nak kritik kerajaan, kalau nak kritik Yang Berhormat Menteri memang senang.

Saya rasa ada banyak perkara yang kita boleh kritik, macam air suam, macam *Spanish fly*, macam pesta durian, macam pergi Paris, tetapi saya rasa orang di luar lebih baik, lebih handal, lebih mantap daripada Ahli Parlimen sekarang dari segi mengkritik kelakuan ataupun percakapan yang tidak betul yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri, oleh pihak sebelah sana dan pihak sebelah sini juga. [*Merujuk kepada blok pembangkang*]

Jadi saya rayu kepada semua Ahli Yang Berhormat yang ada di sini, kita perlu ada satu rancangan, ada satu hala tuju yang berbeza daripada sebelum ini oleh kerana *extraordinary times calls for extraordinary leadership* dan *extraordinary times calls for extraordinary leadership by all of us here in this August hall* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Saya rasa ini memang sesuatu yang kita perlu tegaskan apabila kita hendak cari hala tuju untuk keluar dari wabak COVID-19 ini. Saya memberi satu contoh dan saya memberi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Vaksinasi iaitu Yang Berhormat Rembau kerana telah setuju dengan pelantikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada saya dalam Jawatankuasa Operasi Lonjakan Kapasiti (*Operation Surge Capacity*).

Saya hendak memberi fakta yang saya terima baru-baru ini daripada Operasi *Surge Capacity* ini. Selepas Yang Berhormat Menteri mengumumkan Operasi *Surge Capacity* ini, jumlah orang yang mendaftar dalam MySejahtera—mungkin Yang Berhormat Menteri boleh beri status dan angka yang lebih tepat.

Jumlah orang yang mendaftar di MySejahtera di Lembah Kelang telah naik sekurang-kurangnya 500 ribu orang.

Ini bukan orang yang tukar alamat dari Johor, dari Sabah nak masuk ke Lembah Klang. Ini ialah orang yang tidak mendaftar untuk vaksin sebelum ini. Akan tetapi, apabila mereka dengar ada Operasi *Surge Capacity* ini di Lembah Klang pada 1 Ogos boleh *walk-in*, mereka terus mendaftar. Ini telah menaikkan kadar pendaftaran di Lembah Klang. Ini adalah sesuatu yang baik dan perlu digalakkan mungkin di negeri yang lain.

Saya beri satu contoh lagi. Tadi Yang Berhormat Tanjong Karang ada kata, adakah Selangor sedang nak cuba buat yang lebih baik berbanding dengan Kerajaan Pusat dengan *apps* Selangkah? Saya hendak memberitahu Dewan yang mulia ini, sekarang Selangor melalui Selangkah telah berjalan bersama dengan MySejahtera.

Pagi ini saya ada dalam *WhatsApp group* yang baru ditubuhkan supaya kita boleh tambah lebih ramai orang lagi masuk kepada PPV yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah Selangkah ini. Jumlah orang kalau kita boleh menyelaraskan, 50 ribu orang yang akan ditambah dalam senarai ini. Ini menunjukkan hasil yang baik daripada kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri Selangor.

Ada banyak lagi contoh tetapi mungkin saya hendak memberi satu contoh kepada Yang Berhormat Menteri. Saya rasa ada ramai Ahli Yang Berhormat di sini yang ada idea, yang ada tempat untuk menubuhkan PPV yang baharu. Mungkin sebelum ini, jikalau pihak MOSTI telah ada satu usaha untuk memberi garis panduan untuk menubuhkan PPV ini.

Saya rasa kami semua sebagai *frontliners* boleh juga melakukan apa yang kita perlu untuk bantu Kerajaan Pusat dan juga kerajaan negeri untuk menubuhkan PPV yang baharu seperti apa yang dilakukan di kawasan saya. Bukan kerana saya pandai tetapi ada seorang pegawai daerah, Tuan DO, namanya Najmuddin bin Jamain. Dia memang proaktif, beliau telah berjaya menubuhkan 11 buah PPV di kawasan Hulu Langat.

Sebanyak 11 buah tidak termasuk dua PIKAS yang akan bermula. Satu telah bermula, satu akan bermula pada hari Khamis ini. Ini menunjukkan bahawa kalau kita berganding bahu, bekerjasama, kita memang ada satu hala tuju yang lebih baik yang boleh meyakinkan orang ramai bahawa kita boleh melawan dan juga mengawal wabak COVID-19 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu sekarang hendak bekerjasama susah kerana pihak di sini [*Merujuk kepada blok pembangkang*] termasuk saya juga ada

perasaan macam kena dikhianati oleh pemimpin di sebelah sana. *[Merujuk kepada blok kerajaan]*

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun mungkin tahu apa yang kami rasa sekarang. Akan tetapi, oleh kerana ada satu kaedah, satu krisis yang begitu teruk di Malaysia, ini adalah hala tuju yang kita patut pergi.

■1440

Saya hendak minta izin untuk beberapa minit lagi untuk membangkitkan satu isu yang saya rasa adalah penting, mungkin lari tajuk sedikit. Saya rasa ini adalah satu rahsia yang terbuka, *it is an open secret*. Yang Berhormat Pagoh tidak ada lagi majoriti di Dewan ini. *It is not tested yet, but I think that is a fact*, semua orang tahu termasuk di sebelah sana.

Saya juga tahu sekarang ada banyak orang yang *frustrated* dengan Yang Berhormat Pagoh akibat daripada krisis kepimpinan yang tidak baik. Saya juga yakin bahawa jikalau Yang Berhormat Port Dickson sebagai Ketua Pembangkang ada peluang untuk menjadi Perdana Menteri, beliau boleh menjalankan tugas dengan lebih tegas, lebih baik berbanding dengan apa Yang Berhormat Pagoh buat.

Saya rasa mungkin ada di sebelah sana pun boleh menjalankan tugas dengan lebih baik berbanding dengan apa Yang Berhormat Pagoh sedang buat. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita semua tahu, tidak ada seorang pun Ahli Yang Berhormat di sini yang ada majoriti sokongan di dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat. Baik.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: *Let me finish, let me finish*. Saya dah bincang dengan Tuan Yang di-Pertua tadi. Jadi, cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim]: Tak berkaitan dengan vaksin pun.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: *Why not have a COVID-19 moratorium agreement?* Ini bukan CSA. Ini CMA. Di mana kita semua boleh berganding bahu, bekerjasama sebagai *frontliner* untuk mengawal COVID dan untuk memulihkan ekonomi. Ini adalah sesuatu yang semua pemimpin di sini boleh cadangkan, boleh *sit down and have a discussion* supaya kita boleh menunjukkan kepada rakyat bahawa kita ada hala tuju untuk keluar daripada wabak COVID ini dengan berganding bahu. Selepas satu tahun, selepas enam bulan, itu terpulang

kepada pemimpin, kita boleh lawan di PRU ke-15. Akan tetapi, buat sementara, *we have to work together*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: *There is a time for everything and a season for every activity under the heaven*. Buat masa sekarang, saya rasa kita perlu bekerjasama, kita perlu berganding bahu. *We need to work together*. Kita jaga kita, kita memelihara hidup rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Bangi. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sik. Sebelum itu, saya akan sebutkan nama-nama pembahas. Selepas Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Johor Bahru, kemudian Yang Berhormat Sibuti, kemudian Yang Berhormat Bakri, kemudian Yang Berhormat Jerantut, kemudian Yang Berhormat Jerlun dan Yang Berhormat Beaufort. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Sik. Lima minit.

2.41 ptg.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri MOSTI yang telah pun membentangkan satu pelan besar negara menguruskan Program Imunisasi COVID-19. Sudah pastilah pembentangan tadi sangat jelas menunjukkan kerajaan sangat komited, sangat gigih untuk menyelesaikan pandemik yang sedang berlaku ini. Mana mungkin sebuah kerajaan yang gagal jika kerajaan dengan begitu pantas dan cepat mengeluarkan perbelanjaan RM5.8 bilion untuk menguruskan imunisasi negara ini. Ini sejarah besar negara ketika mana seluruh dunia menghadapi COVID-19 ini.

Saya nak betulkan sedikit apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bangi tadi. Yang Berhormat Pagoh masih mempunyai majoriti yang cukup untuk kita meneruskan Kerajaan Perikatan Nasional ini. *[Tepuk]* Kita buktikan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Sik, mohon mencelah. Macam mana nak buktikan?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Sik, Tanjong Malim mohon mencelah.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Mana bukti?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Macam mana nak buktikan?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Sik, Tanjong Malim minta laluan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Kita telah buktikan ketika mana kita mahu meluluskan Belanjawan 2021. Saya tanya balik. Mana bukti Yang Berhormat Port Dickson ada majoriti?

Seorang Ahli: Biar kita buktikan hari ini.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Sik, Tanjong Malim minta laluan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya tak berikan laluan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Jangan tegakkan benang basah. Kena ada bukti yang sahih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya membangkitkan ini apabila dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bangi.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Jangan cakap sahaja. Kita buktikan.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Sik, boleh minta laluan? Tanjong Malim, Tanjong Malim.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *You* dulu tunjuk bukti.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tanjong Malim, Tanjong Malim.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Ha! Jangan cakap sahaja.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya tak bagi laluan.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Kenapa tak bagi?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya tak bagi laluan, Tuan Yang di-Pertua. Kita sedang berhadapan dengan pandemik ini dan kita anggap ia sebagai...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Sik kena menerima hakikat Yang Berhormat Pagoh hilang majoriti.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Sembang bolehlah. Nak bukti, buktikan dalam Parlimen.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Kita berhadapan dengan perang pandemik COVID-19.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Undilah, buat pengundian.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Kita buat pengundian, tengok adakah tak ada?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya tak bagi laluan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Sik berani tak?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, kita *take that challenge. Take that challenge.* Mari kita undi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan, peraturan. Peraturan Dewan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kita undi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Sik, peraturan Dewan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tak, saya tak bagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Peraturan Dewan. Yang Berhormat faham tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ringkaskan. Ringkas sahaja, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Minta tambah masa saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Jelutong. Ringkas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tak ada siapa yang mengelirukan Dewan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dengar dulu. Saya baru nak bagi tahu apa aduan saya.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Jelutong jangan ganggu saya.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Buat usul.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, ini masa sangat ringkas. Saya nak habiskan cepat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No.* Berilah saya peluang untuk bangkitkan apakah kenyataan yang mengelirukan Dewan. Memang Yang Berhormat Pagoh tidak ada majoriti dalam Dewan ini.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Mana buktinya? Kamulah kena tunjuk bukti!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau betul, kalau betul, Yang Berhormat Sik berani tak kita undi?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kita *challenge. Take the challenge!*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Kita dah *challenge* ketika Belanjawan 2021 lah!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya cabar Yang Berhormat Sik. Kita undi atas perkara ini. Boleh kah tidak?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kita *challenge*. Kita *take the challenge*!

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan ucapan saya.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kita terima *you* punya arahan, kita *take the challenge*! Kita mahu *challenge* di Parlimen ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kenyataan Yang Berhormat Sik mengatakan Yang Berhormat Pagoh mempunyai majoriti adalah kenyataan mengelirukan Dewan.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: *We want to challenge this Parliament!*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Jelutong yang mengelirukan Dewan!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau betul Yang Berhormat Sik mengatakan Yang Berhormat Pagoh ada majoriti, berani tidak beliau cadangkan perkara ini, kita undi petang ini?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Undi!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Berani tidak?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Kamu undilah dua orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, saya kena kawal perbincangan ini. Saya minta Yang Berhormat Sik hanya tinggal satu minit 11 saat sahaja lagi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya nak minta tambahan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No*. Saya masih lagi berpendirian bahawa Yang Berhormat Sik mengelirukan Dewan. Yang Berhormat Pagoh tidak ada majoriti dalam Dewan ini.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Jelutong, topik vaksinlah. Vaksin. Topik vaksinlah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tanya UMNO, tanya Yang Berhormat Pekan, tanya Yang Berhormat Bagan Datok.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya bangkit apabila Yang Berhormat Bangi bangkit benda yang tak sepatutnya dibangkit!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: No. Ini perkara betul. Yang Berhormat Bagan Datuk dah bagi tahu hari itu UMNO tarik sokongan kepada Kerajaan Perikatan Nasional. Berani tidak Yang Berhormat Sik, kita undi tentang perkara ini petang ini juga? Saya cabar! Saya cabar Yang Berhormat Sik untuk menyahut cabaran saya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Kamu undilah. Yang Berhormat Jelutong dengan Yang Berhormat Padang Serai undi dua orang.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Jelutong, topik vaksinlah. Yang Berhormat Jelutong, vaksin. Vaksin.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Jelutong, jangan buang masa.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Hei! Cerita vaksinlah!

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Jangan buang masa!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak buang masa. Kenyataan Yang Berhormat Sik adalah kenyataan mengelirukan Dewan.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Jelutong, cerita vaksinlah. Cerita vaksin.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak teruskan ucapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tinggal 15 saat sahaja lagi, Yang Berhormat Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Saya nak teruskan apa yang sedang dibuat oleh MOSTI yang sangat jelas sedang membantu rakyat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Sik, jawab soalan saya dahulu.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Jelutong duduklah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Adakah Yang Berhormat Pagoh mempunyai majoriti dalam Dewan ini?

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim: Yang Berhormat Jelutong ini bisinglah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Jelutong keluar.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Cerita vaksinlah. Cerita vaksin, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim: Bahas mengenai vaksinlah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jawab soalan saya. Jawab soalan saya.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Jelutong, cerita vaksinlah. Yang Berhormat Sik nak berucap.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ada tidak Yang Berhormat Pagoh mempunyai majoriti dalam Dewan?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kita undi!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jawab soalan saya, Yang Berhormat Sik!

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Jalan Yang Berhormat Sik, jalan sahaja.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Berani tidak sahut cabaran saya?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kita *challenge the PM!*

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Jelutong, sudahlah. Kita nak bahas mengenai vaksin.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Ada majoriti tidak?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan takut! Jangan lari!

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Jelutong, sudahlah. Sudahlah!

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kita undi, kita undi!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Ahli Yang Berhormat Sik, masa sudah tamat. Saya minta Yang Berhormat Sik rumuskan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, saya tak sempat bahas lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Rumuskan, rumuskan cepat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Baik, Tuan Yang di-Pertua. Jelas Kerajaan Perikatan Nasional sekarang menumpukan sepenuh kekuatan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya cabar Yang Berhormat Sik. Jangan lari!

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Jelutong!

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jonathan bin Yasin]: Yang Berhormat Jelutong kelentong. Yang Berhormat Jelutong kelentong Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Saya gunakan kuasa saya, masa Yang Berhormat Sik dah tamat. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Johor Bahru. Sila.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa dah tamat.

2.49 ptg.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Baik. *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak minta tolong bagi masa sikit. Saya tak sempat nak bahas tadi.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Jelutong kacau.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Johor Bahru memilih untuk berbahas soal vaksin, mengambil kira masa persidangan kali ini sangat pendek yang mana kita tahu koordinasi dan juga kaedah-kaedah yang diguna pakai oleh kerajaan seperti *lockdown*, PKP, ternyata hari ini telah gagal.

Cuma, bila kita berbicara soal vaksin ini, saya nak tumpukan kepada soal akauntabiliti dan juga soal ketelusan. Di luar sana, yang banyak pertanyaan adalah soal agihan. Fasa pertama, kita tahu barisan hadapan kesihatan ataupun bukan. Fasa kedua, kita tumpukan kepada soal...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Johor Bahru, Sik nak minta sikit peluang.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Saya tak bagi. Dalam soal kepada mereka yang berisiko tinggi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Takut juga ya?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Masalah yang kita hadapi, pihak Yang Berhormat Menteri, masuk fasa ketiga, seolah-olah tiada panduan.

■1450

Tiga bulan, empat bulan ini kita tidak tahu bagaimana keputusan itu dibuat untuk mendahulukan seseorang. Hari ini saya terpaksa kongsi cerita

melibatkan rakan saya. Kami sedarjah di Sekolah Kebangsaan Taman Pelangi. Beliau telah dijangkiti oleh COVID-19 beberapa hari sebelum Hari Raya Aidilfitri. Selama 30 hari dalam ICU Tuan Yang di-Pertua, kemudian selama 46 hari di hospital. Akan tetapi *alhamdulillah*, terima kasih kepada petugas kesihatan Hospital Sultanah Aminah. Beliau kembali pulih dan kembali ke rumah ketika ini.

Cuma kami di kalangan anak muda pun terasa bila mana ada sistem MySejahtera. Dikatakan *the whole* sistem perbelanjaan sebanyak RM70 juta. Mana akauntabilitinya apabila sistem itu gagal? Kedua, bila dah tahu...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Johor Bahru, Sik hendak minta celahan.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...sistem tersebut gagal.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Bagi Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Kita tahu yang mana Yang Berhormat Menteri menggunakan kaedahnya supaya agihan ini seolah-olah di*outsourced* iaitu *bypass* kepada sistem utama. Yang Berhormat Menteri tadi sebut banyak pihak kementerian yang dilantik untuk buat agihan. Cuma yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, agihan tersebut berpandukan apa? Oleh sebab bila kita tengok Yang Berhormat Menteri buat pelancaran untuk agihan untuk vaksin tertentu, dia buat di kawasan dia sahaja. Contohnya, di Ampang.

Kita tahu ada pengerusi agensi kerajaan, Ahli Parlimen dalam Dewan ini bila buat pelancaran di kawasan dia, dekat Jempol. Jadi sekarang ini seolah-olah kami di kawasan zon merah Johor Bahru, merah sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 tidak pernah keluar. Jadi, agihan vaksin itu macam mana? Oleh sebab itu Yang Berhormat Menteri, bila ada kumpulan mahasiswa minta, bila guru-guru minta, sebab kita tahu, cikgu dia tidak ada kawasan, Senator. Jadi, seolah-olah tidak diutamakan. Mahasiswa, *rider* dan sebagainya, mereka memang mendesak. Masuk perkara yang ketiga, bila kita sebut...

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Yang Berhormat Johor Bahru, minta laluan sekejap.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Minta maaf sekejap ya, sikit sahaja.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Bagi Yang Berhormat Sik sama, Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Di mana kalau kita lihat soal pembukaan ekonomi.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Boleh?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Kita tahu bahawa kita agihkan pemberian vaksin ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Johor Bahru hendak bagi Yang Berhormat Tangga Batu tak?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Kita hendak pastikan bahawa kawasan tersebut dapat dibuka dengan segera. Masalah yang kita hadapi sekarang ini, di Selangor, Klang Valley baharu nampak ada sedikit penyelesaian. *Alhamdulillah* lebih pantas agihannya. Cuma kekhuatirannya mereka di kawasan-kawasan bandar seperti Johor Bahru ini kita tidak tahu sampai bila kita terpaksa bergelut dan kita tidak mahu mengikuti pengalaman apa yang berlaku di Kuala Lumpur dan Selangor.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Yang Berhormat Johor Bahru, isu berkaitan. Sikit, sikit.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Oleh sebab itu, yang saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri bila sebut soal operasi lonjakan kapasiti itu, tolong pertimbangkan. Bandar-bandar ini perlu dibuka kerana kita bergantung kepada soal ekonomi, soal pendapatan kepada negara. Silakan.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Okey, terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]: Yang Berhormat Johor Bahru.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Berkaitan yang saya hendak nyatakan ialah adakah KKM mempunyai *link* secara automatik dengan klinik-klinik swasta yang dibenarkan untuk membuat *swab test*? Jika ada, berapa pantas dan cekap? Ada tidak piagam pelanggan? Kalau kes ini sudah positif dan menunggu hasil *swab test*, menunggu-nunggu dalam ketakutan di rumah. Apakah SOP untuk memastikan yang positif segera diberi perhatian? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]: Yang Berhormat Johor Bahru?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Johor Bahru?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Yang Berhormat Tanjong Malim, sedikit sahaja.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Terima kasih, cepat sahaja. Saya ingin tanya Yang Berhormat Johor Bahru, setuju atau tidak supaya kita minta kerajaan buka lebih banyak PPV dan untuk membenarkan orang *walk-in* untuk mendapatkan vaksin?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Walk-in*, sila Yang Berhormat Johor Bahru.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]: Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: *Last*, Yang Berhormat Balik Pulau, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Dalam dialog dengan Yang Berhormat Menteri awal-awal tahun ini, Yang Berhormat Menteri mengatakan fasa tiga dia hendak bagi kepada *economic frontliners*. Terutamanya *airlines crew*, *hotelier* dan mereka yang berada di dalam sektor pelancongan.

Tadi Yang Berhormat Menteri sebut tentang gelembung Langkawi. Akan tetapi sektor pelancongan ini juga meliputi bukan hanya Langkawi. So, mereka juga perlu juga diberi keutamaan dalam mendapat vaksin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Sila, rumuskan.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Okey, saya gulung. Saya cuba gulungkan, yang mana saya bersetuju dengan rakan-rakan Ahli Parlimen, diminta masuk ke dalam soalan saya. Cuma dari segi gelembung tadi, saya dah beranggapan bahawa saya dah ulang kepada Yang Berhormat Menteri waktu taklimat bulan Mac.

Kemudian kita ada pertemuan secara *Zoom*. Saya ulang lagi sekali iaitu keutamaan kepada Johor Bahru ini sangat kritikal. Jadi kalau konsep gelembung dari segi *tourism* tadi boleh diguna pakai untuk gelembung sektor ekonomi bandar-bandar ini boleh dibuka kerana sempadan Singapura-Johor Bahru ini sudah lama.

Dulu janji hujung tahun lepas. Akan tetapi, kita tahu tidak dapat capai kerana kes masih tinggi. Jadi saya memang mengharapkan kepada pihak Yang Berhormat Menteri kalau boleh buat operasi lonjakan kapasiti itu, utamakan juga pintu masuk negara ini kerana *last* sekali Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah umumkan sebelum ini bahawa akan diberikan

kelonggaran kepada dua dos. Maksudnya dari segi pergerakan dan sebagainya, hubungan kekeluargaan di Singapura-Johor Bahru ini terputus lama.

Banyak keluarga ini terpisah satu tahun lebih. Mereka tidak dapat pulang sebab kalau balik ke Johor Bahru dua minggu kena kuarantin, balik ke Singapura kena kuarantin lagi dua minggu, yang ini tolong tengok kan bila kita sebut dalam soal dua dos tadi. Akhir sekali, soalan kepada Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Johor Bahru?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: ...Yang saya hendak kepada— Boleh kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tak boleh.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua tak bagi.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Sekejap sahaja. Berkaitan dengan Singapura tadi.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Sikit sahaja?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa dah tamat, saya tak benarkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Masa dah habis boleh mencelah lagi Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Okey, *last* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa dah habis.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Saya hendak tanya sebab di luar sana, di luar ruang legar kita sudah ada khabar angin kita tahu Tuan Yang di-Pertua dah umumkan ada beberapa orang Ahli Parlimen yang masih belum vaksin. Cuma khabar angin yang mengatakan ada Ahli Parlimen tidak ambil vaksin disebabkan soal kepercayaan.

Jadi, saya harap Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh dedahkan Ahli-ahli Parlimen yang tak nak vaksin ini sebab saya percaya kita ambil vaksin ini tidak akan merendahkan fahaman agama kita. Jadi, tolong tunaikan tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Ahli-ahli Yang Berhormat saya sambung sedikit. Selepas Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Semporna, kemudian Yang

Berhormat Setiu, kemudian Yang Berhormat Hulu Langat, kemudian Yang Berhormat Julau dan kemudian Yang Berhormat Bayan Baru. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sibuti.

2.57 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sibuti mengucapkan terima kasih di atas ruang yang diberikan dan saya ingin menyatakan di sini sehingga 26 Julai 2021, negeri Sarawak telah mencapai sebanyak 84.2 peratus dos pertama, manakala sebanyak 58.9 peratus dos yang kedua. Ini adalah merupakan satu pencapaian yang baik.

Walaupun demikian, di sini saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab yang telah datang ke Sarawak dan telah memberi komitmen untuk memberi stok vaksin kepada negeri Sarawak. Walaupun pada mulanya kita ingin membeli stok vaksin ini sebagai langkah bagi menyelamatkan nyawa rakyat negeri Sarawak. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri telah memberi jaminan bahawa Kerajaan Persekutuan akan membantu dan juga menyalurkan vaksin yang diperlukan.

Di sini juga saya ingin membangkitkan satu isu berkenaan tentang apakah perkara yang akan berlaku setelah kita mendapat dos yang kedua. Banyak negara yang telah memperkenalkan pas ataupun passport imunisasi ini. Saya juga ingin mendapat penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan telah menyenaraikan apakah keistimewaan kepada penerima dos yang kedua ataupun dos lengkap supaya ini akan menarik lagi lebih ramai untuk orang berdaftar dengan Program Imunisasi Kebangsaan ini. Kalau kita bercerita berkenaan tentang Program PICK di Sarawak...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Sibuti?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Kita telah dapat melihat bahawa kerajaan Sarawak telah mengguna pakai kaedah hibrid. Iaitu di mana kita menggunakan suntik dahulu, kemudian kita daftar ke MySejahtera. Di sini kita melihat program ini ataupun kaedah ini dapat diguna pakai di negeri-negeri seperti di Sabah. Memandangkan Sabah mempunyai demografi dan juga keadaan yang hampir serupa dengan negeri Sarawak. Maka kaedah hibrid ini adalah sangat sesuai.

Walaupun demikian, di dalam proses imunisasi ini, kita masih lagi menggunakan kaedah MySejahtera di mana Kerajaan Negeri Sarawak telah mendaftar seawal 2021. Sebanyak 600 maklumat dan juga data-data ini telah

diintegrasikan ke dalam sistem *MySejahtera* yang banyak diguna pakai di bandar-bandar besar di Sarawak. Di sini saya ingin mengangkat satu isu kepada pihak kementerian, apakah data-data yang diguna pakai, yang diperoleh oleh kementerian.

Contohnya, maklumat masyarakat ataupun rakyat yang tidak mempunyai kad pengenalan ini dapat diintegrasikan ke dalam sistem ataupun data di Kementerian Dalam Negeri supaya kita dapat mengesan berapa ramai kah lagi jumlah masyarakat kita yang tidak mempunyai kad pengenalan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Sibuti?

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Saya juga...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Sedikit ruang.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Saya hendak sampaikan dulu apa yang saya hendak perkatakan.

■1500

Di sini saya juga ingin memohon kepada kerajaan supaya data-data rakyat yang telah menerima vaksin lengkap dua dos ini turut diintegrasikan ke dalam sistem imigresen. Ini supaya kita mempunyai satu data yang jelas apabila rakyat kita keluar masuk, kita dapat lihat bahawa siapa yang telah divaksinasi.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan ketika ini banyak rakyat mengambil inisiatif untuk mencetak *print screen* dengan izin, sebagai bukti bahawa mereka telah mendapat kedua-dua dos. Apakah nasihat kerajaan dan juga adakah perkara ini dibenarkan? Saya juga menyarankan supaya kerajaan mempunyai panduan yang jelas berkenaan sijil digital vaksinasi.

Selain daripada itu juga, saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri dalam laporan akhbar menyatakan bahawa penerima vaksin Sinovac perlu menerima dos yang ketiga. Adakah kerajaan mempunyai kajian terperinci mengenai hal ini dan juga apakah perancangan kerajaan berkenaan tentang perolehan vaksin dos ketiga pada tahun 2022?

Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan. Apakah langkah-langkah kementerian untuk memerangi golongan antivaksin? Saya percaya masih ramai lagi anti-antivaksin di luar sana yang tidak mahu menerima vaksin dan juga menyebarkan cerita-cerita palsu berkenaan vaksin ini.

Untuk makluman di dalam Dewan, Kerajaan Negeri Sarawak telah menerima sebanyak 38 juta daripada Kerajaan Pusat untuk program vaksinasi. Saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih walaupun jumlah tersebut tidak mencukupi tetapi...

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Kerajaan negeri berusaha untuk..

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Saya bagi dengan wakil Sabah.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih. Terima kasih atas apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Sibuti berkenaan dengan vaksin *and register*. Mungkin ini adalah peluang bagi Kerajaan Negeri Sarawak untuk memberi sedikit pengalaman Sarawak kepada Kerajaan Negeri Sabah bagaimana mereka menyelesaikan masalah itu.

Akan tetapi berkaitan dengan sijil *vaccination*. Setujukah Yang Berhormat Sibuti bahawa kerajaan patut juga memberi pengiktirafan kepada orang Malaysia yang telah disuntik di luar negara seperti *student* kita, pekerja kita di luar negara supaya sijil mereka pun diiktiraf sebagai satu sijil yang boleh diterima di Malaysia?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Sibuti, rumuskan.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Saya menerima baik cadangan Yang Berhormat Penampang dan juga dimasukkan ke dalam ucapan saya. Di sini saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri supaya kita mempunyai kajian terperinci berkenaan keberkesanan vaksinasi ini. Kita boleh ambil Sarawak memandangkan Sarawak telah mencapai kadar vaksinasi yang tinggi dan juga bersedia untuk pergi ke fasa ketiga, maka kita memerlukan data untuk keberkesanan ini.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan atas usaha dan juga saya ingin berkongsi supaya kesemua negeri mendapat vaksin yang memadai. Di sini juga saya ingin mengangkat satu perkataan ataupun semangat di Negeri Sarawak kepada Yang Berhormat Menteri dan kepada kerajaan iaitu "*agi idup agi ngelaban*" untuk kita melawan COVID-19 ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bakri.

3.03 ptg.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya telah tunggu tujuh bulan untuk dapat lima minit. Kalau boleh saya

habiskan ucapan dan pertanyaan dahulu, lepas itu baru membenarkan pencelahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tolong ringkaskan.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: *I go straight to the point.* Saya ada beberapa pertanyaan kepada kerajaan. Pertama, saya ingin tahu kenapa kerajaan negeri dan juga sektor swasta perlu bayar untuk mendapatkan vaksin sedangkan RM5 bilion telah pun diperuntukkan untuk Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Dalam Program PICK, sektor swasta perlu bayar RM45 bagi setiap dos. Siapakah yang akan mendapat bayaran ini? Agensi mana? Kementerian mana dan bagaimanakah bayaran tambahan ini akan digunakan? Seterusnya saya juga tidak faham kenapa kerajaan negeri terpaksa untuk memberi vaksin sendiri. Saya dapat satu media laporan di mana mengikut CEO Pharmaniaga, yang mana enam kerajaan negeri iaitu Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sabah, Sarawak dan Selangor telah pun membuat *booking* sebanyak 6 juta dos vaksin.

Saya difahamkan bahawa mereka perlu bayar dengan harga yang jauh lebih tinggi daripada Kerajaan Pusat. Adakah ia benar? Jika ia benar kenapa Kerajaan Pusat tidak boleh membayar untuk kerajaan negeri dalam harga Kerajaan Pusat. Kenapa Pharmaniaga boleh membuat *profiteering* dengan menjual vaksin kepada kerajaan negeri.

Kedua, isu seterusnya yang saya hendak bangkitkan di sini ialah isu berkenaan dengan PPV. Satu soalan. Apakah kriteria yang dipertimbangkan oleh kerajaan dalam memilih sama ada menggunakan Mega PPV ataupun PPV biasa untuk lokasi-lokasi tertentu? Apakah kos sewaan PPV Mega dan berapa daripadanya dimiliki oleh parti politik? Bagaimana pula dengan kos *set up* untuk PPV Mega?

Seterusnya saya juga ingin tahu bahawa supaya kerajaan menyenaraikan syarikat yang mendapat kontrak daripada Protect Health untuk pemberian vaksin di PPV Mega. Kalau tidak boleh hari ini mohon dapatkan secara bertulis. Apakah kos purata pemberian setiap dos vaksin untuk jenis PPV yang berbeza? Mega PPV, PPV yang menggunakan balai dan dewan awam dan juga klinik-klinik swasta.

Bagaimana pula dengan keberkesanan tenaga kerja (*main power effectiveness*)? Apakah nisbah staf per kapasiti untuk jenis PPV yang berbeza. Saya telah membuat satu perbandingan yang *rough* guna tenaga di antara IDCC

Mega PPV dengan PPV biasa di Dewan Maharani Muar dan Dewan Jubli Intan di Muar, tempat di mana rakyat Bakri dapat suntikan vaksin.

Di IDCC, 6,000 kapasiti, 453 staf, nisbah ialah 1 staf:13 penerima. Akan tetapi PPV biasa nisbah ialah 1:18 untuk Dewan Maharani dan 1:25 untuk Dewan Jubli Intan. Ia bermaksud bahawa ini menunjukkan mungkin dalam PPV biasa kita adalah keberkesanan guna tenaga yang lebih tinggi. Ia juga menunjukkan mungkin Mega PPV tidak ada mencapai *economic of skill*.

Sememangnya *maybe this is individual case* dengan izin. Oleh itu, saya hendak meminta Yang Berhormat Menteri untuk memberi maklumat secara terperinci, apakah keberkesanan mengikut jenis PPV yang berbeza daripada segi kos dan juga tenaga kerja.

Satu lagi soalan tentang *economy of skill* yang berkenaan dengan ialah bayaran kepada GP. Kita memang tahu GP klinik sekarang RM14 pemberian dos vaksin. Adakah Protect Health juga bayar RM14 setiap dos kepada *Private Medical Practitioners* yang menguruskan Mega PPV seperti '....doc' dan lain-lain. Kontrak mereka adalah jauh lebih besar. Sepatutnya mereka akan bagi *offer* yang lebih murah daripada pemberian vaksin seunit.

Selain itu, saya juga ingin menggesa kerajaan untuk menjadikan apa yang terjadi di IDCC sebagai satu iktibar untuk mengelakkan kluster PPV. Saya sarankan kerajaan untuk membuat saringan staf setiap minggu di setiap PPV dengan menggunakan sekurang-kurangnya *Rapid Test Kit*. Kerajaan juga perlu memastikan PPV-PPV mematuhi garis panduan ventilasi yang dikeluarkan.

Untuk Lembah Klang kerana kes COVID-19 *asymptomatic* merata-rata, adakah kerajaan sedang mempertimbangkan *pre-screening* sebelum penerima vaksin memasuki bangunan PPV. Ini adalah sangat penting untuk memastikan mereka yang tidak membawa virus ke PPV.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak membangkitkan sedikit dengan kadar vaksinasi. Memang saya hendak ucapkan tahniah kerana kerajaan telah mencecah lebih daripada 500 ribu dos sehari. Saya berharap bahawa kerajaan boleh teruskan usaha ini.

Walau bagaimanapun, kita perlu tahu bahawa *we have missed the golden opportunity*. Kita perlu tahu bahawa sejak Mei hingga hari ini lebih daripada 6,500 orang meninggal dunia. Di antaranya lebih daripada 5,500 adalah golongan berkomordibiti. Ada ramai di antara mereka telah pun mendaftar untuk mendapatkan vaksin tetapi mereka menjangkiti COVID-19 dan meninggal dunia sebelum sempat disuntik vaksin.

Kematian ini adalah tidak sepatutnya berlaku. *These are unnecessary death.* Mereka meninggal dunia kerana PICK adalah lembap untuk empat bulan pertama tempoh awal PICK ini. Angka-angka ini bukan satu statistik, mereka adalah nyawa rakyat Malaysia, mereka mempunyai ahli keluarga dan juga kawan-kawan yang tersayang

■1510

Kadar vaksinasi yang tinggi sekarang yang diuar-uarkan oleh kerajaan sekarang tidak dapat mengembalikan nyawa mereka. *It's too late for those who are gone and for their families.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, rumuskan.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Ya. So, memang kita perlu pandang ke hadapan, tetapi saya rasa bahawa kerajaan juga perlu *accountable* dengan apa yang berlaku sebelum ini. Oleh itu, Bakri ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan, mengapa bekalan vaksin begitu perlahan sehingga pertengahan bulan Jun?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Adakah kerana kita menangani perjanjian perolehan terlalu lambat? Banyak negara telah membuat perolehan pada pertengahan tahun 2020, tetapi Malaysia hanya menandatangani perjanjian perolehan pertama pada hujung tahun 2020. Kalau kita beli McDonald kena mengikut barisan, kalau orang *order* dahulu, mereka akan dapat dahulu. Sekarang persoalannya ialah, mengapakah kerajaan lambat membuat perolehan sehingga kita lambat mendapatkan bekalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Mengapakah Malaysia lambat dalam meluluskan kegunaan vaksin yang berbeza dan hadkan portfolio vaksinasi kita kepada tiga pilihan sahaja iaitu AstraZeneca, Pfizer dan Sinovac untuk selama setengah tahun dan hanya beberapa minggu ini kerajaan meluluskan vaksin jenama lain? Itu sahaja pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Bakri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jerantut.

3.11 ptg.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Salam sejahtera.

Terutamanya terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana turut membenarkan saya untuk bersama dalam perbincangan kali ini.

Kedua, saya ingin merakamkan tahniah dan terima kasih kepada semua warga barisan hadapan kita yang telah menjalankan tugas dengan penuh dedikasi untuk kesejahteraan rakyat Malaysia, walaupun mereka kadang-kadang keselamatan mereka terancam, khususnya mereka yang menangani dan berdepan dengan kes COVID-19 ini.

Tahniah juga di atas segala usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam usaha menangani wabak ini, walaupun setakat hari ini kita masih belum lagi berjaya sepenuhnya. Saya juga ingin mengambil kesempatan dalam waktu ini untuk mengingatkan kepada kita semua khususnya kerajaan, janganlah kita menafikan sekiranya ada pandangan-pandangan yang berbeza daripada mana-mana pihak dalam usaha kita untuk menangani wabak ini.

Walaupun mungkin nadanya berbeza, nadanya sedikit mengkritik, tetapi kalau asasnya benar mengapa tidak kita ambil pandangannya demi kesejahteraan rakyat. Sama ada kita sebagai orang ramai ataupun rakan-rakan daripada pembangkang, mahupun di kalangan kerajaan sendiri, kalau memberikan pandangan itu anggaplah kita proses pandangan ini dan kita laksanakan sekiranya ia wajar untuk kebaikan rakyat dan juga negara.

Jangan pula kita terlalu angkuh dan sombong dengan usaha dan kedudukan kita dalam menghadapi ujian bala Allah ini. Mudah-mudahan, segala usaha kita dapat merungkai permasalahan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merakamkan setinggi tahniah kepada kementerian khususnya Yang Berhormat Menteri atas usaha yang telah dibuat dengan pelbagai usaha bersama dengan jentera kerajaan dan juga kementerian yang ada. Kita harap usaha mereka ini akan ditingkatkan lagi untuk kejayaan.

Cuma, saya ingin bertanya mengenai beberapa persoalan, berapa peratus vaksin ini telah diberikan secara menyeluruh kepada seluruh warga khususnya yang saya dapati masih lagi ada warga emas yang tercicir? Ini kerana, pada peringkat awal mereka mendaftar dengan MySejahtera. Sekarang ini ada pelbagai kaedah untuk mendaftar dan akhirnya, mereka yang didaftarkan melalui MySejahtera itu ada yang ketinggalan khususnya mereka yang berada di pedalaman yang terkeluar daripada akses komunikasi negara kita.

Saya juga ingin bertanya berapakah peratus warga Kementerian Kesihatan yang berdepan secara langsung dengan rakyat yang terkesan dengan wabak ini? Adakah mereka ini keseluruhannya telah divaksin atau peratusannya termasuk dalam golongan rakyat biasa yang lain?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Jerantut? Lembah Pantai. Yang Berhormat Jerantut, Lembah Pantai? Boleh, boleh...

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Saya ada sikit, saya ada banyak. Nanti kalau cukup masa saya bagi. *Insyallah* ya. Kita bimbang warga Kementerian Kesihatan sendiri berdepan dengan wabak ini, sedangkan mereka belum lagi mendapat vaksin.

Jadi, saya harap pihak Menteri dapat memberikan jawapan kepada saya. Selain itu juga, pihak keselamatan terutama mereka yang berada di SJR, polis, RELA, tentera, APM dan sebagainya, mereka ini berdepan bukan sahaja berdepan dengan cabaran COVID-19 dan ancaman keselamatan yang lain seperti cuaca dan sebagainya.

Kemudian, kita mendengar Yang Berhormat Menteri Pendidikan hendak melaksanakan pembukaan sekolah. Saya juga ingin bertanya, sejauh manakah dan berapakah peratus warga pendidik yang telah divaksin? Berapakah peratus anggaran pelajar-pelajar yang hendak divaksin? Kita tidak mahu mereka menjadi mangsa kepada keadaan. Kita tidak mahu juga guru-guru terdedah kepada wabak ini. Jangan korbankan masa depan mereka ini. Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sekarang ini kita telah bercakap soal dos ketiga, ini kerana rata-rata mengatakan dos kedua ini tidak lagi boleh menghalang secara total wabak ini.

Kita bimbang, kalau kita terlalu memfokus kepada vaksin ini, sedangkan ia tidak mampu untuk mengetepikan serangan penyakit ini ataupun COVID-19 ini dan kita hendak ke arah ketiga, bilakah agaknya vaksin ini akan dimulakan dan berapakah sasaran yang boleh kita letakkan supaya mereka yang mendapat vaksin ketiga ini merasa selamat, merasa terlindung dan jauh daripada wabak ini? Minta maaf Yang Berhormat Lembah Pantai, masa saya sudah habis.

Kita harap, satu lagi— penutup, Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan agar untuk dos ketiga ini, kita boleh membuat tempahan sekarang agar pengalaman kelewatan kita atau tidak dilayan oleh negara pembukaan ini tidak berlaku untuk dos yang ketiga ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Jerantut. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jerlun, tidak ada. Saya menjemput Yang Berhormat Simpang Renggam. Lima minit.

3.17 ptg.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat seperti mana sektor-sektor lain, sektor pendidikan juga amat teruk terjejas dampak pandemik. Malah, kalau kita lihat sektor pendidikan merupakan masa depan negara. Kita maklum sesi pembelajaran atas talian telah dijadikan alternatif kepada sesi pembelajaran dan pelajaran bersemuka. Kita tahu melalui media, bagaimana sesi pembelajaran atas talian telah menimbulkan 1,001 masalah bukan hanya kepada anak-anak, juga kepada guru dan juga kepada ibu bapa.

Ini kerana lemahnya capaian internet dan juga isu pemilikan peranti. Langkah memberikan vaksin untuk mewujudkan daya ketahanan diri ataupun imunisasi kelompok di kalangan warga pendidik dan pendidikan adalah wajar dan perlu agar sektor pendidikan dapat kembali normal dan sesi pelajaran serta pembelajaran bersemuka dapat kembali semula. Berhubung dengan isu vaksin kepada warga pendidikan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dan juga memberikan beberapa cadangan.

Pertama, tadi kita tahu ramai di antara rakan-rakan MP yang membicarakan tentang bilangan guru yang di vaksin. Akan tetapi, kalau kita bicarakan tentang sekolah, ekosistem pendidikan bukan hanya berkisar pada guru semata-mata, kakitangan sekolah, pekerja kantin, pengawal keselamatan, pemandu bas dan termasuk murid-murid, mereka ini perlu diberikan perhatian dan perlu diberikan vaksin.

Soalannya, apakah pelan kerajaan untuk memberikan vaksin kepada seluruh ekosistem warga pendidikan ini? Cadangan saya, berikan vaksin kepada sekolah-sekolah tanpa perlu mereka pergi ke PPV. Bawa vaksin ke sekolah-sekolah untuk warga pendidikan diberikan vaksin keseluruhannya sebelum memulakan persekolahan.

Kedua, apakah status kenyataan YBM pada 18 Jun yang lalu untuk memberikan dos pertama vaksin kepada calon SPM tahun 2021 yang janjinya akan diselesaikan pada bulan Julai. Sekarang bulan Julai telah berada di penghujungnya, apakah janji tersebut telah ditunaikan?

Cadangannya, berikanlah, kita tidak kisah bulan Julai atau bulan Ogos, tetapi bincang elok-elok dengan Kementerian Pendidikan berikan kepada calon, bukan hanya calon SPM sahaja, calon STPM dan juga calon STAM.

■1520

Ketiganya, apakah juga pelan kerajaan untuk warga kolej vokasional? Sering kali kolej vokasional tidak dibincangkan. Kita bincang sekolah, sekolah,

sekolah, walhal kolej vokasional agak berbeza. Ini kerana sama ada pelajar, tenaga pengajar terpaksa hadir ke makmal, bengkel dan juga lapangan. Mereka tidak sama dengan sekolah biasa. Mereka terpaksa menjalani amali dan praktikal. Apakah perancangan kerajaan? Cadangan saya, berikan vaksin kepada mereka kerana mereka juga amat penting dan perlu untuk hadir kepada sesi PdP bersemuka.

Keempat, apakah juga pelan kerajaan untuk memberikan vaksin kepada warga IPT sama ada IPTA ataupun IPTS termasuk juga warga IPG iaitu institut perguruan? Bukan hanya kepada anak-anak ataupun siswa tetapi kepada juga pensyarah, kakitangan, staf yang mana kita tahu bahawa bilangan pelajar sama ada IPTA, IPTS di pendidikan tinggi adalah 1.3 juta orang. Kita tahu ramai yang telah menerima vaksin melalui AZ yang telah ditawarkan baru-baru ini tetapi tidak semuanya. Ini membawa kepada soalan yang kelima.

Umum mengetahui bahawa terdapat banyak kampus IPT telah digunakan untuk menjadi PPV. Persoalannya, apakah apabila kampus tersebut dijadikan PPV, warga kampus juga turut menerima vaksin? Cadangan saya, berikan vaksin kepada warga IPT sekalian. Pensyarah, mahasiswa, kakitangan dan semua yang terlibat. Mereka perlu kembali ke kampus.

Keenam, apakah pelan kerajaan untuk memberikan vaksin kepada warga politeknik dan kolej komuniti? Mereka seperti juga warga kolej vokasional, warga TVET perlu hadir kepada pendidikan bersemuka. Mereka perlu pergi ke bengkel, makmal dan juga ke lapangan. Cadangannya, berikan vaksin kepada mereka semua agar mereka dapat kembali menerusi sesi pembelajaran mereka.

Terakhir, saya yakin bahawa keputusan berhubung isu-isu di atas yang telah saya bawakan akan melibatkan keputusan bersama dengan KPM dan KPT yang menyepi. Saya pun tidak tahu mengapa kerajaan tidak memberikan tumpuan kepada sektor pendidikan lantas memberikan ruang kepada KPT dan KPM untuk membuat pembentangnya. Mungkin pendidikan tidak begitu penting bagi kerajaan ini.

Soalan saya, sejauh manakah proses libat urus bersama kementerian-kementerian tersebut? Tadi Yang Berhormat Menteri menyebutkan tentang sesi libat urus dengan kementerian itu, kementerian ini tetapi kurang disebutkan libat urus dengan KPM dan juga dengan KPT kecuali untuk menjadikan IPT sebagai PPV. Akan tetapi, dalam isu vaksinasi warga mereka, apakah pelan tindakan bersama untuk memastikan pendidikan kita kembali normal? Cadangan saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, minta rumuskan Yang Berhormat.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: ...Bentangkan kepada rakyat hasil libat urus dan juga usaha sama serta pelan pendidikan ke hadapan pasca COVID-19, pelan vaksinasi, hasil perbincangan antara kementerian– Yang Berhormat Menteri dan juga dengan KPM serta KPT kerana pendidikan adalah untuk semua dan tanggungjawab kita bersama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Beaufort kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Semporna dan kemudian Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Julau dan Yang Berhormat Bayan Baru.

3.24 ptg.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya. Oleh sebab masa yang pendek, saya akan terus sahaja ya. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah. Terima kasih kepada kerajaan atas usaha yang dibuat untuk membolehkan hari ini kita merupakan sebuah negara yang terpentas untuk memberikan vaksin kepada rakyatnya. Tahniah.

Saya terus kepada isu yang berkaitan dengan– memberikan sokongan yang padu kepada usaha kerajaan ini. Saya terus kepada isu yang berkaitan dengan kawasan saya di Daerah Beaufort. Saya dimaklumkan bahawa ada usaha untuk mengurangkan bekalan vaksin untuk disampaikan kepada Daerah Beaufort pada esok hari daripada yang sepatutnya 4,000 *vial* kepada 1,000 *vial* sahaja. Oleh sebab itu, saya ingin menyatakan di sini supaya bukannya dikurangkan tetapi perlu ditambah lagi.

Walaupun kadar vaksinasi tinggi iaitu untuk dos yang satu sebanyak 64 peratus dan dos kedua belum sampai lagi 40 peratus tetapi kes adalah tinggi setiap hari. Oleh sebab itu, adalah amat penting bagi memastikan vaksin dihantar ke daerah itu adalah mencukupi sepertimana yang sepatutnya.

Selaras dengan itu juga, saya minta supaya vaksin untuk negeri Sabah ditambah lagi supaya memastikan ia sesuai dengan kehendak populasi negeri itu. Sepertimana yang kita tahu, setakat ini dos untuk 18 tahun ke atas yang pertama baru 25.1 peratus. Dos yang lengkap 13.8 peratus. Bagi populasi baru 17 peratus untuk dos yang pertama dan kedua, 9.8 peratus. Ini masih terlalu rendah.

Oleh itu, adalah amat penting supaya dapat dihantar vaksin yang banyak, yang sesuai dengan keperluan populasi di negeri Sabah dalam masa yang

terdekat ini. Saya tahu Yang Berhormat Menteri telah berjanji tetapi saya mahu ini dapat dilaksanakan bagi memastikan rakyat negeri Sabah kesihatannya terjaga dan dalam keadaan yang selamat dan sejahtera.

Dalam masa yang sama juga, untuk memastikan cukup untuk melakukan *outreach programme* unit bergerak vaksinasi ke kampung-kampung yang terpencil, ke tempat-tempat di mana susah untuk mereka keluar ke PPV, saya minta supaya unit bergerak sepertimana yang dilaksanakan di negeri-negeri di Semenanjung dapat dilaksanakan juga di negeri Sabah di mana di sini menggunakan bas-bas MARA Liner.

Di Sabah juga boleh kita gunakan bas-bas yang tidak terpakai pada masa ini disebabkan oleh PKP, boleh kita gunakan untuk membantu rakyat di luar bandar dan kawasan yang terpencil juga mendapat vaksinasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyebut di sini tentang masalah apa nama ini, vaksin ini ada kumpulan-kumpulan tertentu *anti-vaxxer* dan sebagainya yang memberikan maklumat yang tidak betul kepada rakyat kita. Ini menyebabkan ada orang yang takut untuk mendapatkan vaksinasi. Baru-baru ini, saya mendapat maklumat bahawa ada mereka yang sudah mendapat dos yang pertama tidak mahu hadir untuk dos yang kedua. Ada yang mengatakan mereka mengandung.

Oleh sebab itu, saya ingin supaya pihak yang berkenaan memberikan penerangan yang jelas kepada rakyat kita di luar sana supaya mereka tidak takut tentang vaksin ini dan mereka akan hadir untuk mendapatkan vaksinasi supaya usaha kita untuk memvaksinasi seramai yang mungkin rakyat tidak terjejas. Saya faham bahawa banyak maklumat ini disebarluaskan dan usaha untuk kita menangkis ini mestilah dilaksanakan dengan secepat mungkin supaya usaha kita akan mencapai kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk negeri Sabah kita telah menyasarkan supaya sekurang-kurangnya setiap hari 30,000 orang rakyatnya di vaksin. Sebelum ini, adalah terlalu rendah sekali, sampai 13,000 orang sahaja sehari. Akan tetapi, beberapa hari kebelakangan ini, kita telah mencapai 30,000 orang. Jadi usaha ini mestilah dipastikan berterusan, jangan dikurangkan. Mungkin ada tempat yang lain memerlukan, maka negeri Sabah pula dikurangkan. Saya minta sangat-sangat supaya dipastikan bahawa apa yang patut disampaikan kepada negeri Sabah itu disampaikan oleh pihak kerajaan khususnya daripada kementerian yang berkenaan.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)*
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan di sini masalah berkenaan dengan MySejahtera. Ada yang telah membuat pendaftaran sekian lama daripada mula lagi tetapi masih belum mendapat tarikh untuk temu janji vaksin mereka. Mereka ini pun ramai yang merungut dan kita amat faham sekali kerana mereka sudah mendaftar tetapi tidak mendapat vaksin mereka.

Begitu juga *frontliners* daripada jabatan-jabatan *essential services* juga masih ada lagi yang belum menerima vaksin mereka. Saya minta mereka juga diberikan pertimbangan yang sewajarnya supaya mereka juga dapat divaksinasi kerana mereka ini sentiasa berada di *frontliners*, membantu kita dalam usaha untuk memastikan rakyat kita selamat dan sejahtera serta vaksinasi dapat dilaksanakan.

Saya juga ingin melihat kepada *forward-looking*. Saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah usaha yang dibuat oleh kementerian melalui makmal-makmal yang ada di dalam negara kita, Malaysia ini untuk melihat bolehkah kita menghasilkan vaksin kita sendiri di dalam negara supaya kita tidak tertunggu-tunggu dari luar negara?

Keduanya, selain daripada vaksin. Adakah juga makmal-makmal kita sekarang telah mula membuat *research*, adakah ubat untuk kita merawat penyakit yang disebabkan oleh Koronavirus ini supaya rakyat kita yang dijangkiti oleh penyakit ini dapat kita rawat dan mereka kembali pulih seperti biasa? *Insyallah*. Itulah yang saya ingin kemukakan di sini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1530

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Semporna.

3.30 ptg.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya hendak sebutkan di sini tentang apa yang telah semua mendengar penerangan dan penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri daripada pagi tadi. Saya kena menyatakan bahawa langkah-langkah yang telah dilakukan dirancang dengan begitu komprehensif dan baik.

Sedikit sebanyak telah pun mencapai kejayaannya. Ini saya lihat dari sudut contohnya langkah-langkah komprehensif. Saya tak nak sebutkan itu. Cuma apa yang saya hendak nyatakan di sini ialah pengurusan. Bukan hanya vaksin, bahkan juga kewangan negara. Kita tentunya, keutamaan kita hendak

selamatkan nyawa manusia. Kita juga hendak selamatkan kewangan yang terbatas ekonomi negara ini. Kita hendakkan supaya setiap perbelanjaan di negara ini, *we must have very prudent in way of doing things*. Tidak ingin kelihatan ketirisan.

Saya melihat setelah mendengar apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya bimbang sedikit daripada segi keadaan pengagihan vaksin yang ada. Sebolehnya, kalau boleh kita ubah sedikit daripada segi caranya pendekatan. Contohnya bila saya lihat, saya ambil beberapa negeri yang ada iaitu *Penang*, Perak, Sarawak, Lembah Klang, Perlis, Kedah dan Sabah.

Penang mendapat 70 peratus berdasarkan dengan kadar pengagihan vaksin berbanding populasi. Perak 57 peratus iaitu 1.4 juta. Manakala Sarawak mempunyai peratusan agihan vaksin sebanyak 129 peratus daripada jumlah penduduk seramai 2.8 juta orang mendapat 3.6 juta dos vaksin. Lembah Klang dengan 8.4 juta penduduk mendapat 9 juta lebih vaksin iaitu 107 peratus.

Manakala Perlis mempunyai penduduk 255 ribu orang mendapat vaksin sebanyak 218 iaitu 85 peratus. Kedah, 2.19 juta orang dengan 1.1 juta dos iaitu 55 peratus. Sabah mempunyai seramai 3.9 juta penduduk hanya mendapat 1.8 juta dos kurang daripada 40 lebih peratus sahaja.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Semporna, boleh mencelah?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Saya— oleh sebab masa singkat, saya boleh tambah sedikit Tuan Yang di-Pertua, fasal kita dari Sabah. Minta maaf Warisan ini kita mempunyai satu orang satu hari sahaja. *I requested yesterday* daripada Tuan Yang di-Pertua. Bagilah sedikit. Kita mempunyai Ahli Parlimen juga. Bukannya satu orang atau dua orang.

Sekurang-kurangnya banyak. Semalam saya hendak cakap tetapi tidak boleh cakap. Keadaan Kementerian Kesihatan ini cukup penting, tetapi kita kena agihkan. Ini penting. Jadi boleh minta kerjasama supaya bagi beberapa cadangan yang saya hendakkan.

Pertama mengenai dengan saya nyatakan, *you must do some realignment* dengan izin pengagihan ini. Tidak serata. Sabah mempunyai jumlah kadar yang begitu tinggi berbanding dengan negeri-negeri yang ada di negara ini. Mengapa pula kadar vaksinasi yang mereka tidak peroleh dosnya.

Kedua, mengenai dengan pendekatan yang dilakukan. Saya sedar dan tahu bahawa penubuhan PPV memerlukan pelbagai logistik, komputer, internet. Sabah mempunyai tempat yang begitu luas kepulauan, bukit bukau yang ada dan tidak boleh diperoleh menerusi kaedah internet, komputer atau MySejahtera yang

ada. Kita belanja RM70 juta. Tidak ada koordinasi yang begitu rapi. Saya cadangkan supaya kalau boleh *walk-in*.

Bila masyarakat datang ke pusat, *vaccinate them*. Kalau buat *testing, the moment there are found negative, vaccinate*. Yang positif, tunggu 14 hari jangan keluar. Keluar dari tempat pusat selepas itu bagi vaksinkan. Ini merupakan satu langkah yang saya yakin akan dapat membantu keadaan vaksinasi di peringkat negara kita.

Kita belanja contohnya kementerian ini sebanyak RM5.8 bilion. Saya tidak tahu kementerian lain yang membebelkan tentang usaha untuk vaksinasi. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Kementerian Kesihatan. Saya berharap tentang cadangan yang saya utarakan.

Pertama, daripada segi penambahbaikan di peringkat luar bandar. Saya harap dipertingkatkan keadaan kemudahan ambulans yang tidak mencukupi untuk membawa para pesakit yang ada untuk dapat *vaccinate. Must reach them out*. Kerana keadaan mereka begitu daif. Kalau mereka hendak datang ke pusat-pusat dengan *second dose* yang ada tidak mungkin mereka akan datang.

First dose they can take it, the second dose might not be possible. Jadi kalau boleh vaksin yang diperolehi ini haruslah kita gunakan kaedah bukan hanya ada *second dose*. Kalau ada *one dose is good enough* untuk dapat kita pulihkan pada pesakit COVID-19 yang ada di peringkat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap dari segi kemudahan-kemudahan asas dari segi penambahbaikan *procurement* vaksin di negara kita ini perlu ditambah baik seperti yang telah pun disebutkan *there is a lot of transparency*. Apa yang penting adalah untuk membolehkan supaya perbelanjaan ini amatlah berpatutan. Tuan Yang di-Pertua, masa agak— *is that enough?*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Saya minta maaf, Yang Berhormat sebab ramai lagi dan Yang Berhormat Menteri punya *schedule* 4.30 petang.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Banyak lagi cadangan saya hendak utarakan. Tidak apalah.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri boleh beri kelonggaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Saya jemput Yang Berhormat Setiu. Terima kasih.

3.36 ptg.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, [Membaca selawat]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang pada Setiu untuk turut membahaskan program vaksinasi pada petang ini. Juga tahniah kepada Yang Berhormat Rembau sebagai Menteri Penyelaras Program Vaksinasi kerana telah berjaya memikul tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan cemerlang. Ucapan terima kasih pada *frontliners* yang telah berjaya melaksanakan tugas tanpa mengenal penat lelah sejak bermulanya COVID-19.

Sebagaimana yang kita maklum kerajaan telah meletakkan *target* untuk mencapai *herd immunity* seramai 80 persen yang terbaharu menjelang Oktober dan *insya-Allah* saya ia dapat dicapai bahkan dicapai lebih awal berdasarkan kepada jumlah vaksinasi yang kita berikan kepada rakyat telah mencapai angka setengah juta selama dua hari berturut-turut iaitu pada hari Isnin, 529 ribu dan pada semalam 553,871 dos.

Alhamdulillah, selepas kita menghadapi pelbagai masalah di peringkat awal disebabkan pelbagai reaksi negatif di kalangan rakyat terhadap vaksin akibat pelbagai *viral* palsu di medsos, di samping kempen golongan antivaksin, tetapi sekarang kesedaran untuk mendapatkan suntikan vaksin semakin tinggi di kalangan rakyat sehingga mereka mahukan suntikan segera dikenakan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kesempatan ini saya mengutarakan beberapa cadangan. Pertama, menyegerakan suntikan vaksin kepada yang sudah mendaftar MySejahtera sekian lama. Saya terima aduan dan keluhan daripada mereka terhadap kelewatan mereka mendapat vaksin.

Kedua, meneruskan kempen kesedaran kepada rakyat untuk mendapatkan suntikan vaksin melalui media cetak, media elektronik, *medsos* supaya rakyat tidak terpengaruh dengan golongan antivaksin dan mengaburkan dan kita mesti membuat program-program seperti program yang sering kita lihat di TV1 iaitu *Bicara Naratif* membincangkan dan memberikan kesedaran kepada rakyat tentang kepentingan mendapatkan vaksin dengan menampilkan panel yang bukan sekadar pakar perubatan bahkan pakar-pakar dalam bidang agama untuk menjelaskan secara terperinci mengenai kepentingan untuk mendapatkan vaksin.

Ketiga, saya ingin menyentuh berkait dengan negeri Terengganu. Walaupun negeri Terengganu kadar kes hariannya yang semalam 300 lebih dan Terengganu kalau berdasarkan kepada data yang diberikan oleh Menteri tadi

negeri yang ke-12 daripada 15 negeri dalam wilayah yang mendapat suntikan vaksin daripada bawah dengan jumlah 795 ribu dos.

■1540

Walaupun kes di Terengganu sedikit tetapi kadar kebolehhajangan di Terengganu merupakan kadar yang tertinggi negara bahkan melebihi kadar kebolehhajangan di peringkat nasional. Semalam 1.29 sedangkan kadar kebolehhajangan di peringkat negara 1.14. Oleh itu, saya menyeru, saya memohon kerajaan supaya memperbanyakkan bekalan vaksin ke negeri Terengganu khususnya daerah-daerah, kawasan-kawasan yang dilaksanakan PKPD.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Yang Berhormat Setiu, laluan sedikit.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Masa sudah tidak ada ini. Ini 43 saat lagi. Hendak sebut tiga lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Okey, memperbanyakkan PPV. Daerah Setiu hanya ada satu PPV sedangkan Daerah Setiu merupakan satu daerah yang luas. Ini menyebabkan ada yang ditetapkan waktu untuk mendapatkan vaksin tidak hadir disebabkan masalah kenderaan, masalah uzur, OKU dan lain-lain.

Jadi saya menyeru, bukan sekadar— walaupun kita pusat khidmat telah menyediakan pengangkutan secara percuma tetapi dalam masa yang sama, saya memohon supaya kerajaan menggunakan kenderaan milik agensi-agensi kerajaan untuk turut digunakan untuk mengangkut mereka ke pusat PPV atau pusat pemberian vaksin ini.

Keempat, program *outreach* dibuat secara lebih banyak untuk kawasan pedalaman. Dibenarkan program *walk-in* bagi penduduk yang tinggal di kawasan liputan 4G yang terlalu lemah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiu, poin yang *last* ya.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Okey, *last*. Kawasan pedalaman seperti di Setiu, Sabah dan Sarawak yang tidak ada kemudahan internet yang sempurna menyebabkan kesukaran mereka untuk mendaftar MySejahtera.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, di samping usaha dan ikhtiar yang kita laksanakan setiap hari dari pelbagai sudut, jangan lupa doa kita kepada Allah SWT kerana ia merupakan senjata utama kita. Marilah sama-sama kita mengaminkan doa. Kepada Ahli Parlimen yang beragama Islam, marilah sama-

sama kita mengaminkan doa pendek yang sering kita dengar yang saya baca ini. *[Membaca sepotong doa] Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Walaikumussalam.* Yang Berhormat Hulu Langat. Lima minit.

3.43 ptg.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, anak bangsa Johor.

Yang Berhormat Menteri, saya pada mulanya keliru kenapa ada Menteri Penyelaras Vaksin sebab peruntukan 80 peratus daripada RM5.8 bilion itu, 80 peratus diberikan kepada KKM. Kenapakah tidak diserahkan kepada KKM sahaja? Malah, ketika proses vaksinasi berlaku di bawah sana, tenaga KKM yang paling banyak digunakan. Akan tetapi, apabila melihat prestasi Menteri Kesihatan dan dua timbalannya, saya insaf dan saya sedar memang wajar diberikan kepada Yang Berhormat Menteri, selain daripada mereka.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengajak kita semua bahawa saya melihat bahawa kerajaan ini telah gagal membuat *prediction*, membuat *tanabbu az*, dengan izin, dalam bahasa Arab, ataupun ramalan terhadap ancaman virus ini.

Antaranya apabila buat kali pertama dibentangkan dalam bajet minta kepada kami untuk meluluskan RM3 bilion, kemudian di luar daripada Parlimen dapat RM2 bilion, dapat RM800 juta lagi dengan tujuan pada asalnya 70 peratus penduduk Malaysia divaksinasi tetapi kemudiannya diangkat menjadi 80 peratus.

Ketika saya tanya kepada teman-teman di kementerian, mereka sendiri tidak tahu 80 peratus itu daripada penduduk rakyat Malaysia sahaja ataupun 80 peratus itu termasuk warga asing, termasuk pelarian, termasuk pendatang haram yang akhirnya jumlahnya lebih besar daripada yang dijangkakan. Ini semua menunjukkan kegagalan membuat ramalan.

Juga, saya dapati bahawa aplikasi yang digunakan seperti MySejahtera—kita apabila perkenalkan MySejahtera itu, kami terpaksa dengan peruntukan tambahan RM20,000, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, untuk memastikan orang kampung yang tidak pandai pakai itu terpaksa kami yang aturkan untuk mereka menggunakan. Kemudian, selepas mereka menggunakan, mereka tidak perasan ada kontak...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat tidak luluskan.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: ...Ada kontak yang datang untuk memaklumkan kepada mereka kena buat di tempat sekian-sekian. Kadang-kadang, MySejahtera mengubah tarikh dan tempat sehingga mereka keliru. Kemudian, kami juga terpaksa mengatur untuk mereka pergi ke pusat-pusat vaksinasi ini. Ini menyebabkan seolah-olah ia tidak dirancang dan tidak diatur dengan baik.

Saya juga ingin ambil kesempatan, kalau kita lihat peruntukan yang begitu banyak itu, kami mengharapkan Kementerian Sains dan Teknologi ini memberikan peruntukan yang besar kepada kumpulan penyelidik untuk mengkaji tentang vaksinasi yang bukan hanya digunakan pada hari ini sahaja tetapi kemungkinan-kemungkinan kajian yang sedang dibuat untuk menggantikan vaksin-vaksin yang digunakan pada hari ini.

Ini kerana barangkali selepas 10 bulan, barangkali selepas setahun telah ada dapatan-dapatan baharu yang mana dapatan-dapatan itu ketika dikeluarkan, kita telah ketinggalan zaman. Kita mengharapkan kerajaan kita pada hari ini menggunakan segala tenaga yang ada, masa yang ada, wang yang ada untuk menumpukan kepada penyelidikan. Kita ada universiti-universiti, UPMnya dengan beberapa kumpulan penyelidik yang pakar. Mereka ini perlu dirangsang.

Kementerian ini tidak wajar hanya menjadi tukang import membawa masuk dari luar negara, kemudian menghadapi masalah-masalah yang dihadapi ketika proses import dan habis di situ. Kita mahukan negara kita ini ditadbir dan diurus oleh kelompok yang akan mampu untuk membawa keluar.

Saya mengatakan bahawa kerajaan ini juga tidak berapa teliti sehingga beberapa soalan ditimbulkan. Antaranya apakah kerajaan akan memberi suntikan *booster* kepada mereka yang telah menerima Sinovac dan nyatakan bila akan dimulakan pelaksanaannya?

Nyatakan berapakah perbezaan kos vaksin Sinovac bagi tujuan *fill and finish* oleh Pharmaniaga berbanding jika dibeli secara terus daripada negara China yang kita percaya boleh menjimatkan wang. Apakah yang akan terjadi terhadap fasiliti *fill and finish* kilang Pharmaniaga selepas kerajaan menghentikan pembelian vaksin Sinovac ini? Jadi, kalau kita lihat, keadaan ini telah menyebabkan suasana yang begitu kelam kabut.

Saya ingin menggulung, Tuan Yang di-Pertua. Kekecohan yang berlaku dalam negara ini berebut ingin mengekalkan kuasa ini telah menyebabkan negara ini terabai. Hadis yang ingin saya bacakan... [*Membaca sepotong Hadis*] Kamu

semua yang berebut-rebut hendak jadi ketua, hendak mengekalkan kuasa, akan menyesal satu hari nanti.

Mereka yang sebaik-baiknya di kalangan pemimpin apabila dia mengurus rakyat, dia merasakan bagaimana dia menyusukan anak dengan penuh rasa kasih sayang. Seburuk-buruk pemimpin ialah apabila dia mengabaikan bayi yang sepatutnya hendakkan susu itu dibiarkan kerana dia sibuk mengurus untuk mengekalkan kuasa yang ada pada dia. Terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Julau.

3.49 ptg.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Melihat kepada data yang dikeluarkan oleh CITF Kebangsaan setakat pada tarikh 26 Julai 2021, negeri Sarawak kekal menjadi antara negeri yang terpantas dalam proses pemberian vaksin kepada rakyat.

Saya ingin mengucapkan rasa syukur dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua petugas barisan hadapan seperti para doktor, jururawat, PDRM, angkatan tentera, RELA, APM dan petugas sukarelawan kesihatan, petugas sukarelawan bukan kesihatan yang telah mengorbankan masa dan tenaga bertungkus-lumus untuk melawan wabak COVID-19 ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di kawasan Parlimen saya di Julau yang mempunyai total populasi hampir 25,616 orang penduduk yang berusia 18 tahun ke atas, tetapi kawasan ini dikenal pasti sebagai salah sebuah kawasan yang melakukan proses vaksinasi terpantas bukan sahaja di negeri Sarawak, bahkan antara yang terpantas di Malaysia.

■1550

Merujuk kepada data yang saya terima, di dalam kawasan Parlimen Julau hampir 69.24 peratus individu yang berusia 18 tahun ke atas telah menerima suntikan dos pertama vaksin manakala anggaran jumlah kasar individu yang berusia atas 18 tahun yang telah melengkapkan dua suntikan dos vaksin pula dilaporkan hampir 14,886 atau bersamaan 58.11 peratus.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, *the population of Julau is almost all vaccinated* tetapi *we have 30 percent of the population working elsewhere. So, I want to ask the Minister, are we still able to achieve the herd immunity of 80 percent and above for rural constituency like Julau?*

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak bangkitkan di sini adalah mengenai komitmen kerajaan dalam memberikan vaksin kepada golongan

yang tidak mempunyai sebarang dokumen yang sah untuk menetap dan bekerja di dalam negara ini. Sebagai contoh, pertamanya adalah mereka golongan migran, pendatang asing tanpa izin dan dieksploitasi masuk secara seludup dan tidak sah ke negara kita.

Justeru itu di dalam Dewan yang mulia ini saya perlukan komitmen daripada pihak kerajaan untuk memudahkan proses vaksinasi buat golongan yang saya nyatakan ini. Adakah kerajaan bersedia dan bersetuju untuk berkompromi memberikan kelonggaran untuk bekerjasama dengan KDN agar tidak menahan kesemua migran yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan tidak dikenakan apa-apa sebarang tindakan susulan.

Ini adalah kerana menurut laporan berita, mereka golongan migran ini takut untuk tampil ke hadapan mengambil suntikan vaksin kerana mereka mengandaikan bahawa mereka mungkin akan ditangkap kelak dan dihantar pulang ke negara asal. Perkara ini saya tekankan dengan serius kerana mereka ini juga kumpulan yang diletakkan dalam kumpulan yang berisiko tinggi untuk terkena jangkitan COVID-19. Mereka ini berselindung di tempat-tempat yang terpencil di luar radar pemerhatian kita untuk dijadikan kumpulan sasar dalam mendapatkan suntikan vaksin.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Julau.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Maka saya ingin memohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah strategi yang bakal direncanakan oleh kementerian untuk memberikan vaksin kepada golongan yang di luar pemerhatian kita ini? Ini adalah kerana mereka ini berada di merata-rata tempat yang tersorok. Adakah kementerian bersedia untuk bekerjasama dengan KDN untuk mengarahkan anggota penguat kuasa untuk mengenal pasti di mana mereka...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Julau, Yang Berhormat Julau.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Lalu kita berikan suntikan vaksin dengan kemudiannya diberikan jaminan bahawa mereka tidak akan ditangkap atau dikenakan apa-apa tindakan. Kelonggaran ini adalah wajar untuk dipertimbangkan buat masa ini kerana ini adalah satu-satunya cara yang dilihat sesuai untuk kita menghampiri dan mengenal pasti mereka yang berada di luar pemerhatian kita.

Jika ini dapat dilaksanakan kita bukan sahaja dapat mencapai imuniti kelompok, *herd immunity* yang lebih mudah dan cepat bahkan juga kita boleh

bersedia untuk membuka sektor ekonomi dengan lebih meluas secara perlahan-lahan yang lebih sistematik dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik dengan usaha yang dilakukan oleh MITI untuk melakukan Program Imunisasi Industri COVID-19, Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) dalam meningkatkan kadar peratusan penerima vaksin di negara kita dengan menyasarkan kumpulan pekerja industri khususnya mereka yang bekerja di sektor kilang dan industri.

Usaha kerjasama antara pihak kerajaan dan pihak swasta ini sekali gus dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak kerana kerajaan komited untuk memberikan vaksin secara percuma kepada pekerja dan pihak swasta hanya perlu menanggung kos pentadbiran sahaja.

Walaupun program PIKAS ini berada di garis masa fasa empat, saya berharap ia dapat dipercepatkan sekiranya mampu kerana fasa empat akan bermula pada tahun 2022 sedangkan sektor ekonomi kita akan mula buka pada penghujung tahun 2021. Mereka yang berada di dalam sektor industri ini saya tekankan untuk segera diberi vaksin adalah kerana mereka berbeza dengan golongan pekerja yang dibenarkan untuk bekerja dari rumah. Mereka tidak punya pilihan lain selain perlu ambil risiko untuk hadir ke tempat kerja demi kelangsungan hidup. Untuk memperolehi penghidupan atau berdepan risiko hilang kerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Julau, sudah lebih masa.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Sekejap, 30 saat sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak boleh, Yang Berhormat. Banyak lagi hendak bahas.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Last point.*

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: *Last point.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Last point,* Yang Berhormat.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Menurut Biro... [*Tidak jelas*] Malaysia, dianggarkan hampir sejumlah 2 juta pekerja yang berada di sektor industri pembuatan dan pengeluaran maka saya mahukan penjelasan dari pihak kementerian, adakah kita mempunyai bekalan vaksin yang mencukupi untuk memastikan program PIKAS ini dapat berjalan dengan lancar tanpa ada sebarang isu kekurangan bekalan vaksin kelak?

Sejauh manakah tumpuan dan persiapan kita untuk bantu menjayakan program PIKAS ini? Ini adalah kerana di dalam industri ada juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat...

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: ...*Stakeholders* yang penting untuk kita beri tumpuan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Sebagai contoh PKS yang wajib kita bantu dalam program ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Cukup Yang Berhormat. Banyak lagi hendak bahas.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Bayan Baru.

3.56 ptg.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua petugas *frontliners* yang bertugas di PPV setiap hari tanpa penat lelah, jasa kamu dikenang dan dihargai terutamanya sukarelawan di Bayan Baru.

Saya ingin bangkitkan dua isu sahaja, dua topik satu topik dasar dan satu topik pelaksanaan. Pertama sekali tentang isu dasar. Kita tahu bahawa kita terlambat dari segi pembelian vaksin dan itu menyebabkan ramai yang mati dan kes yang begitu tinggi. Kita kena belajar daripada pengalaman yang pahit ini supaya kita kena ada *advance purchase agreement*. Kita kena *look forward in the future*, bolehkah kerajaan mencontohi negara-negara lain.

Sekarang banyak negara telah mula *planning* untuk *third dose* atau *booster dose*. Saya difahami bahawa negara-negara lain seperti Singapura, UAE mereka telah mula beli *Moderna booster shot*. Contohnya US, sudah beli 200 juta dos, Japan beli 50 juta dos, EU 150 juta dos, Taiwan 35 juta dos dan Argentina juga beli 20 juta. Malaysia bila lagi?

Isu yang kedua tentang soal dasar adalah bagaimana kita *protect our children, school children*? Adakah ada perancangan untuk membantu pelajar-pelajar kita, murid-murid kita yang kecil-kecil untuk pergi ke sekolah? Mereka sudah dua tahun mereka tidak pergi ke sekolah, *I mean almost two years*. Dari

segi vaksinasi bagaimana kita ada strategi untuk membantu mereka dari segi untuk *protect* mereka?

Dari segi soal pelaksanaan, kita tahu bahawa ada banyak masalah. Saya ingin membangkitkan masalah potong *queue*. Saya hendak *quote* seorang pengundi saya yang bertanya kepada saya. Dengan izin, "*Me and my wife as a Malaysian, at the age of 50 and above register with MySejahtera first day on February selepas ia dibuka but still not receive appointment for vaccine. A Bangladesh is construction worker age 30 plus registered MySejahtera on 24th June already completed first dose. I have a feeling now I am not only second class citizen but lower than a foreigner*". Ini adalah suara hati seorang pengundi daripada Bayan Baru. Seorang...

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Yang Berhormat Bayan Baru, sedikit tentang MySejahtera.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *I have no time, sorry.*

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: *Just one simple one.*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Just 10 second, sila.*

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya pendapat Yang Berhormat Bayan Baru bahawa MySejahtera sebenarnya perlu *synchronize with* KKM kerana di Sarawak banyak yang sudah terima vaksin tetapi dalam MySejahtera masih *empty*. Jadi itu, mereka terima telefon dari KKM untuk mengambil dos lagi.

■1600

Jadi mereka terima telefon daripada KKM untuk mengambil dos lagi. Jadi mereka terima tiga empat kali. Jadi, saya minta pendapat Yang Berhormat Bayan Baru sama ada MySejahtera perlu ada *synchronize* dengan KKM supaya masalah ini tidak berlaku lagi.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih. Minta dimasukkan ke dalam ucapan saya. Seorang pengundi lagi yang mendaftar di Bayan Baru diberi *appointment* di Johor Bahru. Selepas saya dan pejabat saya membantu dia tukar sebanyak lima kali, namanya masih keluar di Johor Bahru. Saya tidak faham kecelaruan dalam MySejahtera. Sudah kita bayar sebanyak RM70 juta. *Why are this problem keep happening?*

Kita tahu bahawa potong *que* pun berlaku kepada VIP. Saya tahu bahawa ada Ketua Bahagian UMNO yang potong *que* ya. Saya pun tak tahu kenapa. Saya bukan hendak politikkan tetapi kita tahu bahawa kalau ada potong *que*, maka peluang orang lain telah diambil.

Isu yang kedua tentang pelaksanaan adalah Pharmaniaga sekarang diberi untuk menjual Sinovac kepada *open market*. Akan tetapi mereka *require* 4,000 dos sekali. *Minimum purchase is 4,000 dose*. Kita tahu bahawa klinik-klinik swasta yang kecil-kecil, mereka tidak mampu keluarkan *RM600,000 to RM800,000 to purchase this 4,000 dose minimum*. Saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri *intervene* untuk kurangkan *minimum purchase* itu.

Akhir sekali saya rasa *the last mile* yang kita hadapi iaitu *the vaccine hesitancy*. Yang *last 10 ke 20 percent* yang mereka tidak mendaftar, mereka akan rasa- kita perlu insentif yang lebih untuk mereka daftar. Di negara lain, kerajaan keluarkan contohnya *lucky draw*. Ada yang *offer* rumah percuma, ada yang *offer* pelbagai insentif untuk *incentive yang vaccine hesitant* itu untuk daftar.

Saya tak nampak bahawa kerajaan buat sesuatu okey. Saya harap bahawa *the corporate* juga kena ambil tanggungjawab kerana kita tahu di negara seperti Hong Kong, *corporate company offer free house for people to register and get vaccinated*. Saya harap Malaysia pun buat begitu.

Akhir sekali, saya mahu kerajaan dan Malaysia berjaya dari segi vaksinasi *because this is our last silver bullet. We have failed many many things but this is our last hope* dan saya memberi komitmen yang paling tinggi daripada Bayan Baru untuk membantu kawasan saya mendapatkan vaksinasi. *We mobilize our people, we help people to go to vaccination*. Kita angkat orang, saya sendiri bawa juga ke *vaccine centre*.

Saya perlukan kerjasama dengan kerajaan supaya kita boleh mencapai *herd immunity* secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Jempol.

4.03 ptg.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Yang Berhormat Arau ya, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, terima kasih kepada semua *frontliners* yang terlibat dalam usaha kita membendung pandemik COVID-19 yang berlaku di negara kita.

Apa yang kita tahu dalam keadaan sekarang, kehidupan kita telah pun berubah daripada kehidupan biasa kepada norma baharu kehidupan, yang mana dahulunya kehidupan kita dua tahun lepas berbeza dalam keadaan sekarang. Namun begitu, pelbagai perkara yang perlu kita atasi iaitu pandemik COVID-19 yang melanda negara.

Pada 3 Februari 2021, Pasukan Petugas Khas COVID-19 (CITF) telah ditubuhkan yang dilancarkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Tujuan penubuhan ini adalah di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat negeri dan juga daerah. Jadi, CITF turut berperanan untuk mengkoordinasikan Persekutuan dan juga negeri serta daerah.

Akan tetapi, apa yang saya mahu bahawa tadi Yang Berhormat Menteri sudah pun sebut dalam semua teks. Saya dengar tadi, cukup bagus kerana ada sedikit *fine tune* yang perlu dilakukan kerana ada sesetengah CITF, saya ingin menyatakan bahawa CITF di Jempol ini tidak berperanan sepertimana yang diharapkan oleh Pengerusi CITF Peringkat Kebangsaan.

Apa yang saya nyatakan di sini ialah saya terlibat secara langsung dalam program *outreach* iaitu melibatkan semua pekebun kecil, melibatkan semua kampung Orang Asli, melibatkan FELDA, kampung-kampung, semua daerah dalam Parlimen Jempol. Jadi, keadaan hari ini kita lihat bahawa pencapaian baharu sebanyak 30 peratus.

Jadi, program *outreach*, program yang turun ke bawah ini tidak mendapat sambutan kerana kekangan birokrasi oleh pegawai daerah itu sendiri yang menyatakan ini arahan daripada negeri sedangkan dalam kawasan Parlimen, kita yang tahu.

Mana mungkin mereka baharu tukar sebulan dua tahu dalam keadaan kampung Orang Asli mereka yang tak dapat, mereka yang tak ada MySejahtera. Perkara yang ini saya harap Yang Berhormat Menteri pun maklum dalam keadaan ini bahawa kita tidak boleh biarkan keadaan ini. Kita mahu semua lapisan rakyat tidak mengenal warna kulit dan fahaman politik perlu divaksin.

Jadi, hari ini vaksin saya harap kawasan-kawasan yang ada program, contohnya *outreach* ini, program bergerak ke kampung-kampung ini dalam masa satu dua hari, kampung ini berubah ke kampung lain, ini perlu diperkasakan semula. Jadi, Pengerusi CITF Daerah ini perlu mengikuti arahan. Sebenarnya Ahli Parlimen pun tidak *diinvite* sama, tak diberi kerjasama. Semua program dia hendak tentukan atas arahan negeri bahawa kita sebagai Ahli Parlimen apa yang disebut sesetengah tadi, Ahli Parlimen tak dijemput bersama.

Sedangkan kita berbahas di Parlimen ini untuk kesihatan rakyat-rakyat, untuk membela nasib rakyat. Bagaimana rakyat hari ini hendak dapatkan perlindungan daripada suntikan vaksin ini. Hari ini kita lihat, makin hari makin meningkat di mana kita telah capai sebanyak 8,408 orang telah pun berlaku kematian dan peningkatan hari ini sebanyak 17,400 lebih.

Jadi, langkah-langkah kita, bagaimana rakyat hendak dapatkan vaksin dengan kadar segera. Seterusnya menurut CITF pada 22 Julai, individu yang berumur 17 tahun ke bawah, iaitu mereka dalam kalangan yang menduduki perbezaan STP, STPM, IPTA dan IPTS. Mereka ini juga berisiko untuk ke sekolah ataupun belajar semula setelah keadaan ini pulih dan mencapai sebanyak 80 peratus mereka yang telah divaksin.

Apakah langkah kita? Langkah kementerian, bagaimana jenis vaksin yang sesuai? Mereka yang bawah 17 tahun ke bawah ini. Jadi, adakah kita menggunakan vaksin yang sedia ada ataupun *special* untuk pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan. Kalau boleh, semua kita hendak dapatkan vaksin ini agar keadaan kita pada hari ini selamat dan sejahtera.

Yang lainnya, saya ingin membangkitkan juga isu yang berkaitan dengan *second dose* ataupun *third dose*. Kita tahu bahawa, sama ada Sinovac dicucuk lagi dan esok yang ketiga ada lagi tak? Jadi kerangka-kerangka ini, kadang-kadang perkara ini kita kena lihat. Ada perkara ini dibuat semata-mata kita melabur jutaan ringgit, bilion ringgit.

Jadi mungkin 200 negara yang terlibat, tidak ada fikir lain sudah. Bagaimana hendak hidup sekarang ini? Sama ada ekonomi ataupun nyawa? Sudah pasti lah nyawa ini menjadi taruhan kita, menjadikan pilihan kita. Jadi, inilah tindakan yang diharapkan berterusan dan kita sentiasa memberi kerjasama kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Kita berharap pegawai-pegawai juga di peringkat bawah ini bersama-sama kita, jangan diasing-asingkan oleh kerana negeri pembangkang.

Wakil rakyat daripada PN tak boleh bersama. Jadi ini kadang-kadang berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Mas Gading.

4. 08 ptg.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk terus ada dalam perbahasan hari ini. Menyentuh tentang Program Vaksinasi memang kita berterima kasih kepada pihak kerajaan atas usaha yang dibuat. Kita hargai dan kita bersyukur tetapi bersyukur itu perlu ada asasnya.

Syukur bukan bermakna kita bulat-bulat berpuas hati. Pertama jika dilihat pada kadar pendaftaran sebanyak 86.8 peratus populasi di Sarawak telah didaftarkan tetapi di Sabah cuma sebanyak 39.2 peratus.

Kenapa wujudnya perbezaan ini? Seperti yang kita sedia maklum Sabah dan Sarawak tidak jauh berbeza dari segi geografi dan itulah alasan yang menjadi sebab kenapa Sabah dan Sarawak selalu dikemudiankan terutama dalam pembangunan. Begitu juga dengan capaian internet yang sangat teruk.

Berbeza pula pada kali ini kadar pendaftaran dan kadar vaksinasi di Sarawak jauh di depan meninggalkan Sabah, seolah-olah didahulukan. Kenapa tidak selari dengan dari segi pelaksanaan dan sasaran?

Kedua, masalah utama di luar bandar adalah logistik dan capaian internet. Semua ini adalah keperluan asas yang kerajaan kita gagal selesaikan, tidak kira kerajaan dahulu ataupun kerajaan sekarang.

■1610

Kalaulah jalan raya sistem pengangkutan kita di kawasan luar bandar itu sudah bagus, tidaklah kita susah sekarang hendak hantar vaksin, hendak bawa orang ke PPV, hendak hantar kumpulan PPV untuk sampai ke penduduk luar bandar. Kalaulah capaian internet kita bagus tidaklah kita susah hendak wujudkan kesedaran tentang pentingnya vaksinasi terutamanya di kawasan luar bandar. Kalaulah capaian internet itu bagus, tidaklah kita susah hendak daftar dan dapatkan maklumat melalui MySejahtera. Kalaulah capaian internet kita bagus tidaklah kita susah hendak buat PdPR. Tidaklah guru-guru kita tertekan. Jadi, kerana halangan-halangan ini saya berharap jika kerajaan berhasrat untuk menggunakan *single dose vaccine* di kawasan luar bandar, pastikan keputusan itu nanti bukanlah atas dasar hendak ambil mudah atau semata-mata untuk memudahkan kerja semua pihak.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Yang Berhormat Mas Gading, minta sekejap.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Okey.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Mas Gading sama ada yang tidak ada MySejahtera apps, mereka perlu ada satu sistem untuk menunjukkan bahawa mereka sudah menerima vaksin terutama di kawasan rumah panjang dan yang belum menerima vaksin, bagaimana caranya untuk mereka *register* atau daftar untuk mendapatkan vaksin? Terima kasih.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Ini mungkin pihak kementerian perlu jawab. Jadi kepada Menteri saya ucapkan terima kasih juga...

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Yang Berhormat Mas Gading, Batu, Batu.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: ...untuk dana sebanyak RM20,000...

Tuan P. Prabakaran [Batu]: 30 saat.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Nanti. Sekejap. Tujuan vaksinasi di kawasan Parlimen masing-masing. Walaupun tidak cukup, kita cukupkan juga. Di pihak saya, saya telah gunakan untuk bantu beli keperluan-keperluan untuk lancarkan proses vaksinasi di PPV kawasan saya. Mana yang boleh kita pinjamkan seperti *laptop* dan *printer*, kita pinjamkan.

Okey. Saya tidak beli, sebab saya hendak jimatkan duit. Hendak beli benda-benda lain yang lebih penting. Okey. Seperti *cold box blood pressure* yang memang banyak kekurangan di hospital-hospital dan klinik kesihatan di luar bandar. Jadi klinik, hospital, sekolah-sekolah dan benda-benda asas sangat diperlukan seperti kertas juga. Jadi, benda-benda asas ini yang kita perlukan untuk bantu di kawasan PPV.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Mas Gading, 30 saat. Saya hanya hendak bangkitkan ataupun tanya pandangan daripada Yang Berhormat Mas Gading berkaitan dengan *apps* MySejahtera ini. Hari Isnin dua hari lalu Tuan Yang di-Pertua bagi tahu Parlimen ada sebanyak 12 kes staf Parlimen COVID positif. Akan tetapi dalam MySejahtera *apps*, kalau kita tengok *hotspot*, boleh *check* data Parlimen ini, *location* Parlimen ini hanya ada enam kes dicatat dalam MySejahtera. Adakah ini satu kegagalan kerajaan untuk, *I think no one update the apps. Is that true?*

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Ini adalah kecelaruan daripada *apps* yang kita guna sekarang. Banyak kekurangan yang perlu diperbaiki. Banyak benda tidak cukup, banyak aduan yang kita terima tetapi mereka takut hendak mengadu secara terus kepada kita. Contohnya di kawasan saya, doktor-doktor takut hendak berurusan dengan kita kerana takut kena marah. Apabila mereka mengadu kepada saya, dan saya sebut di dalam Dewan ini nanti, balik nanti dia orang yang kena marah, diugut kenapa mengadu *straight* kepada MP.

Kenapa tidak mengikut laluan yang betul. Jadi, apabila kita menerima aduan daripada rakyat, daripada kakitangan kerajaan, apabila balik nanti mereka yang kena. Sebab itulah mereka takut hendak mengadu. Jadi, saya harap aduan-aduan ataupun apa yang ditimbulkan ini dalam Dewan ini tidak ditembak balik kepada orang-orang yang telah mengadu.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Mas Gading, sedikit. Batu Kawan.

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Ya.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan rakan saya Yang Berhormat Mas Gading. Apa pandangan

Yang Berhormat Mas Gading mengenai tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa terhadap orang-orang yang membuat laporan ataupun mengeluarkan pendapat mereka dalam laman media sosial mengenai MySejahtera *and in its inefficiencies*.

Saya rasa sudah tiba masa, *it's no longer government knows best*. Hari ini kita ada pakar-pakar luar sana apabila anak muda di luar sana, pakar-pakar memberikan pendapat MySejahtera tidak boleh berfungsi, kenapa tidak gunakan MySelangkah dan *others apps*. Mengapa kerajaan perlu bertindak untuk buat *report* ataupun menyiasat mereka, *charge* mereka atau dakwa mereka. Apakah pandangan Yang Berhormat Mas Gading? Terima kasih

Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]: Okey, *I think* masa pun tidak cukup. Saya harap esok kita boleh ada banyak masa lagi untuk berucap. Mungkin boleh tambah hari dan tambah masa Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Sri Azalina Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Mas Gading. Yang Berhormat Arau.

4.14 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Bismillahi Rahmani Rahim, [Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Kalau kita bersyukur, Allah tambah nikmat. Kalau kita kufur dan ingkar, azab Allah amat pedih. Tuan Yang di-Pertua, saya cakap pasal agama sedikit, orang lain tidak payah sentuh ya. Kalau sekiranya kita sebut kita hendak bersyukur, kita kata syukur bersyarat, tidak.

Syukur kepada Allah tidak bersyarat. Kalau sekiranya Allah bagi kita bala, kita berusaha untuk mengatasinya dan kalau Allah bagi kita rezeki, kita bersyukur. Jadi, kita kena meletakkan bersyukur itu di hadapan sebab ini janji Allah kepada kita. Okey, mari kepada tajuk ini Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali kita kena ambil, kena lihat bahawa apa yang berlaku sekarang ialah daripada kurang baik kepada bertambah baik. Bukan apa yang berlaku sekarang daripada kurang baik kepada buruk. Sebab apabila rakyat bertambah mendapat vaksin, bererti ia bertambah baik. Jadi, kita kena melihat aspek tersebut. Saya selalu ambil pendekatan yang positif.

Itu sebab pada hari ini saya hendak berkongsi pandangan bersama kawan-kawan supaya diberi keutamaan kepada kumpulan sasar tertentu terutamanya kepada warga pendidik seperti sahabat saya dari Simpang Renggam, tadi supaya bagi perhatian kepada pendidikan dan ada Yang

Berhormat menyebut bahawa kerajaan sekarang tidak mengutamakan pendidikan. Yang Berhormat menyebut itu saya terpaksa tegur balik.

Sebenarnya, Kerajaan PH yang tidak utamakan pendidikan kerana Yang Berhormat telah berhenti semasa duduk dalam Kerajaan PH. Kalau Yang Berhormat pentingkan pendidikan, Yang Berhormat tidak berhenti untuk meninggalkan Kerajaan PH.

Okey, balik pada tajuk ini. Kita kena beri perhatian kepada semua kumpulan sasar yang telah disebutkan. Akan tetapi, akhirnya saya bersetuju Yang Berhormat Rembau, terima kasih bagi kepada semua seorang sejumlah RM200,000. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beri kepada semua seorang sejumlah RM300,000. Sebab keutamaan kita sebagai wakil rakyat sekarang ini ialah meningkatkan...

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Sejumlah RM300,000 tidak cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...meningkatkan vaksin dan keduanya memberi bantuan kepada rakyat. Saya sebagai Ahli Parlimen Arau, ini kerja utama saya iaitu meningkatkan vaksinasi, vaksin kepada rakyat saya dan memberi bantuan makanan kepada semua. Saya bukan satu. Sebanyak 16,000 buah rumah di Arau, 100 peratus dapat. Dalam 16,000 buah rumah itu dia mungkin ada satu atau dua keluarga, juga saya bagi.

Jadi, saya minta supaya sesetengah kawan mungkin tidak mampu berbuat demikian, kita tolonglah. Akan tetapi, wakil rakyat sendiri dan pihak kerajaan kena melihat pendekatan Parlimen terlebih mudah. Saya ada penduduk. Pengundi saya sejumlah 46,000 orang dan kalau saya bertanding nanti, saya akan dapat sebanyak RM38,000 *insya*-Allah dan penduduknya lebih kurang sejumlah 70,000 orang. Sebab penduduk Perlis kecil, sejumlah 250,000 orang sahaja. Jadi, kita boleh dapat vaksin dengan cepat sama seperti Sarawak.

Kita punya kadar vaksin yang diterima sekarang ialah sebanyak 5,000 sehari. Kalau 10 hari, sebanyak 50,000, 20 hari sebanyak 100,000. Kalau 30 hari bererti kita capai sebanyak 150,000. Sekarang kita sudah capai dekat sejumlah 70,000. Bererti dalam masa 30 hari—habis, selamat Perlis, sudah dekat sejumlah 90 peratus kita capai.

Demikian juga pendekatan kawasan-kawasan lain. Kalau kita ambil pendekatan kepada Parlimen dan Ahli Parlimen memberi kemudahan menambah baik daripada apa yang ada sekarang, sudah pasti kita dapat selesaikan masalah ini. Sesetengah orang bercakap, negara. Tidak perlu cakap fasal negara, cakap bagi kawasan Parlimen masing-masing. Itu lebih mudah.

Sebab kalau cakap fasal negara, *what is* negara? Negara ialah wakil rakyat kepada kawasan Parlimen masing-masing. Saya di kawasan saya, kerajaan hendak buka pusat vaksin di mana-mana sahaja Ahli Parlimen akan membantu. Di mana-mana sahaja, bukan sahaja kita bagi kemudahan untuk kakitangan yang terlibat dengan vaksin, tetapi kepada rakyat.

Kita menyediakan pengangkutan seolah-olahnya kita berada dalam kempen pilihan raya untuk mengerakkan rakyat mendapatkan vaksin. Dalam masa yang sama kita juga mendapat maklumat kalau mana-mana rakyat yang rasa tertinggal dalam mendapat bantuan makanan, kita bagi bantuan serta-merta. Jadi, saya minta supaya pendekatan melalui Parlimen itu diambil lebih mudah, daripada kita bercakap secara terbuka. Seolah-olahnya kita perjuangkan rakyat. Rakyat mana? Perjuangkan rakyat di Parlimen masing-masing.

■1620

Akhir sekali, sebab saya tidak mahu mengambil masa mana-mana pihak.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Arau minta penjelasan sikit Yang Berhormat Arau. Sikit saja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, silakan.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat Arau, Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Yang Berhormat Arau agak-agak kalau sekiranya Kerajaan PH lah yang memerintah ketika pandemik ini? Agak-agak macam mana?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, kalau kita hendak ungu sejarah, kita minta simpanglah. Mungkin Kerajaan PH tidak dapat mengesan perkara itu. Kalau mereka ambil alih sekarang saya rasa mereka akan menghadapi masalah sebab...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Zaman PH tidak ada jangkitan ya. *Zero*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: COVID-19 ini bermula pada zaman PH.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: *Zero, zero*. 11 hari, *zero*...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Zaman PH.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: ...Kematian, *zero*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bekas Yang Berhormat Menteri, Bekas Yang Berhormat Menteri Kesihatan...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Minta maaf, minta maaf Yang Berhormat Arau kalau hendak kelentong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Shah Alam, you duduk, duduk, duduk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: *Check* –lah data Yang Berhormat.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Arau, cakap mesti ada fakta Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terserah oleh bekas Menteri Kesihatan...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Dalam keadaan negara sihat.

Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]: Jangan tuduh Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bercakap duduk di dalam Yang Berhormat Menteri Pelancongan...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Akan tetapi, oleh sebab pengkhianat, maka diturunkan bala dan berlakunya pandemik kerana kerajaan pengkhianat dan rasuah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Meninggalkan bahawa tidak ada COVID-19. Padahal kita lihat COVID-19 sudah bermula pada zaman PH.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jonathan bin Yasin]: Temberanglah itu.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Kerajaan sokong...

Tuan Jonathan bin Yasin: Amanah pecah kerajaan, fasal PH, Amanah, PKR, DAP.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Kerajaan sogok, sogokkan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa yang telah membuat yang terbaik di Kuala Lumpur dan Yang Berhormat Shah Alam gagal. COVID-19 ini bermula di Kuala Lumpur. Yang Berhormat Shah Alam gagal. Jadi...

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Yang Berhormat Arau tidak turun kah, tidak tahu kah rakyat cakap apa? Yang Berhormat Arau tidak turun *eh?*

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Arau, [*Tidak jelas*] Yang Berhormat Arau janganlah begitu Yang Berhormat Arau.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Arau tebuk pintu belakang punya fasal lah COVID-19 banyak masuk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Meningkatkan orang untuk mendapatkan COVID-19...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Pintu belakang punya fasal lah COVID-19 masuk.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Menteri Kesihatan pun gagal.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Shah Alam gagal, Yang Berhormat Sepang gagal. Yang Berhormat Menterinya gagal.

Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]: Yang Berhormat Arau sudah-sudah itu, cukup masa, Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau, duduk. Yang Berhormat Arau duduk, Yang Berhormat Arau...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Cukuplah Yang Berhormat Arau.

[Pembesar suara dimatikan]

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, saya ucap terima kasih dan berdoa kepada....

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Yang Berhormat Arau dapat GLC, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Allah SWT supaya Allah SWT menyelamatkan Malaysia...

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Daripada COVID-19.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Arau...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Cukup. Okey, terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya juga berharap...

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Sudah 17 ribu kes lah satu hari.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Wangsa Maju. Dipersilakan.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Arau, saya ingin betulkan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Saya ingin betulkan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin betulkan kenyataan Yang Berhormat Arau tadi. Saya tidak berhenti...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: ...Tetapi saya telah diminta...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Saya....

[Pembesar suara dimatikan]

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Tuan Yang di-Pertua...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat tidak boleh, sudah tertinggal bas. Silakan Yang Berhormat Wangsa Maju. Selepas Yang Berhormat Wangsa Maju...

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Sekejap, sekejap. Selepas Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Hulu Rajang dan *last* sekali Yang Berhormat Jerlun. Kemudian Yang Berhormat Menteri. Silakan.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Wangsa Maju, izinkan satu minit, satu saat saja.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Wangsa Maju, lima saat sahaja. Yang Berhormat Wangsa Maju...

Seorang Ahli: Sudahlah Yang Berhormat Simpang Renggam.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Simpang Renggam. Yang Berhormat tidak beri kebenaran. Silakan.

4.23 ptg.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, antara sebab-sebab kegagalan kerajaan mengawal pandemik ini ialah kelewatan mendapatkan bekalan vaksin dan memulakan program vaksinasi. Soalan pertama saya, mengapa kerajaan tidak cuba mendapatkan bekalan vaksin daripada sumber yang lain pada awalnya memandangkan banyak syarikat pembuatan farmaseutikal telah mengeluarkan pelbagai jenis vaksin yang telah digunakan di negara-negara lain selama setahun lebih?

Sehingga hari ini cuma tiga jenis vaksin digunakan di negara kita ini iaitu Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac walaupun terdapat beberapa jenis vaksin lain telah diluluskan oleh NPRA. Saya difahamkan tambahan telah dibuat tetapi mengambil masa berbulan-bulan untuk sampai ke Malaysia dan digunakan di pusat pemberian vaksin.

Tindakan ini telah menunjukkan kepincangan pengurusan dan sikap tidak ambil peduli Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Pada awalnya, MOSTI berulang kali menjamin akan bahawa vaksin untuk rakyat adalah percuma termasuk mereka mendapatkan vaksin di klinik swasta.

Akan tetapi hari ini, kita dimaklumkan Antah Pharma telah dilantik oleh Pharmaniaga untuk menjual dan mengedarkan vaksin Sinovac di negara ini. Antah Pharma akan caj sebanyak RM360 untuk dua dos dan RM300 bagi doktor klinik. Ini bermakna orang yang mendapatkan suntikan vaksin di klinik swasta harus membayar.

Sekali lagi kerajaan telah buat *U-turn*. *MOH Singapore* juga melantik institusi perubatan swasta untuk memberi vaksin Sinovac tetapi mereka caj hanya SGD10 hingga SGD25 saja bagi setiap dos ataupun RM60 hingga RM150 untuk dua dos saja dibandingkan RM360 kita perlu bayar kepada Antah Pharma. Mengapa? Di Malaysia, selepas kerajaan membayar RM2.5 bilion untuk vaksin, mengapa rakyat perlu lagi membayar kepada Antah Pharma untuk vaksin Sinovac.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sebab yang mengakibatkan kelewatan proses vaksinasi ialah kekurangan pusat pemberian vaksin (PPV) khususnya pada peringkat permulaan, hanya terdapat beberapa mega PPV saja yang dibuka di seluruh negara. PPV mega ini jauh daripada kawasan perumahan dan lokasinya tidak dikenali banyak orang.

Tahu kah Yang Berhormat Menteri, betapa sukarnya untuk warga emas dan orang yang tidak mempunyai kenderaan untuk pergi ke PPV mega ini untuk

mendapatkan vaksin. Saya mengalu-alukan pertambahan PPV pada dua bulan kebelakangan ini walaupun ia patutlah dilaksanakan pada permulaan.

Setahu saya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan negeri Selangor, banyak Klinik Kesihatan masih belum dijadikan PPV dan penduduk masih perlu pergi ke PPV mega itu untuk mendapatkan vaksinasi. Saya ingin tahu mengapa kerajaan tidak menggunakan klinik-klinik kesihatan kerajaan yang besar untuk dijadikan PPV? Hampir semua daerah mempunyai klinik kesihatan yang mempunyai ruangnya yang banyak dan cukup besar untuk menjalankan prosedur vaksinasi bagi penduduk setempat. Mereka juga mempunyai doktor-doktor dan jururawat yang terlatih dan berpengalaman melakukan prosedur suntikan vaksinasi.

Lokasi klinik-klinik ini juga dikenali penduduk setempat dan ramai tidak akan ada masalah untuk hadir ke sana. Soalan saya dan rakyat jelata, mengapa kerajaan tidak menggunakan bangunan dan kakitangan perubatan sedia ada tapi memilih untuk menyewa lokasi PPV mega swasta? Harga untuk menyewa dewan swasta seperti *Kuala Lumpur Convention Center* dan sebagainya sangat tinggi kosnya. Soalan saya, sehingga hari ini berapa juta telah dibelanjakan untuk tujuan menyewa dewan mega swasta untuk dijadikan PPV ini? Sekian, terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. 36 (6).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan.

Dr. Maszlee bin Malek [Simpang Renggam]: Okey, tadi Yang Berhormat Arau yang telah cabut lari ini telah menuduh saya berhenti daripada jawatan Menteri Pendidikan dan ini menunjukkan Pakatan Harapan tidak serius berkaitan pendidikan berbanding Kerajaan Perikatan Nasional. Ini tidak benar. Saya tidak pernah berhenti. Apa yang berlaku ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu Yang Amat Berhormat Tun telah meminta saya pulangkan jawatan tersebut kepada Yang Amat Berhormat dan kemudian Yang Amat Berhormat menjadi Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya tidak pernah berhenti. Terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Berhentikan. Samalah. Samalah Yang Berhormat Simpang Renggam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hulu Rajang.

4.29 ptg.**Yang Berhormat Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:**

Terima kasih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya di kesempatan ini turut ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada MOSTI dan KKM di atas keprihatinan yang sentiasa ditunjuk dalam perkembangan kes COVID-19 di negeri Sarawak. Ia merupakan satu cabaran yang sangat besar buat kerajaan negeri dalam mengawalkan saiz negeri yang terbesar di Malaysia di atas kecekapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan barisan *frontliners* yang diterajui oleh *Sarawak Disaster Management Committee (SDMC Sarawak)*.

■1630

Turut telah berjaya mengawal pandemik COVID-19 secara berterusan. Sokongan diberi Kerajaan Persekutuan dengan pembekalan vaksin secara konsisten turut telah membantu kerajaan negeri dalam usaha menyampaikan imuniti kelompok dalam masa terdekat. Ia merupakan satu kejayaan besar, kerana bukan mudah bagi meyakini masyarakat khususnya mereka di luar bandar seperti di Parlimen Hulu Rajang bagi menerima vaksinasi ini. Namun, usaha berterusan oleh semua Ahli Parlimen dan DUN Sarawak di bawah pimpinan Kerajaan GPS telah memberikan keyakinan kepada masyarakat.

Baru-baru ini saya juga bersama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan turut bersama turun padang dalam program *outreach* ke kawasan Lusong Laku di daerah Belaga melihat bagaimana sambutan. Sambutan yang amat menggalakkan oleh masyarakat suku kaum Penan kita yang hadir menerima vaksin. Rakyat sedar Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *the only exit way from COVID-19 is through vaccination*.

Tuan Yang di-Pertua, mendaftar melalui aplikasi MySejahtera. Namun perlu diambil perhatian bahawa tiada langsung akses internet di kawasan luar bandar seperti di kawasan Parlimen Hulu Rajang. Justeru itu, sangat menyukarkan untuk mereka bagi mendaftar. Saya ingin mencadangkan agar program suntik dahulu, daftar kemudian, *hybrid method* yang telah dijalankan di negeri Sarawak harus diperkenalkan dan diperluaskan di kawasan pedalaman di negeri seluruh negara. Usaha ini sangat penting bagi memastikan imuniti kelompok dapat dicapai dengan kadar segera Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, saya mohon kepada kerajaan untuk menempatkan serta menambah pegawai iaitu *public health specialist* di semua bahagian di Sarawak juga perlu disegerakan. Pegawai tersebut amat diperlukan semasa berlakunya pandemik seperti COVID-19. Di Sarawak hanya tiga orang iaitu di hospital bahagian Miri, Sibul dan Kuching saja yang mempunyai perjawatan itu.

Keperluan ini sangat penting selaras dengan perkembangan penyakit berjangkit yang kini sedang berleluasa. Ini kerana, kita tidak tahu bila pandemik ini akan berakhir, maka keperluan penempatan pegawai itu adalah perlu disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan akan terus mengkaji dengan lebih mendalam dan terperinci agar kelonggaran kebenaran merentasi negeri selepas tamat darurat pada 1 Ogos ini melalui Program Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi memastikan tiada penularan baharu di kalangan masyarakat kerana saya pasti kita tidak mahu memasuki fasa empat penularan COVID-19 yang akan menjadi lebih parah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mohon agar kementerian juga harus memberi pendidikan yang meluas khususnya pada masyarakat selepas menerima vaksin (*post-vaccination*). Ini kerana baru-baru ini tular di media sosial bahawa terdapat cubaan untuk menukar dengan memberikan persepsi negatif kepada mereka yang menerima vaksin *Sinovac* berbanding vaksin yang lain. Saya pasti agensi NPRA telah menjalankan kajian terperinci ke atas semua vaksin yang digunakan termasuk penerima dua vaksin baharu iaitu *Johnson & Johnson* dan *CanSino* tidak lama lagi. Perkara ini harus dipandang serius kerana terdapat pihak tidak bertanggungjawab memutarbelitkan fakta yang mengelirukan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada semua petugas barisan hadapan KKM, polis, angkatan tentera, RELA, sukarelawan, JPAM, pejabat residen, ketua kampung, ketua masyarakat, pejabat daerah dan banyak lagi supaya jangan putus asa kerana anda adalah harapan kami. Jika anda berputus asa, maka kita semua akan gagal memerangi wabak ini. *We believe and we trust in you all frontliners. Together we fight till the end for our beloved nation*, demi negara yang tercinta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Akhir sekali Yang Berhormat Jerlun.

4.34 ptg.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Jerlun turut membahaskan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Bermula dengan permintaan dari negeri Kedah Darul Aman di mana kita lihat rata-rata orang Kedah semakin dapat menerima vaksinasi ini walaupun di peringkat awalnya mereka rasa agak sangsi. Akan tetapi, walaupun ada minat untuk di vaksinasi, malangnya kerana kerenah birokrasi yang melibatkan

pendaftaran melalui MySejahtera, maka kadar pendaftaran agak rendah seperti mana yang dilaporkan oleh Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana itu, saya alu-alukan tindakan yang telah dibuat oleh pihak MOSTI untuk membuka pelbagai cara-cara lain untuk mendaftar. Ini tentunya banyak membantu masyarakat kita khususnya di luar bandar.

Saya ingin mohon adakah boleh pihak kementerian pertimbangkan bagaimana untuk kita mengurangkan ataupun ketepikan terus birokrasi yang dilakukan ini supaya kerja-kerja vaksinasi ini dapat disegerakan dan diperluaskan juga. Kedah adalah negeri yang menyumbang kepada jaminan bekalan makanan. Usaha untuk mengeluarkan makanan seperti beras ini adalah dianggap sebagai perkhidmatan yang diperlukan ataupun *essential services*. Oleh kerana itu, kita sangat mengharapkan Kedah turut dapat diberikan keutamaan untuk mendapatkan vaksin sebanyak yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat apa yang telah dilakukan oleh negara seperti Amerika Syarikat. Apabila Presiden Biden mengambil alih tampuk kepimpinan negara tersebut, antara perkara yang paling utama beliau lakukan ialah untuk memulihkan keyakinan rakyat terhadap Rumah Putih (*White House*) sebelum dia memulakan program vaksinasi dalam pentadbirannya. Saya lihat di Malaysia ini pun itu satu perkara yang perlu kita lakukan untuk meyakinkan rakyat bahawa apa juga yang hendak diusahakan oleh kerajaan bagi membendung penularan wabak ini, adalah dengan sifat penuh profesionalisme dan telus. Malangnya ada juga wakil-wakil daripada pihak kerajaan yang telah tunjukkan teladan yang tidak baik. Maka itulah yang menjejaskan keyakinan rakyat terhadap ketelusan yang saya maksudkan sebentar tadi.

Seterusnya ialah mengenai PPV termasuklah PPV mega. Kita terkejut apabila mendengar berita apabila bahawa ada lebih dari 200 orang pekerja termasuklah yang sukarelawan di IDCC didapati positif. Saya sangat kecewa dengan keadaan ini kerana di PPVlah sepatutnya mereka menunjukkan contoh yang paling baik yang boleh diteladani oleh rakyat dalam mematuhi SOP. Saya tahu bahawa penyakit ini walaupun dijangkiti lebih 200 orang daripada pekerja tidaklah bermaksud ia akan menjadi kluster baharu yang akan menyebarkan, akan menjadi *superspreader*, tetapi walaupun begitu, amalan ataupun budaya keselamatan perlu diterapkan oleh pekerja-pekerja kita khususnya di PPV ini supaya tidaklah kita menjadi masalah pula kepada rakyat. Walaupun begitu, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua *frontliners* kita yang telah bertungkus-lumus untuk mengerjakan tugas mereka.

Seperkara lagi ialah soal kekeliruan di antara kementerian. Saya dapati kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri-menteri – Pertamanya pada 16 Jun, Yang Berhormat Gombak berkata bahawa pekerja kilang diutamakan melalui PIKAS. Kemudian pada 17 Jun, Yang Berhormat Menteri pula umum pelajar-pelajar SPM dan STPM didahulukan. Kemudian pada 30 Jun, pelajar ke luar negara pula diberi keutamaan. Pada 14 Julai, Yang Berhormat Tenggara pula umum bahawa bukan SPM tetapi STPM yang didahulukan. Saya rasa lebih baiklah kalau anggota-anggota Kabinet ini setuju dulu sebelum mengeluarkan kenyataan-kenyataan mengelirukan seperti itu.

Akhir sekali saya ingin bertanya, MOSTI telah mengumumkan geran khas program *Surveillance Genomic COVID-19* untuk menentukan apa varians yang beredar dalam masyarakat kita. Saya ingin bertanya berapakah jumlah geran tersebut dan bilakah geran itu diluluskan? Apakah institusi yang terlibat? Apakah hasil daripada pasukan ini? Terima kasih.

■1640

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan itu sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Rembau untuk menjawab. Silakan.

4.40 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Pertama sekali, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah turut serta dalam perbahasan pembentangan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang telah saya buat pada awal pagi tadi. Pihak badan bertindak CITF juga berterima kasih di atas pandangan dan cadangan penambahbaikan yang telah pun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya anggap bahawa sesi pada hari ini telah pun dijalankan dengan semangat *bipartisan*, semangat *whole of government and whole of society approach*. Sebab, saya rasa dalam tujuan program imunisasi ini, kita semua berkongsi matlamat iaitu untuk memastikan bahawa kita dapat memberi perlindungan vaksinasi kepada seramai mungkin secepat mungkin. Jadi, semua teguran dan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat saya terima dan saya ucapkan terima kasih dan, *insya-Allah*, saya akan usahakan sebaik mungkin.

Ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan melalui kategori yang mungkin saya cuba menjawab satu persatu. Antaranya adalah...

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yang Berhormat, saya baru nak mula.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ya, tapi ada satu perkara di situ saya nak sebut. Tahniah Yang Berhormat Rembau dengan semangat tadi itu— ini adalah *bipartisan*— dan kerana telah menerima teguran-teguran, pandangan-pandangan daripada semua pihak dalam usaha ini.

Dalam kesempatan ini, saya ingin bertanya pihak Yang Berhormat tentang satu laporan yang telah dibuat oleh *CodeBlue*. Satu kes yang telah dilaporkan iaitu di PPV *Setia City Convention Center* dan dia telah melaporkan sesuatu yang baik untuk penambahbaikan PPV tersebut dan sebagainya. Akan tetapi, apabila dia *point out*, dia pula kena *charge* di bawah seksyen 505(b) *of the Penal Code* dan juga seksyen 233 *of the Communications and Multimedia Act*. Sedangkan sebenarnya apa yang telah di-*point out* itu adalah sesuatu yang baik yang mana selepas itu semua PPV telah pun dipertingkatkan dan sebagainya hasil daripada laporan ini.

Jadi, apakah Yang Berhormat membuat pertimbangan supaya apabila sesuatu *to point out* yang baik itu, jangan dicaj. Janganlah dia dicaj tetapi ambil baik cadangan-cadangan tersebut supaya kita dapat sama-sama perbaiki apa yang *being pointed out including this reporter*. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya sedia maklum kes ini. Walaupun keputusan untuk disiasat ataupun dituduh itu di luar lingkungan tugas saya, namun secara semangatnya, saya setuju dengan Yang Berhormat. Tidak perlu diambil tindakan terhadap sesiapa yang membuat laporan untuk menambah baik PPV. Saya akan bincang dengan badan-badan dan juga pihak berkuasa yang berkaitan untuk memastikan bahawa kita biar sahajalah apa yang telah berlaku sebagai satu laporan yang telah dibuat dalam semangat untuk menambah baik program PICK kita.

Saya ingin bermula dengan menyentuh soal perolehan. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, keputusan untuk kita melaksanakan perolehan telah pun dibuat pada bulan November yang lepas setelah kita melihat kepada *interim data* yang didapati daripada beberapa syarikat pembekal vaksin termasuklah Pfizer dan sebagainya.

Kita perlu ingat bahawa pada waktu tersebut, vaksin yang dibangunkan oleh Pfizer yang menggunakan platform m-RNA tidak pernah diguna dalam dunia. Ini adalah kali pertama digunakan vaksin m-RNA ini. Baru kali pertama diadakan ujian klinikal, masih lagi menunggu dapatan penuh daripada ujian klinikal tersebut.

Malaysia telah mengambil tindakan yang berhemah dengan melihat kepada keputusan interim dan membuat tempahan setelah kita berpuas hati dengan keputusan keberkesanan (*efficacy*) dan juga keputusan keselamatan (*safety*) vaksin-vaksin tersebut.

Sebenarnya selain daripada Malaysia, negara Australia, Korea Selatan dan Jepun telah menerima bekalan vaksin Pfizer lebih kurang pada masa yang sama. Ini menunjukkan bahawa kita telah membuat penilaian yang sama dengan negara-negara yang maju yang ada di rantau Asia Tenggara ataupun *Asia Pacific*.

Saya ingin memaklumkan bahawa— ada yang memberi pandangan berkenaan dengan Singapura. Singapura, saya tak pasti apa sebenarnya yang telah menyebabkan mereka yakin untuk membuat keputusan sedikit lebih awal tetapi antaranya adalah pelaburan yang telah dibuat oleh Temasek iaitu syarikat pelaburan Kerajaan Singapura yang telah melabur bersama dengan pelabur-pelabur lain sebanyak USD250 juta dalam syarikat BioNTech pada bulan Jun 2020. Syarikat BioNTech ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah syarikat usaha sama dengan Pfizer yang telah bangunkan vaksin Comirnaty keluaran Pfizer. Jadi saya mungkin andaikan kalau sekiranya Temasek adalah sebahagian daripada pemilik syarikat tersebut, kemungkinan besar mereka akan didahulukan daripada segi penghantaran vaksin.

Saya difahamkan melalui laporan media bahawa negara Israel, sebagai contoh, yang juga dijadikan rujukan sebagai negara yang antara pertama menerima vaksin Pfizer telah membayar harga yang tinggi dan setuju untuk data-data vaksinasi rakyat mereka dikongsi bersama dengan Pfizer. Ini opsiyen yang tidak diberikan kepada mana-mana negara yang lain.

Indonesia pula telah mulakan vaksinasi awal dengan menggunakan vaksin Sinovac kerana Indonesia menjadi tapak untuk ujian klinikal fasa tiga Sinovac. Negara ataupun pengeluar vaksin akan memberi keutamaan kepada negara-negara yang menjadi tempat ujian klinikal bagi vaksin mereka.

Namun demikian, saya terima teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita lebih pantas untuk membuat ramalan bagi tahun-tahun yang mendatang. Sebahagian besar daripada pembahas juga merujuk kepada keperluan untuk kita membuat perolehan vaksin untuk tahun hadapan. Mungkin ada yang telah baca laporan media yang menyatakan bahawa ada negara-negara

yang sudah mula membuat tempahan untuk tahun 2022. Mungkin ada keperluan untuk diberikan dos yang ketiga ataupun, dengan izin, *second booster shot* dan juga vaksin yang diberikan kepada golongan kanak-kanak.

Sebab itu pada dua minggu yang lepas, saya telah pun bermula rundingan dengan syarikat-syarikat pengeluar vaksin terutamanya Syarikat Pfizer untuk Malaysia memuktamadkan perolehan vaksin bagi tahun 2022 dalam masa yang terdekat untuk memberi tumpuan khusus kepada pengeluaran Pfizer yang baharu iaitu spesifik untuk *booster dose* dan spesifik untuk vaksin kepada golongan kanak-kanak yang akan dikeluarkan pada tahun hadapan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri, Sik ada sikit soalan. Sik di belakang. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Berkaitan dengan perolehan dan penghantaran vaksin ini, kalau dilihat jumlah yang perlu dihantar oleh Pfizer sebanyak 45 juta dos itu, kita baru menerima lebih kurang sembilan juta. Jadi, kita ada baki lebih kurang 36 juta dos lagi. Jadi, adakah ada obligasi undang-undang yang boleh kita aktifkan ketika mana ada kelewatan yang mungkin akan berlaku untuk kita terima vaksin ini?

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Tambahan untuk *booster dose*.

Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, tambahan juga.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan *booster dose* khususnya, kerana ramai antara mereka yang menerima vaksin Sinovac dan kerajaan telah memutuskan untuk keluarkan Sinovac daripada PICK. Jadi, apabila *booster dose* diperlukan, bagaimana kerajaan akan memberikan *booster dose* ini untuk mereka yang sedang menerima Sinovac?

■1650

Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, sedikit Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua...?

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang]: Berkaitan dengan apa yang ditanya tadi. Adakah *booster dose* ini akan dibayar oleh kerajaan ataupun oleh penerima, seperti yang dicadangkan untuk penjualan vaksin *Sinovac*? Terima kasih.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri, Bandar Kuching sedikit lagi. Isu berkaitan, tadi saya ada bangun untuk bertanya tentang polisi *booster dose* ini kerana banyak yang sekarang mereka telah pergi untuk membuat antibodi *test* dan kita tahu ada segelintir yang memang akan

vaccine resistance. Jika mendapat keputusan negatif, apakah SOP apakah *advisory* yang seterusnya jika Yang Berhormat Menteri boleh beri penjelasan? Terima kasih.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya satu soalan? Boleh menjelaskan ya, mengapa masih perlukan mega-mega PPV kalau cara-cara lain yang mungkin boleh...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Sekejap Yang Berhormat, saya hendak sentuh kepada isu yang dibangkitkan dahulu, *then we can go on to the other thing later*. Ya?

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Okey.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Okey, berkenaan dengan isu-isu yang dibangkitkan tadi. Berkenaan dengan *booster dose* ini. Buat masa ini kita masih lagi menunggu syor daripada kumpulan pakar yang dipengerusikan oleh Doktor Kalaiarasu a/l Peariasamy, Pengarah *Institute Clinical Research of KKM* yang pada minggu hadapan akan memberi syor berkenaan dengan keperluan sama ada kita perlu *booster dose* ataupun tidak. Perkara ini juga akan dibentangkan bukan hanya dari sudut keperluan *booster dose* berdasarkan pengalaman di negara-negara lain. Akan tetapi sama ada kita dapat memberi *booster dose heterologous vaccination*.

Maksudnya kita memberi vaksin yang berbeza daripada vaksin asal yang kita terima. Ada beberapa buah negara yang sudah mengamalkan *heterologous vaccination*. Contoh di Korea Selatan dan Jerman. Disebabkan gangguan kepada bekalan vaksin, mereka terpaksa *mixed vaccination* mereka. Kita akan dapat syor daripada kumpulan pakar berdasarkan kepada *real world data*, data klinikal sama ada *heterologous vaccination* ini selamat, yang pertamanya.

Kedua, sama ada mereka yang telah menerima lengkap dua dos satu jenis vaksin, boleh terima *booster shot* yang ketiga menggunakan vaksin yang lain. Namun demikian, menjawab soalan daripada Yang Berhormat Gopeng tadi. *Sinovac* tidak dikeluarkan daripada PICK. Cuma kerajaan sudah selesai menerima perolehan kita tetapi *Sinovac* masih lagi berada di dalam PICK dan kita boleh pada bila-bila waktu dan masa memperoleh *Sinovac* untuk PICK. Malah untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Gopeng, ada setengah orang yang tak boleh terima vaksin *Pfizer* kerana ada masalah alahan ataupun *anaphylaxis*.

Oleh sebab itu kerajaan akan kekalkan dalam PICK stok penimbal atau *stockpile* sedikit *Sinovac* untuk kita beri kepada mereka yang memang tidak sesuai untuk terima vaksin *Pfizer*. Berkenaan dengan *antibody testing* yang dibangkitkan oleh...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:
[Bangun]

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: [Bangun]

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Sekejap ya Yang Berhormat. Saya jawab Yang Berhormat Bandar Kuching dahulu. Berkenaan dengan *antibody testing* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching, kita akan membangunkan satu polisi untuk *antibody testing*. Buat masa ini kerajaan tidak menyarankan agar *antibody testing* dilaksanakan dan ini adalah selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh *US Food and Drug Administration* (FDA) dengan CDC yang mengingatkan orang ramai dan juga pengamal kesihatan bahawa ujian antibodi SARS-CoV-2 yang dibenarkan sekarang tidak boleh digunakan untuk menilai tahap imuniti atau perlindungan seseorang dari COVID-19 pada bila-bila masa.

Oleh sebab *standardization and guidelines* tidak ada dan seperti mana Yang Berhormat sebut mungkin ada yang *vaccine resistance*, yang tidak menunjukkan antibodi. Dengan itu, apa yang kerajaan telah buat adalah untuk memperuntukkan sebanyak RM15 juta supaya kita dapat melakukan di bawah *Institute for Medical Research* KKM satu *antibody immune surveillance* program. Kajian ini penting untuk kita melihat tahap antibodi dan *neutralizing antibody* di kalangan penerima-penerima vaksin di Malaysia dan dapat ditentukan meliputi perkara-perkara berikut, *it has be quite specific*.

Menentukan kadar *seroconversion antibody* yang meningkat dan meneutralkan SARS-CoV-2 pada lapan masa berbeza selama dua tahun di antara penerima vaksin yang pertama dan menentukan tahap tindak balas sel-T dan antibodi air liur terhadap SARS-CoV-2 pada tiga masa yang berlainan selama tiga bulan di kalangan populasi umum yang menerima pelbagai jenis vaksin dan menganggarkan kejadian jangkitan COVID-19 selepas vaksinasi. *So, that is a medical research that is going on as far as the antibody testing for lay people are concern* kita masih belum ada lagi garis panduan dan saya harap tidak di... [Tidak jelas]

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri, boleh tidak tanya sedikit?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:
Boleh tanya sedikit soalan?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Sekejap, saya minta Yang Berhormat Semporna dulu.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri dah nyatakan tadi tentang *another approach* menggunakan *booster* dan *two dose* dalam mengatasi masalah COVID-19 di negara ini. Di samping itu kita juga menyedari hakikat bahawa ada vaksin yang hanya menggunakan hanya *single dose like Johnson and Johnson*.

Saya ada menyatakan di peringkat awal, takkan kita tidak boleh menggunakan hanya cuma *single dose* untuk mengurangkan perbelanjaan negara? Kita terbatas kewangan. Negara kita sudah berhutang *more than one trillion*. Kalau ini *proven and approve by WHO, why can't we confine? So, at least the rural area particularly*, dengan izin, kawasan-kawasan luar bandar untuk mereka mendapat sampai tiga dos mengambil masa untuk mereka berada di pusat vaksinasi yang ada. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:

Boleh? Atas *point* yang sama Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Sekejap Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, Saya jawab sekejap ya. Minta maaf Yang Berhormat, mungkin saya tidak berapa jelas tadi. Polisi kerajaan adalah untuk memberi sekurang-kurangnya adalah satu dos. *That is a must*, terutamanya kawasan luar bandar pedalaman dan apabila bekalan pertama *CanSino* satu dos sampai, saya telah berjanji kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Negeri Sabah yang akan dapat dahulu sebab kita *we want to give to the* kawasan pedalaman di Sabah.

Apa yang kita tidak tahu setakat ini adalah sejauh mana, *how long the vaccine works for?* Berapa lama keberkesanan vaksin itu bertahan? Itu yang kita tak tahu. Kita tak tahu sebab kita belum lagi ada data daripada negara-negara lain. Kita kena ingat bahawa kebanyakan negara hanya baharu mula menggunakan vaksin ini pada bulan Januari. *So, at best we only have seven months data, at best. Johnson and Johnson* mungkin lebih kurang atau tempohnya kurang daripada enam bulan. *So, what we will do is of course* kita akan bagi dahulu satu dos, kawasan pedalaman *for sure*.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh Yang Berhormat Menteri?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Akan tetapi saya bangkitkan, sekejap. Saya bangkitkan isu soal *booster dose* secara keseluruhan.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: *Antibody*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *It may will be the cases* Yang Berhormat, *that after six month* kita nampak antibodi itu menurun dan *we have to go back to* kawasan pedalaman untuk memberi dos yang kedua,

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mohon cakap soal *booster* Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Saya bagi laluan kepada Yang Berhormat Kinabatangan, kemudian Kulim-Bandar Baharu, selepas itu Yang Berhormat Gopeng.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri, memang betul bahawa ramai dalam masyarakat sekarang ini pergi jumpa doktor ambil darah buat *blood testing* untuk sama ada antibodi dia 60 peratus kah, 40 peratus, 90 peratus. Jadi, rupa-rupanya benda ini tidak *compulsory* sebab belum ada satu sistem yang diletakkan oleh kerajaan.

Jadi apakah tindakan selanjutnya sebab ini mungkin tidak perlu galakan dan doktor yang lain tidak perlu membuat *testing* dengan mana-mana sebab tidak ada juga apa-apa keuntungan dia. Kedua, soal *booster* ini, COVID-19 ini sebetulnya sama ada betul atau tidak virus ini datang daripada manusia dan dia punya vaksin pun daripada manusia. Jadi mungkin tidak akan ada *ending* dia. Mungkin ia akan berlarutan dan apa yang penting sekarang ini iaitu kita pastikan bahawa semua rakyat di vaksin dan kita akan tentukan pula hala tuju kita selepas itu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya ada dua perkara. Vaksinasi ini Yang Berhormat Rembau akhir sekali adalah ke arah *herd immunity*. Akan tetapi ancaman ia adalah varian. Soalan saya, apakah sudah ada dalam perkiraan MOSTI dalam banyak-banyak vaksin, vaksin apa yang boleh menjadi jawapan kepada varian baharu ini dan apakah sudah dilakukan usaha yang seterusnya untuk perolehan? Itu yang pertama.

■1700

Kedua, satu ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya ikuti dalam laporan media, ikut melancarkan hasil kerjasama Malaysia-China untuk menghasilkan satu vaksin yang namanya '*Coughnif*'. Katanya dia sudah buat *sample* hampir 34 ribu di Mexico, Indonesia, China dan Malaysia. Kemudian ujian klinikal ia pun lulus satu, dua. Lulus oleh siapa? Oleh EUL, Yang Berhormat Menteri tahu kan, dibuat WHO tetapi kemudian senyap.

Saya ingat masa masuk itu lebih kurang macam *Sinovac* juga. Jadi sebenarnya dekat mana berakhirnya percubaan untuk '*Coughnif*' ini yang

dikatakan usaha sama Malaysia-China ini. Apakah ia- sangkut dekat MPRA atau sangkut kat mana? Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan antibodi. Apabila jangkitan COVID-19 ini berlaku, ratusan antibodi terjadi di dalam badan dan bukan semua antibodi itu *neutralizing antibody*. Sebahagian antibodi dijadikan untuk- ada pasaran yang mengesan antibodi adalah untuk mengesahkan sejarah jangkitan dan ini bukan *neutralizing* antibodi.

Jadi memang usaha baik untuk memantau keberkesanan vaksin yang sedia ada daripada segi memantau tahap *neutralizing* antibodi. Soalan saya, adakah sepatutnya berlaku sekarang memantau antara populasi yang tidak diberikan vaksin, sama ada mereka telah dijangkiti. Kalau kita tahu berapa peratus yang pernah dijangkiti, kita akan dapat meramal setakat mana tahap jangkitan tersebut dan sama ada kita sudah melepasi puncak pandemik.

Jadi, saya cadangkan supaya kementerian ataupun sama ada Kementerian Kesihatan ataupun MOSTI boleh buat *surveillance* daripada segi antibodi di kalangan populasi yang masih belum divaksinasi. Sekian.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:Terima kasih Yang Berhormat Gopeng atas cadangan yang baik itu. Kita akan ambil maklum saranan kajian tersebut. Saya setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan soal *booster* itu memang kita sedang kaji. Akan tetapi yang penting seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Semporna tadi kita selesaikan dahulu dos yang pertama dan dos kedua. Kalau ada *single dose vaccine*, kita percepatkan.

Namun demikian saya terpaksa bangkitkan isu *booster dose* sebab sudah pun dibangkitkan dan perkara yang perlu kita membuat persediaan sekiranya perlu kita melaksanakannya.

Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu telah membangkitkan dua *point* berkenaan dengan varian. Setakat kita tahu sekarang, vaksin *Pfizer* dengan vaksin *AstraZeneca* sudah pun menunjukkan melalui penerbitan di dalam jurnal kesihatan bahawa walaupun ada sedikit penurunan daripada segi keberkesanannya terhadap varian Delta masih lagi berkesan.

Vaksin *Sinovac* telah pun kita terima maklumat daripada pengeluar sendiri yang mengatakan bahawa vaksin *Sinovac* juga memberikan tahap perlindungan yang baik terhadap varian Delta. Daripada liputan akhbar yang kita boleh lihat, sebab saya difahamkan di Indonesia sebahagian besar daripada barisan hadapan kesihatan mengambil *Sinovac* dan di sini, *Pfizer*. Akan tetapi walaupun berlaku

sedikit angka kematian di sana tetapi jumlah yang terdedah kepada virus yang terpaksa masuk ICU ataupun meninggal dunia adalah pada kadar yang rendah.

Jadi kita simpulkan di situ bahawa *any vaccine is good vaccine for you*, walaupun berlakunya Varian Delta sekarang...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Boleh saya tanya soalan?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yes.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat, Kulai sudah lama tunggu.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yang Berhormat...

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Petaling Jaya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yang Berhormat Petaling Jaya nak bangkitkan fasal vaksin ke fasal PPV.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: PPV.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Nanti, PPV belum sampai tajuk ia lagi.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat, saya hendak tanya tentang vaksin, Kulai.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yang Berhormat Kulai, ya.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat Rembau soalan saya tentang '*Coughnif*' tadi.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya, '*Coughnif*'. Saya dengar Yang Berhormat Kulai dulu. Yang Berhormat boleh?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya. Tadi Yang Berhormat ada sebut bahawa sedikit *Sinovac* ada dikekalkan atau disimpan untuk orang yang tidak sesuai dengan *Pfizer* atas alasan perubatan. Akan tetapi sekarang kami juga ada menghadapi situasi di mana *Sinovac* itu tidak di *recognize* oleh beberapa buah negara seperti Singapura dan Australia.

Jadi, untuk mereka yang perlu pergi ke sana, pelajar ataupun mereka yang bekerja di Singapura, boleh kah mereka minta bahawa *Pfizer* diberikan kepada mereka. Saya setuju dengan polisi Yang Berhormat Menteri bahawa warga Malaysia sepatutnya kita tidak memilih mana satu vaksin. Akan tetapi untuk kategori ini kerana mereka ada alasan yang pada pandangan saya sangat *solid*, sangat bagus, ada *channel* tidak untuk mereka minta sesuatu vaksin itu seperti *Pfizer* diberikan kepada golongan ini.

Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yang Berhormat Kulai, kita...

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, berkaitan juga Yang Berhormat Menteri. Penampang.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Boleh?

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *Just want to ask you, dengan izin, can the government fund this booster shot dan adakah government ingin menjual booster shot ini? Terima kasih.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Sebagai contoh, vaksin *Pfizer* hanya dijual kepada kerajaan negara sahaja dan bukannya pada pasaran swasta. Itu memang polisi *Pfizer*. Jadi mahu tidak mahu, Kerajaan Persekutuan akan beli, akan peroleh dahulu.

Dasar berkenaan dengan pemberian vaksin *booster* ini akan ditentukan dan diumumkan kemudian oleh Menteri Kewangan, mungkin dalam Belanjawan akan datang. Akan tetapi saya yakin kita akan dapat memberi vaksin ini kepada sebahagian besar daripada rakyat kita secara percuma dalam PICK yang berterusan.

Soalan daripada Yang Berhormat Kulai tadi. Seperti mana Yang Berhormat Kulai tahu, kita mengamalkan dasar yang tidak boleh memilih. *That is the best policy for us right now.* Akan tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu untuk *practical reason*, kita boleh memberikan kelonggaran.

Saya bagi contoh kepada Yang Berhormat Kulai. Pelajar-pelajar yang pergi untuk universiti di luar negara, kita padankan mereka dengan vaksin yang diiktiraf di negara yang mereka hendak pergi. *So those student who are going to China, we have been giving them Sinovac, those student who are going to Europe for instance, we have been giving them Pfizer or AstraZeneca.*

Jadi dalam kes-kes yang praktikal dan tertentu, kita boleh menerima permintaan melalui *MySejahtera Helpdesk* untuk mereka pergi ke luar negara bagi tujuan vaksin yang diiktiraf oleh negara tersebut.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Sikit sahaja.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tambah satu sahaja. Mereka minta di PPV kah atau bagaimana? Hal ini kerana mereka terima notis.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Kita akan ada satu *feautre* dalam *MySejahtera*. Sekarang ini sudah ada *feautre MySejahtera*.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Memang ada, mereka sudah terima notis daripada *MySejahtera*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Akan tetapi mereka tidak pasti.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Okey.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Jadi kerana setakat pengetahuan saya, PPV tersebut sekarang bagi *Sinovac* tetapi pelajar itu hendak pergi ke Australia. Jadi maksudnya mereka pergi ke PPV dan buat permintaan untuk *Pfizer on the spot, is it?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Tidak, mereka boleh batalkan temu janji dan boleh melalui *Helpdesk* minta supaya mereka menyatakan bahawa mereka pelajar yang ingin ke luar negara untuk mendapat vaksin.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri sikit sahaja.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Saya hendak jawab Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dulu. Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bangkitkan isu vaksin daripada *Institute of Medical Biology Chinese Academy of Medical Sciences* (IMBCAMS) dengan jenama '*Coughnif*' kalau tidak silap saya tetapi pengeluaranya *Institute of Medical Biology Chinese Academy of Medical Sciences*.

Ujian klinikal fasa tiga telah berjalan semenjak bulan Januari di Malaysia dan kita bakal menerima keputusan itu pada hujung tahun ini. Namun demikian, ada syarikat yang sudah pun mula proses pendaftaran vaksin IMBCAMS ini dengan NPRA. Apabila NPRA sudah berpuas hati dengan *dossier*, maklumat yang terkandung dalam permohonan itu, maka kita akan memberikan kelulusan.

Saya sedia maklum bahawa vaksin ini telah menerima *emergency use authorization* di negara China. Vaksin ini juga vaksin kegemaran Yang Berhormat Alor Gajah juga sentiasa tanya saya bila hendak diluluskan... *[Ketawa]*

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Tangga Batu Yang Berhormat.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Vaksin ini mungkin akan kita luluskan dalam masa yang terdekat.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching, sedikit sahaja.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Tangga Batu.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tanjong Karang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang dulu, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Saya pergi Yang Berhormat Tanjong Karang selepas itu Yang Berhormat Hulu Selangor.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Selepas itu Bandar Kuching ya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya Bandar Kuching.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Tangga Batu selepas itu.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tadi Yang Berhormat Menteri fasal vaksin *Sinovac*, tadi disebut di Indonesia pun dah bermula dulu tetapi kita sedia maklum bahawa *Sinovac* juga sudah lama di Malaysia.

■1710

Sejak tahun 2018 dan satu-satunya vaksin yang dikendalikan oleh syarikat tempatan iaitu Pharmaniaga. Tadi juga disebut bahawa Sinovac ini telah pun memenuhi obligasi daripada kerajaan. Jadi, persoalan saya ialah adakah selepas ini Pharmaniaga boleh menjual Sinovac ini terus kepada kerajaan negeri ataupun kepada pihak swasta dan adakah mesti juga melalui SOP iaitu kena juga mendapat kelulusan daripada JKJAV. Terima kasih.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Tangga Batu Yang Berhormat. Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Minta maaf. Okey. Tidak apa. *Ladies first*. Yang Berhormat Tangga Batu.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Okey, kita ini kan masih lagi bila kita bincang macam ini masih ramai lagi sebenarnya orang-orang kawasan saya bertanya bila kami hendak dapat vaksin ini. Dari bulan Mac meminta dalam MySejahtera tetapi belum lagi mendapat. Jadi, mereka mengatakan ini macam Zaiton Samion kata lah, "*menaruh harapan*". Jadi, lagi satu ialah bila ada yang mengatakan boleh *walk in* dan siapa yang boleh *walk in*? dan pukul berapakah ataupun ada tidak *limit* masa bila yang boleh *walk in*. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching. Sedikit sahaja.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Sandakan. Yang Berhormat Menteri.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Okey, selepas Bandar Kuching, Sandakan. *[Ketawa]*

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Kota Kinabalu.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Saya hendak tanya soalan pertama. Tadi, Yang Berhormat Kulai ada membangkitkan tentang pelajar yang keluar. Saya hendak tanya tentang kanak-kanak di bawah 18 tahun. Saya tahu satu keputusan telah dilakukan untuk tidak memberikan tetapi ada *timeline* tidak untuk *review* keputusan tersebut. Itu nombor satu. Nombor dua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan tentang Sinopharm— bukan. Vaksin dari China. Satu syarikat telah *apply* untuk mendapatkan bekalan tersebut. Saya hendak tanya syarikat apa yang telah dapat kontrak untuk Sinopharm di Malaysia untuk Moderna dan juga Johnson jika ada atau kita hanya dapat dari COVAX. Ketiga, adakah kerajaan bercadang untuk *regulate* harga *in the private sector*? Berapa mereka boleh *charge* untuk setiap vaksinasi. Sekian terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Dengan izin.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya perlu merakamkan usaha gigih Menteri *despite in all odds from the very beginning. Alhamdulillah, I've been giving you all this support. Go, go, go.* Semua kita mahukan perkara ini dilakukan dengan yang terbaik.

Soalan saya ringkas sahaja. Yang Berhormat Menteri, sejauh mana akan MOSTI *particularly yourself* bersedia untuk membuat pelaburan. *At this critical time*, sementara kita berhadapan dengan cabaran *of the variant of the concern practically Delta, Lambda* dan sebagainya untuk sama bergiat dalam satu *production of a second generation vaccine* yang mana merupakan satu pendekatan *propriety molecular biology and chemical technology to develop novel vaccine*. Di mana kalau dengan izin saya beri masa lebih sikit dalam bahasa Inggeris, *a taking a unique approach to vaccination again SARS-CoV-2 instead of only using one target antigen. Their developing a vaccine that focuses on all major immunogenic features of the SARS-CoV-2 virus but cannot spread meaning dia ada vector— they cannot reproduce. Making unsafe an applicatious. A digital DNA design platform, this is a new platform. Digital DNA design platform not your viral vector platform, not your test and trial technology of the actuated virus* ataupun *your mRNA particularly.*

A digital DNA design platform is used to ensure rapid development and easy production of novel vaccine RVX-13, which is already in the media. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, sejauh mana Malaysia dan Menteri *particularly I'm*

seeing you as one of the future. Would you wanting invest this kerajaan Perikatan Nasional we Malaysian want to invest this second generation vaccination? That would be a question because moving forward as you very well have noted tadi adalah cabaran variant and if this variant come this way, it is as if we are facing another new pandemic.

Soalannya, apakah Malaysia bersedia melaburkan membuat pelaburan yang besar untuk melahirkan satu *second generation* vaksin yang menggunakan *an innovative technology based on* apa yang dikatakan sebagai *technology that is based on targeting more than one despite sporting the exploiting but rather than all major immunogenic features of the SARS-CoV-2 virus*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Panjang sedikit. Maaf.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri, Sandakan.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Kota Kinabalu.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Saya minta jawab soalan dahulu. Sebab banyak perkara yang saya hendak sentuh. Tuan Yang di-Pertua pun tidak bagi masa yang panjang. Saya jawab pertama dahulu Yang Berhormat Tanjong Karang. Terima kasih atas pandangan yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Karang tadi. Cuma, saya tidak pasti vaksin mana yang wujud sejak tahun 2018 untuk COVID-19. Sebab itu, COVID-19. *Corona Virus Disease 2019. So I'm not quite sure what corona virus vaccine there was in 2018*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau salah Pharmaniaga *inform* saya, bukan salah saya. Saya pun tanya benda yang sama. Dia kata mungkin pembawa sejak 2018 tetapi pada masa itu memang untuk cacing sahaja tetapi itu yang sekarang digunakan untuk COVID-19. Itu maklumat yang diberikan kepada saya oleh pihak Pharmaniaga.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Okey, Yang Berhormat.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Tanjong Karang belum makan ubat ni.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Akan tetapi, Yang Berhormat tepat berkenaan dengan soal obligasi Sinovac kepada kerajaan Malaysia. Itu sudah selesai. Sejumlah 12 juta mengikut kontrak asal sudah selesai. Kita sudah minta tambahan sebanyak 3 juta sebab ada sedikit kekurangan daripada Pfizer bagi bulan Ogos. Selepas itu, kita bercadang untuk memberi peluang kepada pasaran swasta untuk wujud. Ini bukan *u-turn* ya. Disebut oleh Yang Berhormat Wangsa Maju kalau tidak silap saya *u-turn*. Sebab kalau mengikut PICK, vaksin

ini adalah percuma. Cuma, pada satu masa bila sudah ada bekalan di peringkat swasta tak akan kita hendak tutup bekalan tersebut. Sebab bekalan itu memang sudah ada. Keperluan kerajaan, ada. Bekalan yang diberikan kepada kerajaan dan PICK pun sudah ada. Jumlah suntikan vaksin kita sebanyak 500 ribu satu hari dan kalau ada tambahan yang ada pada pembekal, kita boleh buka kepada pasaran swasta secara terkawal.

Apa yang saya maksud secara terkawal. Secara terkawal maksudnya kita di Jawatankuasa Jaminan Akses Vaksin yang dipengerusikan bersama oleh saya dah Menteri Kesihatan akan menentukan harga siling untuk penjualan vaksin di pasaran swasta supaya tidak membebankan mereka yang hendak bayar. Mereka yang hendak bayar ini mungkin mereka yang tidak mahu tunggu untuk PICK walaupun kita bagi jaminan pada bulan Ogos, September dan Oktober kita akan hampir selesai semua dewasa. *But if they want to go and get vaccinated faster in private market, they can pay but we would like to put a ceiling price to this* dan perkara ini akan ditentukan oleh jawatankuasa akses vaksin pada minggu hadapan apabila bermesyuarat nanti. Perkara ini saya akan maklumkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dan telah pun disyorkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara semalam.

Yang Berhormat Tangga Batu bangkitkan soal bila dapat vaksin. Saya percaya dalam tempoh masa sebulan dua ini ramai yang telah daftar awal akan dapat. Sekarang ini MySejahtera menggunakan algoritma. Siapa yang daftar dahulu akan dapat. Cuma, kadang-kadang senarai menunggu yang dilaksanakan di PPV tidak mengikut algoritma tersebut ataupun di kawasan-kawasan tertentu mungkin belum lagi selesai suntikan untuk fasa kedua iaitu warga emas dan juga OKU. Akan tetapi, secara umumnya polisi kita dari segi algoritmanya ialah untuk menolak mereka yang telah mendaftar dahulu di kalangan mereka berusia 60 tahun ke bawah. *But when a senior citizen registers now, they would be push up.* Maknanya dia akan dapat segera janji temu mereka. Saya hendak habiskan semua jawapan saya dahulu ya. Selepas itu, saya akan— kalau ada masa nanti saya akan buka kepada yang lain. Untuk *walk in*, kita sudah buka *walk in* kepada warga emas. Untuk Kuala Lumpur dan juga negeri Selangor.

■1720

Berdasarkan kepada prestasi suntikan yang diberikan kepada warga emas, di negeri-negeri lain, apabila mereka sudah sampai kepada nilai ambang tertentu mungkin *95 percent of those who are 60 years old and above, who have already received their vaccination*, maka, kita boleh buka kepada *walk-in*. Cuma *walk-in* ini kita kena berhati-hati sedikit sebab kita tidak mahu berlakunya suatu

kesesakan di PPV apabila ada ramai warga emas di kawasan tersebut yang masih lagi belum menerima vaksin mereka.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Yang Berhormat Menteri, boleh?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Sekejap saya hendak habiskan saya punya jawapan tadi. Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching. Ini adalah perkara yang agak sedikit panjang yang saya perlu sedikit masa Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak jawab Yang Berhormat Bandar Kuching bersekali dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong dan juga Yang Berhormat Simpang Renggam berkenaan dengan vaksinasi untuk sektor pendidikan. Selepas itu, saya akan jawab soal vaksinasi untuk kanak-kanak. Ini tajuk besar dan *please* saya minta kerjasama daripada Yang Berhormat Bukit Mertajam dan juga daripada Ahli Yang Berhormat untuk bagi saya peluang menjawab ini dulu...

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Sandakan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *...And then we back to your inquiries later. I am no problem answering ya.* Cuma bagi peluang kepada saya menjawab soalan ini dahulu.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Tetap. Saya hendak membangkitkan Peraturan Tetap 12 untuk meminta Tuan Yang di-Pertua mempertimbangkan. Lanjutkan masa hari ini kerana semalam Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak mahu melanjutkan masa, tidak mahu menjawab soalan tetapi hari ini kita ada Menteri yang hendak menjawab semua isu yang telah dibangkitkan. *[Dewan Tepuk]* Saya rasa sepatutnya kerajaan ataupun Tuan Yang di-Pertua, tidak ada halangan kerana isu vaksin isu yang sangat penting untuk Malaysia sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Kita akan sokong, kita akan sokong Yang Berhormat Menteri.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak mahu melanjutkan masa, ternyata kita bukan datang di sini untuk mendengar fakta tetapi hanya untuk membazirkan masa. Pertimbangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya...

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan Peraturan Tetap...

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah kata sampai 5.30 petang, habis banyak saya ada kuasa pun 15 minit, 5.45 petang. Saya sudah katakan tadi.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Kerajaan boleh bawa usul untuk melanjutkan masa.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya cadangkan Yang Berhormat Menteri bawa usul.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh kita selamatkan masa. Yang Berhormat Menteri tolong sambung. Tidak ada lagi pencelahan. Saya tidak akan benarkan kerana tidak cukup masa.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu saya setuju Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Kita akan sokong usul, jangan takut.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Selamatkan nyawa bukan selamatkan masa.

[Pembesar suara dimatikan]

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Tolong diam, bolehkah tidak? Tolong diam, boleh?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Minta Yang Berhormat TPM bawa usul.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri boleh bawa usul.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Gunalah kuasa Yang Berhormat TPM.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Boleh usulkan.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong diam, bolehkah tidak? Yang Berhormat Menteri, silakan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak menyentuh soal vaksinasi kepada sektor persekolahan. Sehingga 27 Julai seramai 303,682 orang guru iaitu 73.5 peratus, 45,197 orang Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) ataupun 67 peratus dan seramai 33,633 orang pekerja perubatan sokongan kontrak sebanyak 38 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi vaksinasi guru kelas peperiksaan tingkatan lima dan enam, status kemajuan adalah menggalakkan dengan sejumlah 80,717 orang guru iaitu 90 peratus telah pun di vaksin manakala bagi sekolah swasta seramai 12,894 orang guru ataupun 66.8 peratus telah pun di vaksin. Seramai 4,367 orang guru tahun

peperiksaan ataupun 58 peratus dan 3,026 orang kakitangan sokongan iaitu 54 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos.

CITF sedang bekerjasama rapat dengan KPM dalam memastikan bilangan guru, anggota kumpulan pelaksana dan perkhidmatan sokongan kontrak yang belum mendapat janji temu lagi dapat dikenal pasti segera untuk dibuat penjadualan janji temu. Terdapat sebilangan yang menolak vaksin di kalangan guru dan saya menyeru supaya pihak pentadbir sekolah dapat membuat capaian kepada golongan tersebut supaya tidak tercetusnya jangkitan selepas pembukaan sekolah. Saya ingin pergi kepada –Sekejap Yang Berhormat Jelutong. *I want to go to the student pula.*

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Pertanyaan, sedikit sahaja.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Is it okay* Yang Berhormat Simpang Renggam kalau saya pergi kepada *student* pula?

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tidak, sedikit sahaja. Berkaitan dengan kakitangan sokongan itu adakah termasuk kakitangan kantin dan juga pemandu-pemandu bas sekolah seperti yang saya tanyakan tadi? Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Kakitangan sokongan yang saya maksudkan ini adalah pegawai keselamatan, pekerja pembersihan, operator kantin, pemandu bas dan van sekolah Yang Berhormat.

Bagi vaksinasi untuk golongan remaja dan juga pelajar sekolah. *Task force* program vaksinasi guru, anggota kumpulan pelaksanaan dan pekerja perkhidmatan sekolah di semua institusi pendidikan telah diadakan dan KPM bersama MOSTI memantau vaksinasi kumpulan ini termasuk pelajar tingkatan enam yang sudah mencapai umur 18 tahun. *We are giving the vaccinations to those who are 18 and above especially of those who will be sitting their STPM examination but* saya ingin sentuh berkenaan dengan vaksinasi untuk golongan *adolescent*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, sebelum itu sedikit sahaja. Saya berterima kasih di atas segala inisiatif yang diambil oleh Yang Berhormat. Bolehkah saya mendapat komitmen daripada kerajaan bahawa sebelum sekolah dibuka pada bulan September nanti semua warga guru di Malaysia diberikan suntikan sekurang-kurangnya satu dos? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan komitmen tersebut?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Saya bersama dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan memberikan jaminan bahawa semua warga pendidikan akan diberikan vaksinasi sebelum pembukaan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Confirm? Confirm?*

Terima kasih Yang Berhormat Menteri ya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Sekarang saya hendak pergi...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat, satu persoalan. Tadi sekolah, adakah termasuk kolej vokasional?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Saya terima baik cadangan daripada Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya akan berbincang dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya kita masukkan semua kategori lain yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Simpang Renggam termasuk jugalah dengan Kementerian Pengajian Tinggi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Termasuk juga pelajar-pelajar.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Pelajar, pelajar saya hendak sentuh sekarang ya. Ini isu yang penting.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri, Sandakan. Sekejap saja. Sedikit saja. *Regarding MySejahtera just now.* Terima kasih Yang Berhormat Menteri. *So, regarding to MySejahtera Helpdesk* tadi. *So, student* yang perlu melanjutkan *studies* ke luar negara, *oversea* lah. Jadi, adakah ada satu macam *timeframe* apabila mereka sudah *apply* melalui MySejahtera *Helpdesk*, berapa lama mereka perlu menunggu sebab ada kes-kes yang memberitahu saya, satu bulan atau dua bulan pun tidak mendapat temu janji dan mereka perlu pergi dengan segera? Itu adalah soalan pertama.

Soalan saya yang kedua adalah mengenai vaksinasi di Sabah. Jadi, dalam nota penerangan Yang Berhormat Menteri, sebanyak 1.856 juta dos diagihkan ke Sabah tetapi kenapa jumlah dos yang diberikan hanya 18 peratus? Di Sandakan adalah lebih kasihan, 8.3 peratus untuk dos pertama dan 13.9 peratus untuk dua dos. Adakah ini bermakna kakitangan tidak cukup? *My third question is a last question also.*

So, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk memberi vaksin pintu ke pintu kepada kawasan PKPD di kawasan seperti di Sandakan? Ini disebabkan kawasan yang dijalankan PKPD merupakan kawasan yang *high redzone* sebab kawasan rumah-rumah yang mereka tinggal adalah sangat padat dan sangat *easy get to contact for the COVID-19* dan juga merupakan kawasan *high risk*.

Setakat ini ada sebanyak 27 buah kawasan di Sabah yang dikenakan PKPD. Selepas PKPD, mereka sudah *test* COVID-19 negatif adalah *opportunity* yang sangat bagus untuk beri vaksin mereka. Hari ini ada empat buah kawasan

lagi di Sandakan dijalankan PKPD. Jadi, untuk beri bakul makanan sahaja bukan adalah satu *way out, for my point of view*. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri adalah untuk menjalankan vaksinasi pintu ke pintu juga. Oleh sebab sekarang kes positif di Sabah mencecah hampir 1 ribu kes sudah. Hari ini adalah sebanyak 912 kes. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Menteri *look into all the Sabah seriously. Thank you so much*.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan]: Yang Berhormat Menteri, singkat tapi penting. Satu saja, satu saja. Boleh tanya? Pagi ini saya membangkitkan Yang Berhormat Menteri, setakat hari ini, masih lebih 10 juta orang rakyat Malaysia belum mendaftar MySejahtera untuk mendapatkan vaksin. Apakah yang akan dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan semua rakyat ini mendaftar untuk mendapatkan vaksin supaya usaha kita dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan tidak gagal *to achieve 80 percent herd immunity?* Terima kasih.

■1730

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Yang Berhormat Menteri, Lanang di sini. Saya ingin sentuh tentang vaksinasi di Sarawak. Sebenarnya di Sarawak, memang kita ada banyak vaksin dan sekarang kita telah benarkan *walk-in*. Akan tetapi, banyak lagi yang telah menerima vaksin tetapi sekarang MySejahtera, mereka belum *update* lagi. Ada yang pada bulan April sehingga sekarang dalam MySejahtera mereka masih kosong. Jadi, mereka masih menerima panggilan dari KKM untuk menerima vaksin. Mereka yang faham, mereka tidak akan mengambil dos seterusnya. Akan tetapi, bagi warga emas, mungkin mereka akan anggap itu sebagai *booster dose* dan pergi ke PPV untuk mengambil dos ketiga.

Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh selaraskan dan *coordinate* dengan MySejahtera supaya vaksinasi dan MySejahtera ada satu *coordination* agar rakyat tidak dikelirukan. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya banyak hendak dijawab. Saya cuba jawab satu per satu dan sambung apa yang saya hendak sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak ada pencelahan lagilah selepas ini. Perkara 37(2).

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ini perkara yang penting berkenaan dengan vaksinasi untuk golongan remaja. Untuk golongan remaja

berusia 18 hingga 17 tahun, pihak NPRA telah memberikan kelulusan untuk vaksin Pfizer diguna pakai terhadap golongan remaja berusia 12 hingga 17 tahun.

Di Malaysia ini, penggunaan vaksin ini bergantung pada, satu, pendaftaran oleh NPRA secara *regulatory*, dan yang kedua adalah *advice from the experts*. Dalam hal ini, *technical working group* penilaian calon vaksin yang dipengerusikan oleh Dr. Kalaiarasu M. Peariasamy telah memberikan syor kepada Jawatankuasa Jaminan Akses Vaksin untuk tangguh dahulu pemberian vaksin kepada golongan remaja antara 12 hingga 17 tahun.

Keputusan ini adalah selaras dengan keputusan yang telah dibuat di United Kingdom di mana mereka telah tangguh dahulu pemberian vaksin kepada golongan 12 hingga 17 tahun. Sebab yang diberikan adalah berdasarkan kepada pelaporan kesan sampingan di Amerika Syarikat. Terdapat kesan sampingan *myocarditis*, radang jantung, adalah sebanyak 40 kes per satu juta dos vaksin mRNA COVID-19 Pfizer yang diberikan kepada lelaki yang berumur 12 hingga 29 tahun.

Dengan insiden yang walaupun kecil tetapi sedikit membimbangkan, *technical working group* telah menyarankan agar kita menunggu dahulu untuk data daripada negara-negara lain dapat diperoleh sebelum kita meneruskan vaksin untuk kumpulan remaja ini. Walaupun dalam sebahagian besar kes *myocarditis* di Amerika Syarikat tidak ada kematian ataupun tidak ada kes yang serius, tetapi kita tidak tahu kesan jangka masa panjang kepada mereka yang mendapat radang jantung ataupun *inflammation of the heart and pericarditis*.

Oleh sebab itu, buat masa ini, apa yang telah diputuskan oleh JKJAV adalah kita tidak memberikan vaksinasi kepada usia 12 hingga 17 tahun tetapi kita akan keluarkan satu garis panduan klinikal (*clinical guidelines*) untuk usia 12 hingga 17 tahun yang mempunyai risiko tinggi daripada COVID-19. Ini juga selaras dengan pandangan daripada United Kingdom. *Teenagers who have chronic illness, who are immunocompromised, will be offered the vaccine on the voluntary basis with all risk assessment done. But it will only be available for that particular group of teenagers for now, as far as the vaccination is concern.*

Jadi, soal pelajar SPM, pada asalnya memang kita hendak bagi tetapi setelah mendapat pandangan daripada pakar termasuklah *pediatric cardiologists* dan sebagainya, kita *decided to err on the side of the caution as far as the side effects of myocarditis and pericarditis for young adolescents.*

Saya minta supaya dapat teruskan sebab ada beberapa soalan lagi yang belum dijawab.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Minta syarikat yang dapat kontrak— Sinopharm, Moderna...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya, ya. *I am coming to you, I am coming to you.* Untuk Sinopharm, *product registration holder* tempatan adalah Syarikat Duopharma, anak syarikat Permodalan Nasional Berhad (PNB). *There is only one product registration holder per vaccine. So, Pfizer is Pfizer Malaysia, AstraZeneca is AstraZeneca Malaysia, Sinovac is Pharmaniaga and in the case of Sinopharm, it has been given to Duopharma. It has nothing to do with the government.* Itu antara Sinopharm dengan Duopharma. Mereka telah daftar dengan NPRA. Bagi Johnson & Johnson...

Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Sekejap. Bagi *Johnson & Johnson, it is Johnson & Johnson Malaysia is the product registration holder. For Moderna, saya difahamkan belum lagi dapat kelulusan ataupun pendaftaran NPRA tetapi yang membuat permohonan adalah Zuellig Pharma untuk vaksin Moderna.*

Pandangan daripada Yang Berhormat...

Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan Sinopharm.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara 37(2), tidak ada pencelahan lagi.

Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang]: *Just to clarify.* Di Sabah, sebuah *company* bernama Kanger International telah *joint venture* dengan *state government* untuk *supply* 800,000, kalau saya tidak salah...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Saya tidak pasti tentang...

Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang]: *You not sure about that?* Okey.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Saya tidak pasti tentang perjanjian tersebut. Akan tetapi, oleh sebab sudah ada *product registration holder*, apa sahaja penjualan Sinopharm di Malaysia mesti melalui Syarikat Duopharma sahaja dan bukannya syarikat yang lain.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Menteri, sikit. Zuellig Pharma, apakah faktor yang menjejaskan pendaftaran Zuellig Pharma *for Moderna*, Yang Berhormat Menteri, *if you may answer quickly?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Saya difahamkan *it will be registered very soon*, Yang Berhormat. Ya.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Berkenaan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi, saya setuju, saya rasa kita perlu melihat jauh ke hadapan tentang perkara ini, Yang Berhormat ya. Sebab, kita perlu *future-proof vaccination* kita. Mutasi, seperti mana yang Yang Berhormat Kuala Selangor tahu, sekarang ini berlaku pada *spike protein*. Itu antigen kepada m-RNA. Akan tetapi, kalau *spike protein* itu sudah berubah, maka vaksin itu tidak berkesan lagi. *So, we have to look forward.* Yang Berhormat pun sedia maklum, ada ribuan lagi penyakit daripada haiwan yang zoonosis ini yang belum lagi lompat kepada manusia. *So, I think we can work together on this,* Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: *Excellent,* Yang Berhormat Menteri. *We may also involve* dalam *clinical trial* mereka. *Second generation vaccine.* Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya, terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Menteri, Bukit Mertajam.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Saya hendak menjawab soalan daripada Yang Berhormat Teluk Intan berkenaan dengan mereka yang belum mendaftar. Yang Berhormat Teluk Intan dalam perbincangan tadi bangkitkan cadangan sama ada kita hendak wajibkan, mandatori. Buat masa ini, kerajaan tidak ada cadangan untuk mewajibkan vaksin sebab program kesihatan awam di Malaysia, *all vaccinations are voluntary in Malaysia.* Kita tidak mahu sampai tahap di mana kita hendak paksa orang dengan undang-undang untuk menerima vaksin.

Akan tetapi, apa yang kita harap akan meningkatkan jumlah pendaftaran ataupun mereka yang enggan mendaftar adalah kebebasan ataupun kemudahan yang akan diberikan kepada mereka yang lengkap vaksinasi. Ini akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kemudahan yang diberikan kepada mereka yang lengkap vaksinasi, *what they can do,* dan saya harap mereka yang enggan menerima vaksin akan rasa mungkin terpanggil untuk mendapatkan vaksinasi untuk mendapat dan menikmati kemudahan-kemudahan yang akan diumumkan.

Yang Berhormat Lanang, saya ambil maklum, *we are coordinating with the state government to update the MySejahtera* untuk memastikan bahawa mereka yang sudah dapat melalui *manual registration* di Sarawak dapat sijil tersebut.

Saya rasa, kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Penampang juga telah menanyakan soalan berkenaan dengan sijil vaksinasi untuk mereka yang menerima vaksin di luar. Jadi, kita akan buka satu *feature* dalam MySejahtera

bagi mereka yang menerima vaksin di luar untuk mereka mendapatkan sijil kuning dalam MySejahtera tersebut.

Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang]: *Reciprocal recognition?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Sorry?*

Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang]: *It would be a reciprocal recognition?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *We are working on reciprocal recognition with countries bilaterally. So, dengan Singapura, sebagai contoh, kita sudah ada satu perjanjian dengan Singapura di mana mereka mengiktiraf MySejahtera kita dan kita mengiktiraf aplikasi mereka di negara kita. Rundingan yang sama sedang dilaksanakan dengan EU, dengan China dan juga negara-negara lain.*

Terdapat juga masalah sekarang ini ada yang terima satu dos di luar, datang sini hendak terima dos yang kedua. *So, we are trying to overcome this.* Kita boleh terima pada *face value* yang mereka telah terima dos yang pertama, *but we don't know.* Mereka tunjuk kad sahaja. Di UK, sebagai contoh, dia tidak ada aplikasi, dia ada Kad NHS sahaja. *So, we have to take at face value that they have a first dose overseas.*

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Menteri.

Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang]: *And they will receive the same privilege, Minister, as the one that you will announce or the Prime Minister will announce?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Yes.*

Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang]: *Same privilege. Thank you.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Kalau sekiranya mereka kata mereka terima dos di luar dan mereka lengkap dua dos di sini, kita akan bagi kebebasan yang sama kepada merekalah. Ya.

■1740

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya menyokong cadangan Yang Berhormat Segambut tadi untuk kita beri lebih masa kepada Yang Berhormat Menteri. Saya datang dari Sabah dan saya rasa vaksin topik yang paling penting sekarang...
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Tolong duduk. Yang Berhormat Menteri tolong habiskan. Lagi lima minit sahaja.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]:

PPV belum sebut lagi, belum...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Menteri, soalan saya belum dijawab...

Tuan Yang di-Pertua: Bagilah masa kepada Yang Berhormat Menteri sebab banyak sangat, tidak boleh jawab.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: CITF, CITF tidak jawab lagi.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *So, what is your question* Yang Berhormat Bukit Mertajam?

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua yang tidak bagi masa sekarang untuk Yang Berhormat Menteri jawab.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Berkenaan kilang. Pekerja kilang.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh tolong diam sekejap boleh tak. Manakah kuasa saya hendak sambung masa ini? Tolong diam sekejap.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, berkenaan kilang. Pekerja kilang.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya suka mendengar bahawa Yang Berhormat Menteri kata bagi jaminan menjelang bulan September semua akan dapat vaksin. Saya harap sekurang-kurangnya berikan tarikh kepada mereka. Kalau ada tarikh, bolehlah orang hendak vaksin merancang. Kalau tidak, apabila pihak swasta dibenarkan untuk jual, mungkin kerana tidak tahu tarikhnya mereka terpaksa beli. Saya harap bagi tarikh.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya, saya hendak...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak faham bahasa Malaysia ini susah. Saya kata 37(2), saya boleh tidak bagi sesiapa pun mencelah kerana hendak habiskan urusan tetapi mencelah juga.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Adoi.

Tuan Yang di-Pertua: Kemudian, kata saya tidak bagi masa. Yang Berhormat Menteri...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab secara ringkas.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bolehkah kami minta Tuan Yang di-Pertua, merayu kepada Yang Berhormat Menteri kerana Menteri ada di sana...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Menteri, pekerja kilang Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Lagi? Saya hendak bagi macam mana?

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Lanjutkan masa kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana saya hendak lanjutkan masa?

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Rayulah, rayu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, tolong. Lagi empat minit sahaja.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan cadangan daripada Yang Berhormat Bukit Mertajam, cadangannya baik. Sebenarnya kalau boleh saya hendak bagi semua janji temu cuma masalahnya kalau vaksin *Sinovac* kita tahu lebih kurang dia punya penghantaran sebab sebahagian besar di *fill and finish* di Malaysia.

Akan tetapi *the problem that I have* Yang Berhormat Bukit Mertajam *Pfizer*. *Pfizer* hanya memberi jadual penghantaran untuk dua minggu akan datang. Ini amalan di seluruh dunia. Apabila mereka hanya memberi jadual penghantaran untuk dua minggu sahaja, saya tidak pasti berapa banyak akan sampai.

Apabila tidak pasti berapa banyak yang sampai, saya tidak boleh buat unjukan untuk memberi temu janji kepada semua *because I do not know whether Pfizer will give me 2 million this week, 1.4 million next weeks. No, in two weeks' time or 2 million in three weeks' time. So*, itu masalahnya sekarang. Apabila kita dapat *clarity* daripada segi jadual penghantaran maka kita akan *push as many appointment as soon as possible*.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Sekarang Pharmaniaga mempunyai stok 14 juta vaksin. Mengapakah tidak kerajaan menggunakan stok itu dahulu untuk memberikan dos pertama? Mereka yang belum dapat dos pertama lebih kurang 8 juta orang. Jadi kalau 14 juta itu dibeli, mungkin kita boleh berikan dos pertama dahulu kepada yang belum dapat dos pertama. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Itu pertimbangan yang perlu kita buat berdasarkan kepada kemampuan kerajaan juga sebab perolehan kita sudah pun kita maksimumkan dengan siling. Sebanyak 14 juta yang dikatakan ada stok itu adalah stok yang dia hendak bawa untuk dijual kepada pasaran swasta. Itu pun kita belum tentukan berapa banyak dia boleh bawa masuk. Akan tetapi kalau kita hendak beli lagi daripada *Sinovac* sementara kita tunggu penghantaran *Pfizer*, *then they will add to the bill* perolehan kita.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, boleh bagi *single dose* dahulu *and then postpone the second dose*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Pfizer, Sinovac* ini, Yang Berhormat Bayan Baru. *Pfizer*, kita telah memikirkan soal melanjutkan *interval dosing*. Ada cadangan kita melanjutkan enam minggu, lapan minggu dan kita sedang melihat kepada melanjutkan *interval*. *There is only one issue to that*, sebelum penularan *variants of concern* Delta, memang kita sudah bersetuju untuk melanjutkan kepada enam hingga lapan minggu *Pfizer*.

Akan tetapi dengan adanya varian Delta, kita dapati bahawa keberkesanan satu dos vaksin sahaja *Pfizer* adalah dalam lingkungan 30 peratus sahaja. Dengan itu, *technical working group* telah membuat saranan kepada JKJAV supaya *Pfizer* punya *interval* itu jangan dilanjutkan ataupun dipanjangkan dan kekal pada 4 minggu. Sekarang ini kita belum lagi ada keputusan untuk *heterologous vaccination* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam. *Give them Sinovac first, give them Pfizer second*, contoh. *We will have decision by next week*.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: *[Bangun]*

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Akan tetapi saya yakin kalau berkenaan dengan kos...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1) untuk lanjutkan satu jam lagi supaya kita ada masa untuk memberikan jawapan yang lebih lengkap.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Kalau perkara ini berkaitan dengan kos, saya yakin Ahli dalam Dewan ini bersetuju untuk kerajaan membelanjakan lebih banyak kerana ini berkenaan dengan nyawa 7.8 juta orang yang belum dapat dos pertama. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan memberikan pertimbangan yang serius terhadap isu ini.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Saya ucapkan terima kasih. Saya harap... *[Dewan riuh]*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri ada kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1) untuk...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Jempol, Jempol...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, masa sudah tamat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Menteri ada...

Tuan Yang di-Pertua: Saya arahkan Yang Berhormat Menteri agar boleh memberi jawapan-jawapan yang selanjutnya yang tidak dapat dijawab ini dalam masa 10 hari bekerja secara bertulis.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 29 Julai 2021. *Assalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.46 petang]